



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

Bil. 49	Selasa	8 Disember 2020
---------	--------	-----------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 5)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2021

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Kepala B.31	(Halaman 29)
Kepala B.48	(Halaman 65)
Kepala B.33	(Halaman 101)

**USUL-USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2021

**Jawatankuasa:-**

Kepala P.31	(Halaman 29)
Kepala P.48	(Halaman 65)
Kepala P.33	(Halaman 101)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 65)

Meminda Jadual Di Bawah P.M. 66(9) – Mengurangkan RM1,900,500

Daripada Peruntukan Kepala B.33 (Halaman 101)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Selasa, 8 Disember 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Ahli-Ahli Yang Berhormat, setiap pertanyaan oleh Yang Berhormat akan diperuntukkan masa selama satu minit dan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri diperuntukkan selama dua minit dan tiada sebarang pertanyaan tambahan. Silakan, Yang Berhormat Kuantan untuk soalan MQT pertama.

**1. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan:

- (a) keputusan Majlis Tanah Negara secara terperinci berkenaan kebenaran penerokaan dan pengeluaran REE (*Rare Earth Elements*) di Kedah dan di tempat lain dalam negara dan apakah syarat-syarat yang diberikan sekiranya ada; dan
- (b) apakah kandungan elemen dalam REE tersebut dan sama ada iaanya mengandungi thorium.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tanah Negara belum berbincang secara terperinci berkaitan penerokaan dan pengeluaran *rare earth elements* (REE) di Kedah dan tempat lain dalam negara ini. Namun, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sedang membangunkan kerangka prosedur operasi standard (SOP) perlombongan unsur nadi bumi bukan radioaktif untuk memastikan perlombongan dijalankan secara mampan. SOP ini merangkumi keseluruhan aktiviti dalam rantai nilai mineral daripada perlombongan sehingga

kepada pengurusan sisa penutupan lombong secara progresif dan proses pengilangan. SOP ini disokong oleh perundangan berkaitan seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Penyiasatan Kaji Bumi 1974, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Penyelarasaran Perindustrian 1975 dan Enakmen Mineral Negeri-negeri.

Pematuhan sepenuhnya SOP tersebut merupakan syarat utama sebelum memulakan sebarang perlombongan NR-REE yang dikawal melalui Skim Pengendalian Melombong (OMS) oleh GMG. Namun begitu, ini tidak bermakna kerajaan sudah bersedia untuk membenarkan perlombongan NR-REE pada masa ini. Sebagai contohnya, kerajaan tidak akan membenarkan sebarang aktiviti perlombongan REE, terutamanya di kawasan hutan simpan kekal tanpa sebarang penilaian dan kelulusan teknikal. Ini bagi mengelakkan insiden pencemaran yang boleh menjadikan alam sekitar, sumber air dan kesihatan masyarakat dan penting ialah kepentingan negara dan rakyat. Untuk makluman, Majlis Mineral Negara yang telah diaktifkan semula akan menilai SOP NR-REE ini dan akan dibincangkan bersama kerajaan negeri, kementerian berkaitan dan pihak-pihak berkepentingan dan tentunya mendapat pandangan daripada awam. Mesyuarat pertama Majlis Mineral Negara dijangka diadakan pada penghujung Disember ini.

Walaupun pengeluaran permit untuk penerokaan mineral terletak di bawah kuasa kerajaan negeri, namun penetapan dan penentuan syarat-syarat akan dibentuk secara bersama melibatkan kerjasama antara agensi di peringkat Pusat dan agensi di peringkat negeri bagi memastikan semua syarat dipatuhi sebelum kelulusan diberikan. Sumber REE di Malaysia yang mempunyai potensi untuk diteroka adalah merupakan sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif, *non-radioactive rare earth elements* (NR-REE). Sumber ini boleh di ekstrak melalui kaedah ‘in situ leaching’ daripada lampung jerapan air, daripada kajian oleh Jabatan Mineral dan Geosains. Kehadiran unsur thorium dan sumber NR-REE ini dicatat pada sekitar 0.27375 gram iaitu pada tahap yang sangat rendah.

Merujuk kepada Perintah Pelesenan Tenaga Atom (Pengecualian) (Bahan Radioaktif Keaktifan Rendah) 2002, sekiranya tahap keaktifan bahan radioaktif ini tidak melebihi nilai satu gram, maka ia dikecualikan daripada Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan dianggap bukan radioaktif. Oleh sebab itu, antara prasyarat yang ditetapkan dalam SOP perlombongan NR-REE ini adalah ia hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh LPTA berkaitan kadar keradioaktifan bahan tersebut. Sukacita saya memberi penegasan bahawa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli iaitu kerajaan tidak mengeluarkan sebarang kelulusan untuk aktiviti perlombongan di mana-mana negeri, terutama di kawasan hutan simpan kekal. Tidak ada kelulusan diberi kepada mana-mana negeri pada setakat ini.

Namun demikian, mana-mana pihak yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, lama lagi?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Sedikit sahaja. Mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kelulusan, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan melalui akta dan perundangan yang ada. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, kalau jawapan terlalu panjang, bagi jawapan bertulis.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Sik.

**2. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan perkembangan siasatan dan langkah tegas kementerian dalam menangani kes kartel daging import haram yang turut memproses daging babi di Senai, Johor baru-baru ini.

#### ■1010

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian KPDNHEP memandang serius isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sik dan sentiasa menghormati sensitiviti masyarakat majmuk di negara ini. Kementerian sentiasa menyambut baik sebarang cadangan dan pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagi meningkatkan keupayaan dua sektor penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi iaitu memperkuuhkan kesejahteraan rakyat serta merancakkan pertumbuhan sektor peruncitan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Sik, siasatan sedang dijalankan di bawah perenggan 8 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu mana-mana orang yang memperakui bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu adalah halal yang bertentangan dengan perintah ini dan jika disabitkan kesalahan syarikat boleh dikenakan denda tidak melebihi sebanyak RM200,000. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh didenda tidak melebihi sebanyak RM500,000.

Siasatan lanjut juga akan dijalankan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 sekiranya didapati bahawa sumber produk tersebut adalah diperolehi daripada sumber atau daging yang tidak halal. Setakat hari ini, pegawai penyiasat dalam proses mengumpul bukti-bukti, mengambil keterangan dan rakaman percakapan saksi-saksi berkaitan serta mendapatkan maklumat dan dokumen lain dari agensi yang

berkaitan. Siasatan awal juga mendapati tiada daging babi ditemui di tempat kejadian. Kes akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan selesai untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan awal kerajaan untuk menangani isu ini adalah dengan mengeluarkan arahan kepada pejabat KPDNHEP seluruh negara pada 4 Disember 2020 untuk menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap peruncit, pemborong dan pengedar produk daging sejuk beku. Pemeriksaan dijalankan secara bersepadu dengan agensi-agensi lain khususnya dengan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan agama Islam negeri-negeri. Bermula dari 4 hingga 6 Disember 2020, sejumlah 128 premis telah diperiksa dan tiada tindakan kes diambil selain kes awal di Johor itu.

Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam isu melibatkan pengimportan produk daging sejuk beku. Tindakan penguatkuasaan bersepadu dijalankan bersama dan tindakan kes akan diambil mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.

Kementerian tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana peniaga yang cuba mengambil kesempatan menggunakan perbahasan halal secara palsu untuk memperdaya dan mengelirukan pengguna sehingga menyebabkan hak dan kepentingan mereka terjejas.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Cha Kee Chin [Rasah]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan apakah status terkini rancangan kementerian dalam merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) dan sejauh manakah pelan tindakan ini memberikan impak positif terhadap Dasar Perpaduan Negara (DPN) yang bakal dilancarkan, sama ada KRT akan diperkasakan di bawah PTPN atau ada agensi baru yang akan diwujudkan, dan apakah pendirian kementerian terhadap insiden merobohkan kuil Hindu di Kedah baru-baru ini.

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Rasah di atas persoalan yang telah pun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perpaduan Negara (DPN) telah sedia di peringkat terakhir untuk dilancarkan pada tahun depan. Status terkini bagi Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN). Maka sudah tentulah PTPN ini akan menyokong kepada Dasar Perpaduan Negara yang menggariskan kepada objektif teras perpaduan yang bermatlamat untuk memupuk, mengukuh serta mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat. Status terkini Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2021 hingga tahun 2025 ataupun saya sebut PTPN 2021-2025 adalah ianya

dalam fasa terakhir untuk dihasilkan dalam bentuk sebuah dokumen yang akan dilancarkan, *insya-Allah*, juga pada awal tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, PTPN ini mengandungi strategi Program Tindakan Indikator, tempoh laksana, agensi pelaksana dan juga keberhasilannya. Pelan ini terhasil dengan menggunakan pelbagai sumber termasuk kepada maklum balas daripada orang ramai, NGO, swasta serta penjawat awam di seluruh negara.

Teras strategik PTPN ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berdasarkan kepada lima cita-cita Rukun Negara. Sebanyak 51,380 maklum balas dengan sebanyak 510,000 input data telah pun diterima untuk kita buat analisis dan akhirnya kita akan garap ke dalam pelan tersebut. KRT, Tuan Yang di-Pertua, satu rantai organisasi kekal yang kita akan tambah baikkan sama ada dari segi peruntukan sumber manusia dan segala-galanya.

Berkaitan dengan soalan terakhir yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Rasah, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, saya telah pun berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan penubuhan satu Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dengan melibatkan sekali Kementerian Perpaduan Negara.

Ini adalah untuk menentukan, Tuan Yang di-Pertua, supaya mengenal pasti mana rumah ibadat bukan Islam yang berdaftar dan tidak berdaftar serta tindakan-tindakan susulan berdasarkan kepada perundangan yang akan diambil oleh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, sekarang tamat sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti golongan yang jatuh ke kategori miskin dan miskin tegar secara tiba-tiba akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan apakah kaedah yang dilakukan untuk membantu golongan tersebut.

**Perdana Menteri [Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, krisis COVID-19 ini telah pun menjelaskan ekonomi dengan ketara di seluruh dunia. Berdasarkan anggaran Bank

Dunia, pandemik COVID-19 ini akan menyebabkan tambahan antara 88 sehingga 115 juta orang terjatuh dalam golongan kemiskinan tegar di seluruh dunia.

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kita di Malaysia ini telah menyebabkan peningkatan pengangguran dan dijangka meningkatkan jumlah isi rumah miskin dan miskin tegar di negara kita. Data-data sedang pun dikumpul untuk mengenal pasti kumpulan-kumpulan baharu yang jatuh dalam kumpulan miskin dan miskin tegar ini.

Setakat 3 Disember 2020, pekerja kehilangan pekerjaan yang menuntut insurans kehilangan pekerjaan adalah seramai 101,385 iaitu lebih tinggi berbanding dengan kira-kira sebanyak 40,000 pekerja pada tahun 2019 dan seramai 24,000 pekerja pada tahun 2018. Sebanyak 52 peratus daripada jumlah tersebut adalah bergaji sebanyak RM2,000 sebulan dan ke bawah iaitu kumpulan miskin dan miskin tegar.

Kerajaan menyedari kesukaran yang dihadapi oleh rakyat luar bandar dan juga bandar akibat pandemik COVID-19 dan PKP ini. Sehubungan itu, tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menangani miskin bandar dan luar bandar.

Berdasarkan kajian berkaitan kemiskinan bandar dan kesejahteraan rakyat ke atas sebanyak 500 keluarga di 16 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dilaksanakan oleh UNICEF pada Oktober 2020, kadar pengangguran orang dewasa dalam komuniti adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 35 peratus, kadar kemiskinan adalah lebih tinggi daripada tahun lepas iaitu satu daripada setiap dua isi rumah dalam kemiskinan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tambun, kerajaan sentiasa memantau keadaan kemiskinan dalam kalangan rakyat melalui sistem e-Kasih yang akan kita perbaiki. Kerajaan telah dan sedang pun melaksanakan usaha untuk pemulihan ekonomi dan sosial mengimbangi keperluan ekonomi, sosial dan kesihatan kesejahteraan rakyat terutamanya rakyat yang dikategorikan sebagai miskin.

Antara lain adalah bantuan sosial seperti sebanyak RM2.2 bilion yang telah diperuntukkan untuk Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan untuk tahun 2021 berbanding dengan sebanyak RM1.5 bilion pada tahun ini seperti bantuan kepada OKU dan lain-lain kumpulan. Kerajaan juga telah pun meneruskan program Bantuan Sara Hidup yang memberikan manfaat kepada sebanyak 4.5 juta orang penerima dengan peruntukan berjumlah RM5 bilion dalam tahun 2020.

## ■1020

Sebagai kerajaan yang prihatin, dua Bantuan Prihatin Nasional (BPN) telah diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dan Kita Prihatin dengan jumlah peruntukan sebanyak RM18.2 bilion. Setakat ini seramai 10.6 juta rakyat telah dimanfaatkan daripada BPN dan seramai 9.86 juta daripada BPN 2.0. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan sentiasa memberikan fokus kepada agenda pembasmian kemiskinan dalam pelan pembangunan negara sehingga kini.

Sehubungan itu, kerajaan pada 2 September 2020 telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet menangani kemiskinan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar dan strategi serta inisiatif pembasmian kemiskinan termasuklah peranan kementerian dan agensi yang terlibat untuk memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan dan tidak terlepas daripada jaringan keselamatan sosial. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan tahniah dan syabas pada kerajaan yang begitu serius menitik beratkan permasalahan rakyat yang memerlukan. Namun, bagi menambah baik ketepatan data kemiskinan, adakah kerajaan akan membangunkan sistem yang lebih realistik ataupun lebih *reliable* dengan izin selain eKasih untuk tujuan rujukan dan juga agihan bantuan kepada golongan masyarakat yang amat memerlukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tambun. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana biasa kita tahu bahawa sistem eKasih ini telah pun dibangunkan sejak tahun 2007 lagi yang diuruskan oleh ICU ataupun MAMPU ataupun Unit Penyelarasaran Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya sedar bahawa sistem lama ini tidak berapa berkesan sebab itu langkah-langkah untuk memperkemaskan dengan penggunaan teknologi baharu supaya data-data itu mestilah lebih tepat dan usaha dibuat untuk menentukan supaya kaedah baharu akan digunakan atas nama eKasih juga. Akan tetapi tidak seperti eKasih yang lama dan saya percaya bila kita laksanakan ini maka segala maklumat yang terperinci di seluruh kawasan di negara kita baik di bandar ataupun luar bandar ini dapat kita kumpulkan.

Dengan adanya Jawatankuasa Kabinet yang saya akan pimpin ini kita akan pastikan supaya kumpulan-kumpulan sasar tu akan dapat kita bantu. Kita sediakan RM6.8 juta untuk tahun hadapan untuk menaiktarafkan sistem pangkalan data eKasih ini, Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah bantuan dan program susulan yang diperkenalkan kepada atlet-atlet negara yang tidak dapat menyertai kejohanan sukan peringkat antarabangsa akibat wabak pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** Terima kasih Yang Berhormat Muar. Selamat hari lahir yang ke-28.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menerusi Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan dengan kerjasama pemegang taruh yang lain seperti Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia dan Institut Sukan Negara sentiasa berusaha meningkatkan prestasi atlet-atlet negara dan tidak mengabaikan mereka walau apa keadaan.

Berikut penularan wabak COVID-19, walaupun latihan secara kuarantine *base* dengan izin telah dilaksanakan sejak bulan Julai 2020 kebajikan atlet tetap terjaga di mana tiada pemotongan elaun latihan atlet dan gaji atau elaun jurulatih yang terlibat sejak Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu. Mereka yang menjalani program latihan sepenuh masa ditawarkan pakej latihan yang meliputi:

- (i) elaun latihan bulanan;
- (ii) kemudahan makan dan penginapan;
- (iii) pertandingan secara dalam talian atau simulasi;
- (iv) peralatan latihan dan pertandingan;
- (v) kepakaran jurulatih;
- (vi) perkhidmatan sains; dan
- (vii) perubatan sukan.

Hakikatnya penularan wabak ini telah menjaskankan pelaksanaan latihan atlet di pelbagai peringkat. Namun MSN dengan kerjasama PSK dan ISN telah melaksanakan pelbagai program selaras dengan SOP MKN bagi memastikan prestasi dan kecergasan atlet tidak merudum. Program-program latihan yang dijalankan sepanjang pelaksanaan PKP adalah seperti berikut:

- (i) modul latihan kendiri ataupun *self-training module* dengan pemantauan jurulatih secara dalam talian bermula 2 April 2020;
- (ii) kelonggaran khas bagi pelaksanaan Kem Latihan Program Khas *Road to Tokyo* (RTT) secara *quarantine base approach* untuk atlet-atlet yang dikenal pasti untuk Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Tokyo bermula pada 1 hingga 30 Jun 2020; dan
- (iii) program latihan atlet sepenuh masa secara berperingkat bermula pada 5 Julai 2020 bagi atlet-atlet program podium dan juga pelapis kebangsaan.

Walaupun dengan latihan harian sepenuh masa, mereka tidak dapat menyertai kejohanan-kejohanan antarabangsa yang telah pun ditangguhkan atau dibatalkan. MSN bersama-sama PSK dan ISN telah menganjurkan pertandingan dalam secara tertutup bagi memastikan prestasi atlet dapat dinilai dan diperingkatkan.

Antaranya adalah menerusi Kejohanan Memanah, Badminton 100PLUS National Junior Ranking Challenge, Squashy kejohanan dalaman, Angkat Berat National Test Trial dan Swimming Time Trial. Manakala kejohanan menerusi atas talian bersama negara dan kelab-kelab luar negara adalah seperti berikut. Contohnya, Simulasi Kejohanan Badminton Perseorangan (BAM) *Invitational Championship* yang dianjurkan pada 12 hingga 16 Ogos 2020 yang lalu. *Air Gun Baladika Open Championship* pada 6 November 2020.

Sepanjang tempoh PKP tahap kesihatan dan emosi atlet-atlet dalam latihan sepenuh masa adalah sentiasa dipantau. MSN turut menyediakan perkhidmatan sokongan sains sukan menerusi psikologi sukan untuk mengenal pasti persepsi atlet-atlet terhadap impak, *mindset* dan tingkah laku. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan semua pemegang taruh untuk memastikan program-program latihan atlet dapat diteruskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Muar, selamat hari lahir.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya bagi soalan lama sikit. Silakan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih, terima kasih. Terhutang budi saya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh kerana wabak COVID-19, industri sukan teruk terkesan dan lebih teruk apabila ada industri yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Contohnya komuniti pengusaha padang bola sepak yang sampai hari ini tidak boleh beroperasi.

Persoalan saya, bila kita hendak benarkan mereka untuk beroperasi, khususnya apabila kerajaan telah pun membenarkan industri untuk beroperasi. Akan tetapi bagi industri pengusaha padang bola sepak yang teruk terjejas sampai hari ini mereka tidak boleh beroperasi selepas berbulan-bulan. Syarikat Top Glove contohnya, penyumbang besar kluster Teratai, kluster yang masih aktif. Akan tetapi masih ada kilang-kilang mereka yang masih boleh beroperasi tetapi bagi pengusaha padang bola sepak yang kecil-kecil ini sampai ke hari ini tidak boleh beroperasi. Kenapa seperti ada dua darjah? Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Senator.

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Muar. Untuk makluman Yang Berhormat Muar, kita telah pun mengumumkan SOP yang terbaru daripada MKN berkenaan dengan penyertaan ataupun penglibatan orang awam di premis-premis sukan. Cumanya kita kena hadkan sebanyak 50 peratus daripada kapasiti penuh yang biasa ada dalam premis-premis

sukan di padang dan sebagainya. Cuma seperti biasa pertandingan tidak boleh dianjurkan, hanya latihan-latihan yang bersifat *non contact*.

Ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan liabiliti kepada pengusaha premis-premis sukan yang ada di Malaysia. Walau bagaimanapun kerajaan sangat prihatin dan kita telah pun ada menyediakan banyak dana-dana. Contohnya, dana Prihatin Sukan yang kita bantu semua persatuan sukan sama ada di peringkat nasional hingga ke peringkat akar umbi. Kita juga dalam belanjawan baharu-baharu ini ada dana TEKUN Sukan, membantu pengusaha sukan yang terjejas akibat COVID-19.

*Insya-Allah*, akan datang kita akan mempertimbangkan berkenaan dengan gelembung sukan yang mana masih lagi dalam pertimbangan KBS dan MKN. *Insya-Allah* tahun hadapan kita harap yang terbaik buat pengusaha sukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Sejahtera.

*Tabung Haji kebanggaan kita,  
Fitnah melanda ia tetap dijaga,  
Kepada Menteri saya ingin bertanya,  
Jawapan kepada soalan nombor tiga.*

**3. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan Tabung Haji bagi menamatkan polemik politik yang membelenggu institusi tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mulakan dengan firman Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Maka siapa yang membuat kebaikan sekalipun sebesar zarah, nescaya akan dilihatnya dalam surah amalnya dan sesiapa yang berbuat kejahanan sekalipun sebesar zarah nescaya akan dilihatNya”*. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan yang melaksanakan kebaikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memahami bahawa perlunya kepada suatu badan yang bebas dan berautoriti dalam meneliti dan menilai segala transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji.

■1030

Justeru, cadangan bagi penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja tersebut telah dibincangkan oleh mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Ogos 2020. Kerajaan sedang

mempertimbangkan dan memperhalusinya dengan penuh teliti termasuk aspek perundangan dan kaedah pelaksanaan agar penubuhannya mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Ingin saya tegaskan bahawa segala yang dilakukan oleh kerajaan adalah dengan niat suci untuk mencari titik penyelesaian yang boleh diterima oleh semua pihak serta paling penting untuk memastikan segala urus tadbir TH menepati kepentingannya sebagai institusi milik umat Islam di negara ini. Insya-Allah. Saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan sepenuh kepercayaan kepada kerajaan untuk memelihara kesucian institusi umat Islam ini. Sekian terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Alhamdulillah.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu jawapan yang cukup baik. Kita serahkan pada kerajaan, kita serahkan pada Allah SWT dan kita tentukan apabila tiba masanya. Akan tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ada soalan tambahan berkaitan. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri Agama sendiri ada dalam Dewan. Saya syukur pada Allah SWT.

Soalan ini saya sudah setahun lebih bertanya. Hari ini saya harap dapatlah satu titik pertemuan. Ianya berkaitan dengan penjualan perladangan tanah kepada Tamaco di negeri Sarawak yang harganya telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sebanyak RM224 juta. JPPH dijual dengan harga RM170 juta. Sejumlah RM54 juta dikurangkan iaitu 24 peratus lebih murah daripada harga sebenarnya. Kita sudah bagi tahu banyak kali bahawa Pan Borneo Highway sudah ada di situ dan Kalimantan iaitu ibu kota Indonesia Jakarta akan dipindahkan di situ. Ini semua akan mendapat manfaat yang cukup baik untuk semua pendeposit. Malah rakyat Sarawak akan dapat manfaat yang cukup tinggi dalam hasil ini.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah rasional yang ianya telah dijual? Dalam perjumpaan yang berkali-kali dengan pengurusan tertinggi Tabung Haji dan semalam dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, kami bertanya adakah ia dapat dilakukan? Jawapannya kami tidak dapat, masih samar sama ada dijual ataupun tidak. Apatah lagi pada hari ini harga mentah sawit mencecah RM3400. Syarikat ini sudah mendapat keuntungan hampir RM6 juta.

Jadi, soalan saya. Saya hendak bagi tahu ada satu perkara yang saya hendak tunjukkan. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah mengeluarkan surat ini bahawa ia akan dijual. Ini suratnya, akan dijual dengan harga RM170 juta yang mana kami seluruh wakil rakyat daripada Perikatan Nasional telah berjumpa dengan pengurusan tertinggi Tabung Haji yang diketuai oleh Yang Berhormat Arau telah menyatakan kami pohon dan merayu supaya jangan dijual. Justeru, pada pagi yang mulia ini saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneliti perkara ini supaya tidak dapat kita jual. Kesian kepada pendeposit-pendeposit.

Apa yang lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, *last point very important*. Syarikat ini terutang sukuk sebanyak RM247 juta kepada Tabung Haji. Walaupun penjualan tanah ini dengan harga RM170 juta, harga lebih murah iaitu hampir 24 peratus. RM247 juta sukuk ini, anak syarikat Tabung Haji harus, wajib bayar kepada Tabung Haji. Sudah lah hilang 6500 hektar tanah. Hutang RM247 juta ini pun harus dibayar dengan harga penjualan hanya RM170 juta. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada di dalam Dewan ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...untuk pastikan ia ditahan dan tidak dijual. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, kalau soalan terlampau panjang, Yang Berhormat tidak bersedia hendak menjawab, Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan secara bertulis. Silakan.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Okey, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Menariknya Yang Berhormat Baling lebih tahu daripada kami. Jadi terima kasih banyaklah.

Kedua, setakat ini TH Plantation Bhd tidak membuat apa-apa pengumuman awam lagi berkenaan transaksi berkenaan. Oleh sebab itu *insya-Allah* apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Baling saya ucap terima kasih. Kita akan meneliti dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

**4. Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan berapa banyak perniagaan yang telah ditutup semenjak penularan pandemik wabak COVID-19. Apakah yang dilakukan oleh kementerian bagi membantu perniagaan tersebut untuk mengekalkan perniagaan mereka semasa wabak ini?

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi komited dalam usaha untuk membantu usahawan termasuk PKS yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Berdasarkan statistik daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tempoh Mac hingga September, terdapat 32,469 syarikat perniagaan telah menamatkan operasi di atas sebab yang pelbagai. Walau bagaimanapun, statistik juga menunjukkan bahawa sehingga Oktober 2020, terdapat lebih kurang 281,781 entiti perniagaan baharu yang telah pun didaftarkan.

MEDAC telah menjalankan dua kaji selidik dalam talian semasa tempoh kawalan pergerakan bermula 10 April hingga 17 April 2020 dan juga pasca PKP bermula 15 Julai hingga 17 Ogos 2020 yang mana hasil daripada kajian tersebut menyatakan bahawa 8.85 peratus usahawan telah menutup perniagaan mereka sepenuhnya semasa tempoh PKP. Manakala jumlah tersebut berkurangan 1.39 peratus semasa pasca PKP dan keduanya majoriti usahawan yang menutup operasi perniagaan semasa PKP dan pasca PKP adalah usahawan mikro. Masing-masingnya adalah sebanyak 79.53 peratus dan 70.83 peratus.

Kaji selidik terkini ke atas usahawan yang dijalankan oleh MEDAC bermula 15 hingga 17 November mendapati sejumlah 2.51 peratus usahawan telah pun menamatkan perniagaan mereka yang mana majoriti daripada mereka adalah merupakan perusahaan mikro. Walau bagaimanapun, daripada peratusan usahawan yang telah menamatkan perniagaan, 88.37 peratus usahawan bersedia untuk memulakan semula perniagaan dengan produk ataupun perkhidmatan baharu.

Kaji selidik yang dijalankan juga mendapati usahawan mikro termasuk sektor informal dan juga koperasi antara golongan yang paling terkesan memandangkan majoriti daripadanya masih lagi belum mendapat fasiliti ataupun bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Tiga kesan wabak COVID-19 ke atas usahawan adalah penurunan peratusan permintaan, nilai jualan dan juga aliran tunai. Justeru, di bawah MEDAC telah melaksanakan tindakan intervensi berdasarkan tiga kesan utama tersebut seperti berikut;

- (i) meningkatkan pembiayaan khas COVID-19 bagi menangani isu aliran tunai usahawan;
- (ii) memperluaskan program latihan pembangunan produk dan juga mempelbagaikan promosi dan juga hab pemasaran serta programnya bagi meningkatkan permintaan produk serta akses kepada pasaran; dan
- (iii) mengadakan program adaptasi teknologi dalam usaha meningkatkan inisiatif digitalisasi dalam operasi perniagaan di bawah Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang dibangunkan digariskan enam strategi utama di bawah MEDAC bagi menyokong kestabilan konsisten usahawan memulihkan semula operasi perniagaan usahawan yang terjejas dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan.

Antara strategi yang dirangka adalah yang mana ia bertujuan untuk:

- (i) meningkatkan keyakinan rakyat;

- (ii) memperkasakan keupayaan dan kapasiti;
- (iii) meningkatkan akses dan pembantuan pembiayaan;
- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi;
- (v) membuka dan memperluaskan pasaran;
- (vi) menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan.

Terima kasih.

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Perniagaan di Sarawak banyak ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Malaysia, tidak kira sama ada sebelum atau selepas wabak pandemik COVID-19. Apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan di Sarawak?

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin :** Okey, terima kasih untuk Yang Berhormat Sarikei di atas soalan tersebut. Yang Berhormat, sebenarnya kita melihat bahawa program yang dijalankan oleh MEDAC cukup banyak terutama sekali apabila selepas pandemik COIVD-19 ini. Kita melihat bahawa Yang Berhormat Menteri MEDAC juga datangnya daripada Sarawak dan fokus serta perhatian juga tidak lari malah beliau cukup komited dalam membantu dan juga membuka pasaran dan juga membantu usahawan-usahawan dan juga koperasi yang terkesan dalam negeri Sarawak. Saya percaya bahawa kami di MEDAC juga begitu komited dalam membantu usahawan-usahawan di sana. Sekiranya Yang Berhormat perlukan, saya boleh memberikan secara *detail* program-program dan juga pembangunan usahawan dan juga koperasi kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti. Terima kasih.

**5. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan jumlah peruntukan yang telah diterima oleh setiap KRT di daerah Kuala Krai untuk tahun 2019 dan 2020 dan peranan kementerian untuk galakkan KRT yang terbukti berjaya untuk membimbing KRT lain seantero negara.

■1040

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ada pantun, tapi saya kena baca, sudah tulis ini.

*Dari Kota Tinggi ke Kuala Krai,*

*Singgah sebentar di Air Papan,*

*Usah risau adinda ku Kuala Krai,*

*Kekanda hadir berikan jawapan. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Macam meminang sahaja, Yang Berhormat Menteri? *[Ketawa]*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Begitulah lebih kurang, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai. Kalau saya ada anak belum kahwin, memang saya pinang dia. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dia ada kuota, Yang Berhormat. Dia ada kuota.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Emak dia pun tidak mengapa.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Krai, sehingga kini, terdapat 465 Kawasan Rukun Tetangga di negeri Kelantan ataupun kita panggil KRT. Setakat ini ada 465 KRT yang telah pun ditubuhkan di negeri Kelantan dan di Daerah Kuala Krai mempunyai 38 KRT yang juga terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Krai iaitu kawasan Yang Berhormat.

Bilangan pecahan KRT mengikut empat DUN adalah seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua:

Kawasan DUN	Bilangan KRT (buah)
N.39 Mengkebang	12
N.40 Kuchil	13
N.41 Manek Urai	5
N.42 Dabong	8

Bagi tahun 2019, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan insentif berdasarkan kepada keaktifan yang telah pun diagihkan mengikut empat DUN berdasarkan kepada jumlah KRT yang telah saya sebutkan tadi yang keseluruhannya 38 adalah sebanyak RM142,500. Telah pun diagihkan ya, Yang Berhormat. Manakala bagi tahun 2020, Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan agihan peruntukan insentif berdasarkan kepada keaktifan KRT mengikut empat DUN itu, jumlah yang diagihkan adalah sebanyak RM187,500 dan ini berdasarkan kepada keaktifan yang saya sebutkan tadi. Contoh, bagi tahun 2020, kawasan paling aktif dalam kawasan Yang Berhormat dalam 38 itu, yang paling aktif ada 20, aktif ada sembilan, sederhana aktif ada lima, tidak aktif ada empat.

Saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana KRT Guchil Luar dari Kuala Krai diiktiraf sebagai Johan Pengurusan Jiran Warga Emas Cemerlang Peringkat Kebangsaan pada Majlis Anugerah Rukun Tetangga tahun 2018 dan saya harap Yang Berhormat boleh membantu 38 KRT ini untuk mengulangi lagi sejarah kecemerlangan pada anugerah KRT pada tahun ini dan juga pada tahun hadapan dan pada masa-masa yang akan mendatang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan saya harap untuk tahun 2021 ini dapat ditambah lagi dengan peruntukan yang lebih baik.

Soalan tambahan saya ialah apakah peranan KRT khususnya di Kuala Krai dan juga di negeri Kelantan yang berjumlah 450 buah KRT ini dalam menghadapi isu semasa pada ketika ini? Juga, apakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan peranan yang telah pun dimainkan oleh mereka? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat adindaku dari Kuala Krai, pada tahun akan datang, Yang Berhormat, akan dibentangkan penjenamaan baharu bagi KRT. Jumlah keseluruhan kita ada sebanyak 8,274 Kawasan Rukun Tetangga (KRT). *Insya-Allah*, dengan peruntukan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, RM50 juta diperuntukkan. Maknanya agihan sebanyak RM6,000 kepada setiap KRT dan kita akan tambah 59 buah lagi KRT baharu. Ya lah, kalau dengar memang tidak cukup tetapi, *insya-Allah*, pada tahun-tahun yang mendatang, kita akan tambahkan lagi.

Yang Berhormat, saya sudah turun pun ke kawasan Yang Berhormat. Itulah dia sebenarnya peranan KRT yang telah pun dilaksanakan oleh Yang Berhormat, Ahli Parlimen Kuala Krai. Saya merasa amat berbangga kerana saya dapat bahawa KRT yang ada dalam kawasan Parlimen Kuala Krai ini adalah KRT yang sangat aktif. Berada di tengah-tengah masyarakat untuk melaksanakan program-program seperti sumbangan membantu mangsa banjir, kurang keupayaan dan sebagainya. Penyediaan makanan percuma dan juga penyediaan PPE yang diperlukan oleh hospital-hospital COVID buat masa ini dan juga termasuk kepada skim rondaan sukarela.

Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat akan lebih menyerlah dan jangan lupa, apabila ada peruntukan itu, salurkanlah juga kepada KRT dan SRS dalam kawasan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan Wong Chen [Subang]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan :-

- (a) peratusan susu getah yang dibekalkan secara domestik oleh ladang Malaysia kepada industri getah; dan
- (b) apakah langkah-langkah kewangan yang perlu diambil untuk memperluaskan rantaian bekalan domestik.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Terima kasih. Selamat pagi, salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas pertanyaan mengenai peratusan susu getah yang dibekalkan secara domestik oleh ladang Malaysia kepada industri getah.

Ingin saya maklumkan, pengeluaran getah Malaysia pada tahun 2019 berjumlah hampir 640,000 tan. Bagi sektor pembuatan barang getah kering, hampir seluruh bahan mentah adalah daripada sumber tempatan. Namun, bagi sektor pembuatan barang getah berasaskan lateks pula, hanya 8.3 peratus adalah daripada sumber tempatan, manakala hampir keseluruhan bakinya adalah diimport daripada negara Thailand.

Untuk pertanyaan mengenai langkah-langkah kewangan yang perlu diambil untuk memperluaskan rantaian bekalan domestik, bagi memastikan pengeluaran getah domestik yang berterusan di peringkat huluan di samping menjamin kebajikan pekebun kecil getah ketika krisis kejatuhan harga getah, kerajaan akan meneruskan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan peruntukan sebanyak RM300 juta pada tahun 2021.

Sejak IPG diperkenalkan sehingga 30 September 2020, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM364.36 juta bagi 535,000 tan metrik getah merangkumi RM2.78 juta tuntutan daripada 184,000 orang pekebun kecil di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Manakala bagi memenuhi keperluan industri hiliran tempatan yang menggunakan lateks termasuk sarung tangan getah, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM16 juta pada tahun 2021 sebagai projek permulaan dalam pembangunan Koridor Lateks Timur yang merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ini dijangka akan memberi manfaat kepada sebahagian daripada 138,000 orang pekebun kecil di ketiga-tiga negeri yang mahu merebut peluang meningkatkan pendapatan dengan bertukar daripada menghasilkan *cup lump* kepada lateks.

Kementerian sedang membangunkan projek pemprosesan getah berkelompok melalui pakej teknologi pemprosesan getah krip dan serum getah bersepadu yang telah dibangunkan oleh Lembaga Getah Malaysia. Melalui projek ini, rantaian nilai bersepadu getah berskala komersial dengan elemen pemprosesan berkelompok ataupun kluster dan perkongsian keuntungan (*profit sharing*) akan dilaksanakan pada peringkat pekebun kecil, koperasi dan juga usahawan. Usaha ini akan meningkatkan kualiti getah yang dihasilkan, meningkatkan pendapatan dan seterusnya membekalkan getah berkualiti kepada industri pembuatan produk getah negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Mengikut data yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jelas kita tidak cukuplah penanaman getah kita. Di Malaysia ini, kita ada satu juta hektar ladang getah. Satu juta hektar sahaja. Apa yang kita perlu adalah lebih kurang dua juta tambahan. Untuk kos penanaman satu hektar adalah sebanyak RM5,000 lebih kurang. Ini bermakna kita perlukan dana penanaman dengan kadar faedah dua peratus, tiga peratus, empat peratus yang rendah sebanyak RM10 bilion.

Bersediakah kementerian untuk cari dana sebanyak RM10 bilion supaya kita boleh tanam lebih getah? Kita tidak payah *depend on Thailand*. 91 percent dengan Thailand ini bahaya. Thailand sudah cakap dia akan potong habis, semua *factory* kita akan pindah ke Thailand pula. Itu isu dia. Kena cari dana ini, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Willie anak Mongin:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya amat setuju dengan saranan Yang Berhormat Subang dan sudah semestinya itu adalah hasrat kerajaan kita untuk memperkasakan industri getah negara kita.

Namun, walaupun kita mempunyai kawasan yang keluasannya satu juta yang mempunyai ladang getah yang ada ketika ini, namun tidak semua ladang getah ini ditoreh ketika ini disebabkan oleh ramai yang tidak berminat. Namun begitu, kita terus berusaha untuk menggalakkan pemuda-pemuda kita, belia-belia kita supaya berkecimpung dan saya juga—untuk menentukan sama ada kementerian mengeluarkan dana sebanyak RM10 bilion itu untuk membuat penanaman baharu, kita akan serahkan kepada Kementerian Kewangan sebab kita dalam kementerian kita, kita tidak menentukan mengeluarkan dana kewangan ataupun tidak. Cuma, kementerian kita akan menyarankan. Terima kasih.

#### ■1050

*[Soalan No. 7 – YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang) tidak hadir]*

**8. Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah isi rumah dan peratusan yang telah melengkapkan butiran mereka dalam laman web banci penduduk 2020 buat masa ini dan sasaran peratusan banci atas talian yang ingin dicapai oleh DOS kali ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Banci 2020 dilaksanakan secara dua fasa. Asalnya fasa pertama dari 7 Julai hingga 30 September dan tempoh kedua 7 hingga 24 Oktober. Akan tetapi, oleh sebab pandemik COVID-19, ia telah diubahsuai dan sekarang ini fasa pertama dilanjutkan sehingga 21 Disember. Ini fasa atas talian. Fasa kedua secara bersemuka ditunda pada 20 Januari hingga 6 Februari tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 13 hari lagi sebelum fasa atas talian ini berakhir. Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran kita sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi ialah 30 peratus menjelang akhir tahun ini. e-Census atas talian ini akan mencapai 30 peratus. Itu sasaran kita. Sehingga 6 Disember lalu, kita sudah membanci kira-kira seramai 6.4 juta penduduk Malaysia.

Ini merupakan sejumlah 19.7 peratus daripada anggaran penduduk sebanyak 2.7 juta orang. Kita jangka dalam tempoh dua atau tiga hari lagi, seramai 1.34 juta lagi akan melengkapkan butiran mereka dalam e-Census Banci 2020. Tuan Yang di-Pertua, peratusan respons penduduk di seluruh negara yang terbaik ialah Putrajaya 79.9 peratus, Perak 28.9 peratus, Johor dan Pulau Pinang 28 peratus.

Bagi meningkatkan lagi respons e-Census, beberapa usaha telah dilaksanakan. Pertama, Klinik e-Census secara bersemuka telah diadakan. Sehingga kini, kira-kira sebanyak 1,700 klinik sudah diadakan di seluruh negara. Kedua, diadakan *e-Census Hour* dan *e-Census Day* secara dalam talian dan program ini dilaksanakan di kementerian-kementerian, jabatan kerajaan, di universiti awam dan swasta untuk meningkatkan respons e-Census.

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* kita akan cuba sedaya upaya untuk memastikan respons akan dapat ditingkatkan dalam tempoh beberapa hari lagi. Pada 20 Januari 2021, akan kita mulakan fasa bersemuka. e-Census ini penting untuk memastikan kerajaan ada data yang lengkap dan komprehensif untuk kita merancang negara kita daripada pelbagai sudut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Memandangkan penularan wabak pandemik COVID-19 masih serius lagi di beberapa buah negeri dan fasa pertama iaitu fasa atas talian pun dilanjutkan, memandangkan banci bersemuka tidak boleh dimulakan beberapa bulan yang lalu. Jadi, apakah cara atau langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh kementerian, sekiranya fasa kedua iaitu banci bersemuka tidak dapat dilaksanakan pada 20 Januari yang akan datang ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang atas soalan tadi. Ini merupakan cabaran kepada kita. Umpamanya apabila Sabah dilanda dengan kes yang tinggi, kita terpaksa berhenti operasi di Sabah. Sebenarnya, empat orang pegawai DOSM di Sabah juga dijangkiti COVID-19 ini. Oleh

itu Sabah mencatatkan kadar respons yang paling rendah iaitu cuma 6.6 peratus sahaja.

Menyedari hal ini, kita sedang merancang langkah-langkah untuk menghebahkan e-Census ini kepada lebih ramai rakyat Malaysia. Satu cara ialah untuk meningkatkan lagi e-Census walaupun berakhir 21 Disember, rancangan kita ialah untuk memastikan lebih ramai rakyat Malaysia akan mengisi borang melalui e-Census. Secara bersemuka ini kita akan lihat keadaannya dan kita akan tingkatkan lagi publisiti untuk meningkatkan kesedaran tentang perlunya diisi borang ini bagi melengkapkan jawapan yang diperlukan oleh Jabatan Perangkaan. Terima kasih.

**9. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan jumlah projek pembinaan kementerian di Sarawak yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan apakah tindakan proaktif yang diambil kementerian bagi menangani masalah ini terutama bagi projek yang bergantung kepada tenaga kerja asing.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), terdapat sebanyak 19 projek di negeri Sarawak yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dengan hanya lima projek yang masih berstatus aktif. Ini tidak termasuk projek mega Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang bernilai RM16.11 bilion. Daripada lima projek yang berstatus aktif tersebut, dua projek sedang dalam pelaksanaan manakala tiga projek masih dalam peringkat persediaan.

Kementerian mengakui bahawa disebabkan oleh pandemik COVID-19 melanda negara pada ketika ini telah menyebabkan banyak projek yang terjejas. Walau bagaimanapun, projek-projek yang telah terjejas telah diberikan lanjutan masa dan garis masa baharu selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mei yang lalu. Oleh yang demikian, setakat ini semua projek masih diteruskan dan kemajuan projek berjalan mengikut garis masa terbaru yang dikemas kini.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Menjawab kepada persoalan berkenaan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Jumlah pekerja asing bagi projek-projek pembangunan kementerian ini di Sarawak selain daripada projek Lebuhraya Pan Borneo adalah amat sedikit iaitu sekadar 21 peratus dan tidak menjelaskan kemajuan projek.

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Inti pati daripada soalan asal saya ialah berkenaan dengan isu tenaga buruh ataupun tenaga kerja akibat daripada pandemik COVID-19.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah program latihan kemahiran dan penempatan pekerja melalui CIDB melibatkan latihan *reskill* dan *upskill* seperti yang diumumkan sebelum ini dapat menangani masalah kekurangan tenaga pekerja asing ini? Tidakkah ia akan mengambil masa bagi mengisi kekosongan segera atau apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing dalam industri pembinaan negara? Terima kasih.

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tambahan tersebut.

Ya, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi bahawa *reskilling* dan *upskilling* itu perlu dalam tempoh kita menyediakan jumlah pekerja tenaga mahir yang secukupnya. Walau bagaimanapun, kalau kita bercakap dalam konteks keperluan pekerja mahir ini untuk negeri Sarawak, saya percaya pada setakat hari ini mengikut rekod yang saya kongsikan dengan Yang Berhormat sebentar tadi, keperluan kepada pekerja itu masih belum terlalu mendesak memandangkan mengikut data yang ada, lebih kurang sebanyak 21 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan kebergantungan kepada pekerja asing.

Saya percaya melalui perancangan yang dibuat oleh CIDB, ia akan dapat memenuhi keperluan tuntutan kepada pekerja-pekerja yang berkemahiran bagi menggantikan tempat pekerja-pekerja asing yang disebutkan.

**10. Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan senarai kadar CPR (*Contraceptive Prevalence Rate*), TPR (*Total Fertility Rate*) dan *Unmet rate for Contraception* beberapa tahun terkini berdasarkan etnik, negeri, tahap pendidikan, umur dan pendapatan isi rumah serta langkah diambil untuk mengurangkan kehamilan tidak dirancang (*unplanned pregnancy*) golongan miskin dan berpendidikan rendah.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berdasarkan kajian penduduk keluarga Malaysia yang telah dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2014, kadar penggunaan kontraseptif (CPR) mengikut jantina, wanita berumur 15 hingga 49 tahun sekitar 50 peratus yang mana Sarawak mencatatkan 47.1 peratus, Perlis 45.5 peratus, Perak 30.3 peratus dan seterusnya. Saya akan beri secara bertulis ya.

Begitu juga mengikut etnik Cina iaitu sebanyak 62.1 peratus, Melayu 50.6 peratus, India 46.1 peratus. Kadar CPR pula adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berumur antara 35 hingga 44 tahun berbanding dengan mereka yang lebih muda. Tidak banyak perbezaan terdapat dilihat mengikut tahap pendidikan wanita.

Begitu juga tentang kadar keperluan kontraseptif yang mana dipenuhi dalam kalangan wanita berumur 15 hingga 49 tahun. Didapati kadar ini telah berjaya mencatatkan penurunan daripada 24.7 peratus pada tahun 2004 kepada 19.6 peratus pada tahun 2014.

#### ■1100

Ini di mana Kedah mencapai 29.0 peratus, Wilayah Persekutuan 28.8 peratus dan Terengganu 26.1 peratus. Seterusnya, saya akan beri secara bertulis ya. Panjang jawapan. Begitu juga berkaitan dengan kadar keperluan *contraceptive* yang masih belum dipenuhi mengikut etnik ialah India 21.8 peratus, Melayu 20.1 peratus dan Cina 12.1 peratus. Kalau mengikut keperluan *contraceptive* ini mengikut tahap pendidikan, pendidikan tinggi 16.5 peratus, menengah 21.1 peratus dan pendidikan rendah 20.1 peratus. Kadar jumlah kesuburan negara pula (TFR) telah menurun dengan pesat sejak empat dekad lalu dengan empat orang anak pada tahun 1980, menurun kepada 3.0 anak pada tahun 2000 dan 2.1 anak pada tahun 2010. Berdasarkan Laporan Perangkaan 2019 menunjukkan bahawa TFR negara kini berada pada paras 1.8 pada tahun 2018.

Jadi, kadar jumlah kesuburan TFR ini mengikut negeri yang paling terendah kadar kesuburannya adalah Pulau Pinang 1.3 peratus dan yang paling tinggi kesuburannya Kelantan 3.0 peratus dan Terengganu 3.1 peratus. TFR mengikut etnik ialah Bumiputera 2.4 peratus paling tinggi, kaum Cina 1.1 peratus dan India 1.3 peratus. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kehamilan yang tidak terancang, kementerian juga telah memberi tumpuan kepada kesihatan reproduktif di kalangan pasangan yang telah berkahwin dengan kita menyediakan 49 Klinik Nur Sejahtera. Begitu juga 15 buah Pusat Keluarga Bergerak dan begitu juga perkhidmatan keluarga di LPPKN melalui atas talian.

Jadi, tujuan CPR ini adalah untuk membantu ibu bapa merancang kelahiran yang lebih baik bagi memastikan kesihatan, kesejahteraan keluarga adalah terjamin. Dalam masa yang sama, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan kadar kesuburan rakyat di Malaysia. Punca kadar jumlah kesuburan yang semakin yang menurun akibat daripada gaya hidup yang diamalkan menjadi penyebab utama. Kajian berdasarkan *client* LPPKN mendapati 40 peratus lelaki tidak subur, 20 peratus wanita tidak subur, 20 peratus pasangan tidak subur dan 10 peratus tidak pasti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, ada soalan tambahan? Ringkas ya.

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon diberikan senarai yang terperinci. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya di antara negara-negara Asean, Malaysia ini, di bahagian *contraceptive prevalence* ini boleh kira yang paling rendah dan kita hanya lebih tinggi daripada negara-negara contohnya Afrika. Maka, di sini saya ingin hendak tanya, kalau mengikut catatan dulu LPPKN, di mana kadar penerimaan perancangan keluarga, *family planning proportional*, Kelantan dan Terengganu mencatat kadar yang paling rendah. Akan tetapi saya tidak berapa pasti kadar terkini. Saya mintalah kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi senarai yang terkini dan juga jelaskan bagaimana kita boleh mempertingkatkan kadar penerimaan, *acceptance of the* perancangan, *family planning* ini bagi negeri-negeri yang rendah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih. Data-data semua ada. Kita akan bagi secara bertulis. Saya tidak baca sebab masa tidak mengizinkan. Kita lihat memang Terengganu mencapai 26.1 peratus. Kalau kita lihat daripada segi usaha-usaha yang kita buat ialah kita memberi kesedaran, terutama kepada keluarga ini untuk mereka dapat maklumat supaya mereka yang mempunyai kesedaran yang tinggi. Bagi mereka yang tidak merancang untuk hamil tapi tidak menggunakan sebarang kaedah ini supaya mereka lebih tahu bagaimana caranya.

Jadi di samping itu, kita mengadakan pelbagai program yang kita buat untuk kita memberi nasihat dan perkhidmatan. Selain daripada Klinik LPPKN yang kita ada, program Klinik Nur Sejahtera yang kita sediakan. Begitu juga kita mengadakan banyak program untuk kita memberi kesedaran kepada golongan ini. Jadi, bersama juga dengan kerjasama daripada KKM, kerjasama juga daripada NGO untuk memastikan mereka ini mendapat maklumat yang tepat bagaimana untuk merancang keluarga mereka yang terbaik. *Insya-Allah* maklumat yang Yang Berhormat perlukan, kita akan beri secara detil, secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua;** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****DAN****USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keenam]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Penggerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sementara Bentara sedang menjalankan tugas, saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 33 iaitu dengan berkenaan usul-usul. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya telah ambil maklum tentang apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Perak. Ini di mana satu usul telah dibawa terhadap Menteri Besar Perak dan usul itu telah disegerakan, dibahaskan dan diputuskan. Di Dewan yang mulia ini saya percaya kita ada lebih kurang 16 usul undi tidak percaya terhadap Yang Berhormat Pagoh, beberapa daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Pejuang, dari Amanah dan juga termasuk seorang Ahli Parlimen daripada kerajaan sendiri, Yang Berhormat Gua Musang.

**Tuan Penggerusi:** Tidak ada.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang telah memfailkan usul undi tidak percaya terhadap Yang Berhormat Pagoh.

**Tuan Penggerusi:** Yang Berhormat Gua Musang tidak fail usul.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi terdapat beberapa usul yang saya tanya – saya ingin tanya, persoalan yang bermain di minda saya dan di minda rakyat adalah kalau Dewan Undangan Negeri Perak boleh membahaskan sesuatu usul dengan memberi keutamaan. Bolehkah kita mengambil iktibar perkara yang sama? Bukankah tidak Dewan Rakyat yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua sendiri membawa usul itu kepada – memberi keutamaan untuk dibahaskan dan juga diundi dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Pohon petua Tuan Yang di-Pertua tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sikit.

**Tuan Pengerusi:** Seminit, seminit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Benda ini adalah *legitimacy* kerajaan ya. Kerajaan itu ia mewakili suara daripada – Perdana Menteri itu kena mewakili *majority of the voice in the House* ya. Dia kena mendapat keyakinan, itu dalam Perlembagaan. Jadi, kita harap bahawa perkara ini diputuskan supaya ada kestabilan politik negara kita. Saya mohon supaya dipercepatkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Boleh sikit. Pertama sekali, saya hendak tahu...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, saya percaya Yang Berhormat Gua Musang ada memasukkan satu usul untuk undi tidak percaya terhadap Yang Berhormat Pagoh. Yang Berhormat Langkawi pun ada memasukkan satu usul. So, ini adalah perkara penting. Saya berulang kali menyatakan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi:** Boleh saya- *Alright, alright*. Saya *take note*. Pertamanya, saya tidak tahu bagaimana usul percaya di Dewan Undangan Negeri Perak ditangani oleh Speaker, saya tidak tahu peraturan mesyuarat mana dan di bawah kuasa apa ia dinaikkan ke nombor satu, saya tidak tahu. Kedua, saya hendak kata, saya tidak terikat dengan apa-apa tindakan Speaker-speaker lain, lebih-lebih lagi Speaker Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana saya kurang pasti bagaimana mereka lakukan perkara tersebut. Saya juga kurang pasti tentang peraturan mesyuarat yang digunakan di tiap-tiap negeri di dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing, nombor dua.

Nombor tiga, keputusan saya selama ini yang tidak menaikkan notis-notis usul yang telah dicadangkan itu di Dewan Rakyat ini, saya bukan membuat sesuka hati. Saya telah membuat *research* yang amat mendalam. Kalau kita lihat amalan dan konvensyen *Westminster Democracy*, Speaker memang tidak ada kuasa untuk menaikkan usul *confident* atau usul *no confident* itu ke nombor satu, tidak ada. Saya...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, sekejap. Ya

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak hendak pergi panjang lebar kerana saya pun sudah tulis, benda ini sudah jadi polemik. Saya cuma hendak beri satu *example*, satu contoh. Pada 2018, *Jeremy Corbyn* telah memfailkan usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri di *House of Common*, UK ya, 2018.

■1110

Apabila usul itu tidak dinaikkan ke nombor satu, maka pada satu hari, Ahli Parlimen Cik Valerie Vaz bangun dan menanyakan kepada Speaker, “Kenapakah usul tersebut tidak dinaikkan kepada nombor satu?” Ini jawapan Speaker. Speaker mengatakan bahawa dia belum mendapat apa-apa *indication* bahawa kerajaan mahu

menaikkan usul itu ke nombor satu. Itu konvensyennya. Kuasa bukan di bawah tangan Speaker, *that is a convention, and there is a convention in UK*, dengan izin, yang kita turut ini. So, saya tidak faham kenapa ramai di antara Ahli-ahli Parlimen kita, ramai daripada cendekiawan-cendekiawan kita, ramai daripada peguam-peguam kita malah bekas Peguam Negara pun mengatakan saya mempunyai kuasa sebegitu rupa. Saya tidak ada kuasa.

Kalau mana-mana Yang Berhormat berminat untuk mengetahui secara panjang lebar, saya bersedia untuk menunjukkan *research* saya kepada semua. *I did not do this willy-nilly, I did not.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *I did research.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih di atas penjelasan tetapi kita tidak terikat dengan apa yang dilakukan di *Westminster* dan di UK kerana kita adalah negara yang berdaulat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Just let me reply* Tuan Yang di-Pertua. Tindakan yang dibuat oleh Speaker di Dewan Undangan Negeri Perak menunjukkan jalan di mana perkara itu boleh diberi keutamaan terutamanya apabila Ahli Parlimen *backbencher* Yang Berhormat Gua Musang sendiri dari kerajaan telah pun membuat satu usul. Di sini kita bukan sahaja ada satu usul seperti di Perak tetapi kita ada lebih kurang 15, 16 usul yang telah dimasukkan. So, saya cuma merayu kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Pertamanya, saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Untuk meneruskan memberi keutamaan usul-usul ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap. Saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat Gua Musang membuat usul, saya kurang pasti. Akan tetapi, seingat saya tidak ada. Anyway, itulah yang saya lakukan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan perkara ini bukan sahaja kita sebegitu rupa. Di *South Africa* serupa, di *Australia* serupa dan di UK pun serupa. Kita menggembarkan bahawa *convention* dan amalan *Westminster* demokrasi mesti diturut. Jadi, kita turut. Itu amalannya. Saya terikat dengan prosedur yang diluluskan oleh Dewan ini sendiri melalui peraturan mesyuarat. *It is standing order.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, you can act without fear or favor, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Of course.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** You are supposed to be middleman, orang tengah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Demi rakyat, demi mempersoalkan sama ada kerajaan ini sah atau tidak, boleh diberi keutamaan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Saya tidak mahu berdebat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada Tun Abdullah Badawi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk, duduk, duduk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk. Saya sudah dengar semua. Perkara ini sudah empat bulan. Empat bulan sudah. Lebih empat bulan. Jadi, saya sudah terangkan alasan tindak tanduk saya. Jadi, saya rasa kita berhenti di sini sahaja ya. So, saya faham. Pendapat saya pun tidak diterima. Orang mengatakan saya sebagai *pathetic* dan sebagainya tetapi pada asasnya, hakikatnya, itulah amalan dan *convention Westminster democracy*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kita pergi Australia pun, *Standing Order 48* serupa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Minta penjelasan. Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah jelas, saya sudah jelas.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita dahulu ada Tun Abdullah Badawi pernah melalui Dewan ini untuk disahkan sebagai Perdana Menteri selepas Tun... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, Yang Berhormat Bayan Baru. Saya faham semua itu. Kita bercakap tentang kuasa dan prosedur. Inilah kuasa dan prosedur.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kita hendak bercakap tentang keyakinan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Kenapa sekarang tidak boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru, sekejap. Kalau kita hendak bercakap fasal keyakinan, kita tengok Perkara 43 klaus 2(a) dan juga Perkara 43 klaus 4. Sememangnya Perlembagaan kita memerlukan keyakinan. Saya akur. Tetapi bagaimakah keyakinan itu hendak dinyatakan, hendak dizahirkan? Kita perlu lihat *case law*.

Case law yang paling famous dalam Malaysia ini, yang paling tinggi autoritinya ialah Dato' Seri Nizar melawan Datuk Seri Zambry, *Federal Court*. Undi tidak percaya atau undi keyakinan tidak perlu datang daripada lantai Dewan. *That is established in Malaysia. That is our law.* Begitulah yang terjadi di Perak. Begitulah yang terjadi di Sabah. Malah di Sabah selepas GE14, dua kali keyakinan dizahirkan tidak melalui lantai Dewan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** So, tidak payah...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kalau boleh saya tambah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tidak perlu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Daripada Sabah sehingga...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah. Cukup, cukup. Kita hendak bajet sekarang ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang saya hendak mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa ini?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Batu Gajah. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata perlu ada *indications* daripada pihak tertentu. Siapa yang sepatutnya kena beri *indication* ini untuk usul ini dibawa ke Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri lah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Kalau Menteri, saya rasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerajaan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** ... Sampai hari kiamat pun benda ini tidak boleh akan naik ke Dewan. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu prosedurnya. Macam mana saya hendak tukar perkara itu? Itulah amalan dan konvensyennya. Mahkamah perlembagaan di *South Africa* mengatakan apabila terdapat sesuatu prosedur yang spesifik, saya tidak mempunyai kuasa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ia ada *conflict of interest*. Menteri tidak akan membangkitkan usul ini kerana mereka takut. Jadi ada...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan hal saya. *I cannot proceed based on assumptions.* Okey, kita hendak buat bajet sekarang.

**Kepala B.31 [Jadual] –  
Kepala P.31 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya terbuka sekarang ini untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Balik Pulau, silakan.

**11.17 pg.**

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 050100 – Pelan Pemulihan Pelancongan sebanyak RM200 juta.

Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada MOTAC kerana memperuntukkan sebanyak RM200 juta yang berbentuk baucar untuk menyemarakkan lagi sektor pelancongan dan inilah yang saya tekankan sebelum ini supaya ada satu jumlah untuk menyemarakkan sektor pelancongan.

Namun begitu, saya ada beberapa persoalan dan juga cadangan tentang pelan pemulihan pelancongan ini iaitu ia lebih bersifat umum, *very general*, dengan izin, dan tidak bersasar. Ia mungkin tidak memenuhi objektif utama dalam menyemarakkan pelancongan sebab saya lihat ia lebih kepada umum. RM20 untuk Touch 'n Go, RM30 untuk penerbangan, RM50 untuk hotel dan sebagainya.

Jadi saya rasa ia mestilah menumpukan kepada beberapa sektor ataupun aktiviti dan produk yang boleh membawa *economic multiplier* seperti mengadakan konvensyen, *exhibition*, biro, *meeting* dan sebagainya. Ini adalah salah satu sektor yang boleh membawa kepada *economic multiplier*. Jadi saya berharap supaya sektor ini walaupun jumlahnya RM200 juta tetapi saya nampak tidak bersasar. Saya berharap supaya MOTAC memohon supaya ditambahkan lagi bukan hanya RM200 juta tetapi lebih daripada RM200 juta untuk memastikan bahawa sektor pelancongan ini terus mampan dan *resilience*.

Dengan itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerana saya mendapat banyak *feedback* ataupun aduan daripada beberapa *industry player* mengatakan bahawa hotel-hotel yang menjadi hotel kuarantin diarahkan supaya semua mereka yang mahu tinggal di hotel kuarantin ini—*by the way*, mungkin kita tukar nama hotel kuarantin lah. Bukan nama hotel kuarantin. Hotel transit dan sebagainya. Nama kuarantin itu tidak sedap untuk hotel ya.

**■1120**

Saya dapati bahawa MyEG telah pun diberi satu tugasan ataupun semua orang yang kena kuarantin ini kena membuat tempahan melalui MyEG. Adakah ini benar? Ini kerana saya rasa ini adalah salah satu monopoli kerana hotel mempunyai *booking*

*engine* nya sendiri. Pada mulanya, saya diberitahu bahawa MyEG ingin *impose 15 percent* daripada kos penginapan.

Namun, sekarang mereka tukar kepada RM15 semalam, saya rasa ini adalah satu- macam *daylight robbery* sebab kalau sebelum ini telah pun diumumkan oleh Menteri Kewangan supaya *tourism tax* ini telah pun ditangguhkan, namun, di*impose* pula RM15. *You take away RM10 tourism tax, you imposing RM15 tax* kepada mereka yang ingin duduk di hotel yang saya katakan tadi.

Saya harap ini tidak berlaku dan supaya MyEG tidak memonopoli dari segi *booking engine* kerana sesetengah mereka boleh membuat tempahan *direct* kepada hotel tersebut. Jadi, saya harap pihak kementerian *push* untuk MOF dan mana-mana kementerian supaya tidak *impose* benda ini kepada MOTAC. MOTAC harus ada kata putus dari segi hotel ini. Saya haraplah, sebab ini kita tengok jiran kita, Indonesia, Thailand, Singapore semua *aggressive*, tiap-tiap hari dalam TV kita lihat '*Wonderful Indonesia*', '*Amazing Thailand*' di TV. Padahal, di Malaysia kita tidak ada satu pelan pemulihan pelancongan yang lebih mampan dan lebih kekal.

Kita berbalik kepada Butiran 40600 – Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah iaitu sebanyak RM3.5 juta. Ucapan Menteri Kewangan mengatakan Carcosa dan juga Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS) akan mendapat RM10 juta. Jadi, adakah ini dalam Butiran tersebut kerana sebelum ini Kumpulan Wang Warisan mendapat RM35 juta daripada MOF, ia lebih bersasar untuk projek pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan-tinggalan sejarah dan warisan.

Butiran 41700 – Istana Budaya. Saya harap diberikan penekanan ataupun fokus kepada penyelenggaraan Istana Budaya ini sebab ia setaraf dengan nama Panggung Negara. Jadi, RM2.9 juta ini tidak cukup untuk menyelenggara Istana Budaya sebab kita mahu ia sama kelas dengan Sydney Opera House ataupun Royal Albert Hall. Saya lihat dari jauh, bumbung ia telah pun naik lumut, hijau dan bumbung juga bocor dan sebagainya. Jadi, kita harap teknikal dan prasarana Istana Budaya diberikan penekanan. Ada banyak lagi tetapi boleh sambung lagi Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Dua minit.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Dua minit? Okey, terima kasih.

Butiran 45100 – Ubahsuai dan Naik taraf Muzium. Inilah masa yang sesuai untuk kita melihat semula muzium sebagai satu tarikan pelancongan ataupun *cultural tourism*. Kita lihat merata dunia sekarang ini, British Museum, Royal Picasso Museum di Barcelona, mereka mengadakan *virtual tour*. Saya harap supaya MOTAC memberikan penekanan ataupun mengambil *tax savvy curators* untuk membuat satu program untuk menarik orang ramai supaya mereka dapat melihat muzium kita secara *virtual*.

Butiran 040500 – Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan iaitu sebanyak RM20 juta. Saya ingin membangkitkan bahawa adakah ini juga termasuk tabung untuk penggiat-penggiat budaya? Ini kerana penggiat-penggiat budaya sebelum ini tidak dibantu semasa pandemik. Mereka adalah golongan yang banyak berjasa kepada kita. Semasa mereka dalam kemuncak muda-muda mereka, kita banyak melihat mereka berlakon dan beraksi di atas pentas, namun mereka ditinggalkan. Saya harap supaya MOTAC juga dapat memberikan tumpuan supaya dapat membantu golongan ini.

Jadi, secara *conclusion* ataupun keseluruhannya, saya minta supaya MOTAC harus mempunyai satu *roadmap* untuk *rebound* daripada COVID ini, apabila pintu sempadan dibuka kita harus bersedia. Kita tidak mahu ramai daripada pemain industri ataupun pekerja-pekerja dalam sektor ini telah pun di *lay off* dan apabila masa untuk *rebound, they are not there*. Mereka tidak ada di situ untuk bersama-sama membantu menaikkan sektor pelancongan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Pasir Puteh.

### 11.25 pg.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Tuan Pengerusi:** *Waalaikumussalam.*

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa dan juga Butiran 020200.

Pertamanya, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang telah berjaya mengemukakan satu bajet yang memberikan gambaran kesungguhan kementerian untuk memartabatkan ekonomi negara kita melalui sistem pelancongan. Di dalam butiran ini, berkenaan dengan pelancongan dan hubungan antarabangsa. Suka saya ingin menyentuh alangkah baiknya negara kita kalau kita fokuskan kepada negara-negara yang mempunyai sifat yang berbeza dengan Malaysia.

Negara kita berada di lokasi khatulistiwa. Ada negara-negara yang semula jadi negara mereka padang pasir, padang jarak, padang tekukur, sebagai mana negara-negara Arab di Timur Tengah dan beberapa negara di kawasan Afrika. Bagi negara-negara Arab ini, mereka sangat gembira kalau boleh datang ke Malaysia.

Jadi sebab itu, dasar pelancongan kita kalau kita fokuskan kepada negara-negara ini kerana negara ini adalah antara negara-negara yang kaya, yang kalau mereka datang ke negara kita, mereka akan membelanjakan sebahagian besar

daripada kewangan kita di dalam negara. Di samping mereka melihat faktor-faktor pelancongan yang ada dalam negara kita. Keindahan tumbuh-tumbuhan yang kalau orang Arab datang ke Malaysia, mereka mengatakan... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Syurga Allah di atas muka bumi ini. Ini keindahan yang ada dalam negara kita.

Kedua iaitu Butiran 030000 – Pembangunan dan Promosi Kebudayaan. Secara umumnya, saya ingin menyentuh di dalam perkara ini, negara kita mempunyai kawasan-kawasan ada warisan negara, sebagaimana di Butiran 030500. Warisan negara yang ada dalam negara kita ada yang dibukukan dan ada yang hilang. Sama ada dalam buku ataupun di lokasi, di tempat tersebut.

Sebagai contoh, Kalau di Kelantan, dari Pulau Melaka sampai ke Pantai Sabak, kita lihat sejarah di sepanjang sungai itu adalah sejarah yang sangat bernilai. Di sanalah berlakunya penghantaran ufti, zaman kerajaan silam kepada Kerajaan Siam. Di situ lah ada sejarah pejuang-pejuang, di situ lah ada sejarah kerajaan-kerajaan silam yang ada di negeri Kelantan yang menggunakan sungai, dari Pulau Melaka sampai ke Pantai Sabak.

Sekiranya kawasan ini dijadikan kawasan pelancongan, sebagaimana negara-negara seperti Cambodia, seperti Thailand, ada proses jual beli di dalam sungai, ada tempat-tempat yang kita gambarkan inilah dia sejarah negara, di samping ia memberi satu *information* kepada rakyat Malaysia terutamanya generasi muda, supaya mereka faham sejarah yang ada dalam negara kita dan kita dapat mewujudkan sektor ekonomi yang sangat besar. Saya kira kalau kita belanjakan walaupun mencecah RM100 juta, kita akan mendapat pulangan balik duit tersebut dalam tempoh yang tidak lama.

### ■1130

Satu perkara lagi iaitu kalau di dalam Parlimen Pasir Puteh, kita ada Jeram Pasu, tempat air terjun yang sangat indah air yang sangat bersih. Namun kita mengharapkan adanya prasarana daripada pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya yang mana Jeram Pasu ini seboleh-bolehnya kita hendak mewujudkan satu pusat rekreasi pelancongan. Di sekeliling kawasan jeram pasu ini ada kebun-kebun tanaman yang begitu luas, yang menjangkau lebih ribuan hektar.

Waktu musim buah-buahan, tentunya ia menjadi pusat pelancongan. Namun, kalau ia diurus dengan baik, saya yakin rakyat di seluruh negara akan mengunjungi kawasan pelancongan Jeram Pasu ini dan saya pohon sedikit peruntukan daripada pihak kementerian untuk melihat secara lebih jelas bagaimana kawasan Jeram Pasu ini supaya dimajukan.

Terakhir iaitu Butiran 030600 – Kebudayaan dan Kesenian. Di Kelantan ini kita mempunyai banyak kesenian yang mampu menarik pelancongan. Di Kelantan ada wayang kulit, Mak Yong, Menora dan ada gasing. Gasing lebih daripada 10 jenis ada

yang terbang, ada yang tidak terbang, ada seni silat mempertahankan diri yang juga terlalu banyak.

Semua warisan ini kalau kita lihat bukan tidak ada fokus daripada Kementerian Kebudayaan dan Kesenian . Bukan tidak ada fokus, namun saya kira kalau diberi fokus yang lebih baik dan dihidupkan seni ini, nescaya ia akan membentuk satu kekuatan kepada pelancongan di dalam negara kita. *Insya-Allah.*

Jadi oleh kerana masa tidak mengizinkan saya ucap ribuan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengurus dan kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengurus:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Bukit Bintang.

### 11.32 pg.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya merujuk Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Tahun 2020 merupakan tahun mendukacitakan bagi industri pelancongan dan perhotelan. Selain program Tahun Melawat Malaysia 2020 terpaksa dibatalkan kerana letusan pandemik COVID-19 di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

Kita menyaksikan banyak syarikat pelancongan gulung tikar. Saya difahamkan bahawa jumlah hotel dan syarikat pelancongan yang gulung tikar sejak mula PKP sehingga 31 Oktober 2020 iaitu berjumlah 32 daripada 109 hotel telah gulung tikar oleh mahkamah dan secara sukarela. Manakala sebanyak 38 dari 95 agensi pelancongan telah ditamatkan oleh penggulungan mahkamah yang secara sukarela juga. Bukan sahaja pengusaha yang terjejas teruk, malahan para pekerja juga menerima kesan yang sungguh mencemaskan apabila hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Tuan Pengurus, yang selebihnya masih beroperasi dalam keadaan perlahan dan suram kerana ketiadaan pelancong asing dan tempatan. Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2020, kita menerima ketibaan pelancong asing seramai 4.25 juta dengan perbelanjaan RM12.5 bilion berbanding tempoh enam bulan pertama tahun 2019 pelancong asing yang tiba adalah seramai RM13.3 juta orang dengan perbelanjaan RM41.6 bilion.

Memang jauh keuntungan pendapatan daripada industri ini. Saya ingin bertanya. Bagaimanakah memulihkan industri pelancongan yang terjejas ini? Apakah kebarangkalian untuk membantu merancakkan industri dalam suasana pandemik COVID-19 yang mana PKPB masih berkuat kuasa dan pergerakan rakyat dan pelancong tersebut tersekat?

Saya merujuk Butiran 040300 – Program Penggalakan Pelancong hanya menerima peruntukan RM75 juta sahaja. Di bawah Butiran 94000 – Pemasaran dan

Promosi hanya berjumlah RM20 juta. Apakah yang dapat dibuat dengan jumlah peruntukan kecil ini bagi memulihkan semula industri pelancongan? Mengapakah Butiran 040300 – Program Penggalakan Pasaran Promosi Pelancongan dikurangkan daripada RM155 juta tahun 2020 kepada hanya RM75 juta dalam tahun 2021, iaitu dikurangkan sebanyak kira-kira 50 peratus.

Apakah aktiviti yang dapat dibuat dengan pengurangan yang banyak ini? Tidakkah ini satu pengabaian kerajaan ke atas sektor pelancongan? Kita tidak dapat membayangkan bila pandemik COVID-19 ini akan berakhir. Banyak pihak tidak sabar dengan ujian ini, cuma dalam kemampuan yang terbatas.

Rancangan untuk mengerakkan pelancongan domestik seperti baucar penginapan, diskaun destinasi pelancongan, diskaun percutian keluarga, potongan diskaun membeli-belah, ia tidak mencukupi. Apa yang penting dalam tempoh PKP ini mengerakkan rentas daerah dan negeri hendaklah dibenarkan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk membenarkan pergerakan rentas daerah dan negeri yang boleh membantu memulihkan industri pelancongan domestik.

Bagi agensi pelancongan yang sudah tenat, maka kerajaan patut membantu meningkatkan promosi dan menawarkan insentif menarik. Saya ingin bertanya. Apakah yang terjadi kepada peruntukan yang disediakan untuk program Tahun Melawat Malaysia 2020? Ke manakah peruntukan ini disalurkan? Adakah dana RM1.1 bilion yang disediakan itu sudah dibelanjakan? Apakah telah dibelanjakan atau di manakah disalurkan?

Selain itu, saya faham dana asal yang disediakan sebanyak RM1.1 bilion. Akan tetapi mengapakah hanya RM90 juta sahaja yang diperuntukkan yang disimpan di akaun? Program Tahun Melawat Malaysia 2020, ke manakah pergi bakinya? Kerajaan mestilah mencari jalan bagaimana untuk memulihkan sektor pelancongan, para pengusaha pelancongan, agensi pelancong hotel dan perkhidmatan berkaitannya.

Akhirnya, saya juga ingin tanya satu soalan tentang Pelan Memulihkan Pelancongan yang disediakan peruntukan *one-off* di bawah Butiran 05000 berjumlah RM200 juta. Saya kurang jelas kerana tiada menyatakan keterangan lanjut tentang peruntukan ini yang akan diagihkan. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

### 11.39 pg.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.

**Tuan Pengerusi:** Waalaikumussalam.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang telah memberikan kebenaran. Saya hendak merujuk kepada Butiran 050100 –

Pelan Pemulihan Pelancongan. Seperti mana yang Tuan Pengurus sedia maklum, bahawa kesan daripada COVID-19 ini, sektor pelancongan memang terjejas teruk. Saya kira laporan Bank Negara menunjukkan bahawa sektor pelancongan adalah *team* ataupun pasukan yang teruk terjejas.

#### ■1140

Saya hendak pergi kepada butiran itu yang berkaitan dengan Pelan Pemulihan Pelancongan. Sekiranya pihak kementerian sudah ada barangkali—cuma kita hendak tahu, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk kementerian tangani masalah yang berkaitan dengan COVID-19 yang melibatkan perhotelan, yang melibatkan penerbangan dan juga yang melibatkan zon-zon di mana tempat atau kawasan pelancongan? Contohnya di utara di Langkawi, di Pulau Pinang, di Melaka, di Pantai Timur, kemudian di Sabah dan juga di Sarawak. Ada zon atau kawasan-kawasan pelancongan. Apakah langkah-langkah jangka pendek yang diambil untuk tangani?

Perkara ini sangat teruk dan terjejas. Saya berada di Langkawi pada hujung minggu yang lalu, saya dapat lihat dan dapat rasai bahawa banyak dalam sektor ini yang terjejas daripada perhotelan, daripada syarikat-syarikat *travel*, syarikat feri, kereta sewa dan juga peralatan-peralatan pelancongan. Jadi, barangkali kementerian ada yang boleh dijelaskan yang berkaitan dengan bagaimana langkah-langkah untuk hendak mengatasi masalah.

Keduanya, selain daripada zon yang saya sebutkan itu, apakah sudah kita kenal pasti kumpulan-kumpulan dalam industri, pemain dalam industri pelancongan ini yang perlu dibantu? Kumpulan manakah yang menjadi prioriti untuk dibantu? Oleh sebab banyak daripada mereka ini yang sangat terjejas. Kalau tengok keluhan dalam media sosial, syarikat *travel agent* yang membuat *inbound* memang terjejas teruk. Kumpulan pemilik-pemilik bas persiaran yang membawa pelancong dari luar negara yang mereka buat kontrak dengan syarikat *travel* juga terjejas teruk.

Begitu juga dalam F&B atau *food and beverage* yang melibatkan restoran, kedai makan dan juga gerai-gerai yang ada di pusat-pusat pelancongan. Barangkali dengan sedikit sebanyak pengumuman daripada Majlis Keselamatan Negara membenarkan rakyat tempatan untuk bergerak membolehkan sedikit sebanyak di tempat-tempat pelancongan ini dikunjungi.

Sehingga waktu ini, saya kira, bahawa kita sudah tidak dapat lagi melihat berapa peratuskah jumlah pelancongan domestik boleh membantu perniagaan dalam sektor pelancongan ini. Barangkali daripada awal tahun hadapan boleh.

Cumanya, Kementerian Pelancongan, pada masa yang sama juga saya ingin bertanya, bagaimana pula dengan pekerja-pekerja dalam sektor pelancongan? Contohnya pekerja dalam sektor perhotelan yang telah diberi cuti ataupun dipotong gaji.

Berapa peratuskah daripada mereka ini yang telah terlibat secara langsung kena berhenti kerja ataupun hilang pekerjaan?

Saya kira ini bukan sahaja di kementerian lain iaitu Kementerian Sumber Manusia tetapi di Kementerian Pelancongan juga patut tahu berapa banyak yang terlibat dalam perhotelan, dalam penerbangan, *homestay*, pengusaha bas pelancongan dan lain-lain, taman tema dan sebagainya yang telah berhenti kerja.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah saya hendak bangkitkan iaitu yang berkaitan dengan Butiran 040400 – Perpustakaan Desa. Perpustakaan desa ini ada anggaran program khusus dan kita berharaplah bahawa perpustakaan desa ini boleh diangkat untuk menjadi tempat anak-anak kita belajar melalui sistem *online*. Jadi, wajar jugalah penyediaan *internet* itu dapat diberi kepada sesetengah kampung bagi membolehkan anak-anak mengunjunginya dan melayari *internet* untuk sumber rujukan dan maklumat.

Saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih pada pagi ini.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Kota Belud. Ada?

#### 11.46 pg.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala Bekalan B.31, Butiran 010800 – Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni, dan Budaya. Terdapat pengurangan sebanyak RM4.37 juta bagi butiran ini berbanding tahun 2020.

Pertama, saya ingin tahu status rasionalisasi pejabat-pejabat Kementerian Pelancongan di setiap negeri. Berapakah jumlah pejabat yang telah dan akan ditutup mahupun dibuka semula dan apakah pertimbangan dan faktor yang diambil bagi membuka semula pejabat negeri yang telah ditutup? Adakah kementerian bercadang untuk menaikkan KPI sedia ada di setiap pejabat negeri.

Kedua, apakah perancangan kementerian untuk mengoptimumkan peranan pejabat negeri bersama dengan Tourism Malaysia dan agensi-agensi lain di bawah kementerian di setiap negeri khususnya dalam pasca pemulihan pelancongan di seluruh negara? Apakah pelan-pelan perancangan yang telah disediakan bagi setiap negeri khususnya dalam menonjolkan keunikan serta menawarkan pakej dan diskau yang lebih menarik khususnya kepada pelancong domestik?

Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Saya ingin menyentuh mengenai aspek keselamatan pelancongan negara. Dalam kita mendepani cabaran pasca pandemik COVID-19, selain daripada tawaran harga yang menarik daripada pengusaha pelancongan, aspek keselamatan pelancongan juga adalah amat penting dalam mewujudkan keyakinan pelancong domestik dan antarabangsa sekali gus memberikan kesan positif ke atas Pelan Pemulihan Pelancongan yang dirangka MOTAC.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Adakah kementerian akan menambah baik Dasar Pengurusan Risiko Semasa MOTAC khususnya dalam mengenal pasti ancaman keselamatan dalam industri melalui audit keselamatan destinasi pelancongan, kempen keselamatan dan lain-lain?

Seterusnya, sejauh manakah kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan, syarikat pelancongan dan juga komuniti setempat dalam membantu mengurangkan risiko keselamatan yang tidak diingini berulang dalam masa akan datang?

Kemudian Butiran 031100 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Peruntukan bagi Kraftangan Malaysia telah meningkat sebanyak RM34 juta daripada RM57 juta kepada RM91 juta. Pertama, saya ingin tahu lebih lanjut peningkatan sebanyak RM34 juta ini akan digunakan untuk apa?

Kedua mengenai kaedah penjualan kraf tangan. Bagaimana sambutan jualan melalui platform *online* yang disediakan oleh kraf tangan seperti *MyCraftShoppe*, E-Kraf Bazar, *Craft on The Go* dan *Google Arts and Culture*? Berapakah jumlah jualan bagi setiap platform berkenaan sejak ianya dilancarkan dan jumlah jualan tahunan?

Saya juga ingin bertanya mengenai bagaimana kementerian membantu para pengusaha kraf tangan yang berada di luar bandar yang juga mungkin tidak mempunyai akses *internet* yang baik? Terutamanya di Kota Belud, banyak sekali kraf tangan yang dihasilkan yang juga sebenarnya merupakan sumber mata pencarian kepada mereka ini. Kita ada parang Bajau di Kota Belud, dengan izin, Goksama. Mereka juga yang menenun kain Tubau di Kampung Rampayan Ulu dan beberapa lagi.

#### ■1150

Bagaimana kementerian membantu mereka ini, pengusaha persendirian yang mungkin tidak tahu dengan platform yang sedia ada dan juga yang saya katakan tadi tidak mempunyai akses internet. Ketiga, apakah antara halangan dan cabaran yang dihadapi Kraftangan dalam memasarkan dan menjual produk-produk kraf tangan Malaysia di platform digital seperti *Shopee* dan *Lazada*?

Jika kita lihat, platform ini sebenarnya banyak lambakan batik Indonesia membanjiri segmen baju batik berbanding untuk kita cari batik Malaysia sendiri. Saya mohon agar Kraftangan mencari jalan untuk meningkatkan tawaran jualan batik Malaysia di platform-platform ini. Butiran 011100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. RM7.3 juta diperuntukkan pada tahun hadapan. Walaupun jumlah ini sepatutnya lebih banyak kerana saya percaya pada waktu ini adalah waktu yang terbaik untuk kita meningkatkan kemudahan pelancongan.

Butiran 01400 – Penyelenggaraan Kemudahan/Infrastruktur. Setelah dua tahun tidak ada peruntukan di bawah butiran ini, pada tahun hadapan telah disediakan sejumlah RM28.2 juta bagi tujuan penyelenggaraan kemudahan infrastruktur. Saya

mohon perincian projek penyelenggaraan yang akan dibuat dan mengikut negeri dan juga jumlah peruntukan bagi setiap projek tersebut.

Saya ingin tahu juga, apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian untuk menentukan di mana satu yang perlu diselaraskan ataupun perlu diperbaiki dahulu? Contohnya, jalan menuju ke pusat pelancongan, mungkin juga jeti pelancongan. Ada banyak sekali industri pelancongan yang begini terjejas, terutama sekali yang diusahakan secara persendirian ataupun komuniti, terutamanya di Kota Belud, di semua DUN, Usukan, Tempasuk, Kadamaian dan Pintasan. Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

#### 11.52 pg.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengurus. Saya terus kepada perbahasan. Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Pembentukan wilayah koridor baru 2007 sebagai usaha memastikan keseimbangan ekonomi lebih mantap, khususnya dalam sektor pelancongan. Koridor Utara (NCER) 2007–2025 yang bermatlamatkan membasi kemiskinan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan seterusnya merangsang perkembangan ekonomi negara.

Di seluruh dunia, di kawasan Eropah Barat, Switzerland, Perancis, Sweden dan Amerika Utara, ekopelancongan merupakan kawasan tarikan utama. Contoh terdekat, Taman Negara Hala Bala Thailand, Taman Negara Kruger Afrika Selatan. Di Malaysia, produk ekopelancongan diberi fokus pada RMKe-8 (2001 hingga 2005). Pelan Ekopelancongan 1996 merupakan pelan transformasi baharu, sehubungan itu mohon kepada kementerian dengan dana sebanyak RM6,682,400 dapat memberi hala tuju yang komprehensif ke arah memperkuuhkan koridor utara yang saya difahamkan hampir RM30 juta di danai untuk Program Ekopelancongan Koridor Utara. Pada hari ini, kerugian dalam industri pelancongan semasa COVID-19 melebihi RM45 bilion, perlu dipulihkan dengan langkah-langkah yang baik selepas COVID-19 nanti.

Seterusnya, 030800 – Perpustakaan Negara, di mana belanjawan diperuntukkan RM43,544,700. Perpustakaan Negara agensi yang bertanggungjawab menyimpan koleksi khazanah ilmu di peringkat kebangsaan untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Perpustakaan Negara menjadi institusi memori sejarah dan kebudayaan dan pustaka yang menyimpan, mendokumentasi dan memelihara pencapaian intelek yang diterjemah dalam bentuk cetak dan bukan bercetak.

Sehubungan itu, di antara koleksi yang terdapat di PNM adalah koleksi manuskrip Melayu bertulisan tangan, bertulisan jawi dalam lingkungan kurun ke-16 hingga ke-20. Apakah langkah-langkah strategik pihak kementerian untuk

menterjemahkan kesemua manuskrip Melayu untuk kita mengenali sejarah zaman silam?

Seterusnya, 040400 – Perpustakaan Desa. Perpustakaan desa berfungsi sebagai pemangkin pengetahuan di antara hidup masyarakat luar bandar. Sehubungan itu, dengan peruntukan RM42,350,000 apakah kriteria untuk dapatkan perkhidmatan perpustakaan desa dalam Parlimen? Apakah ada kuota tertentu? Dalam saat ini, saat COVID-19 yang masih berlanjutan, saya mohon diperluaskan lagi perkhidmatan ini. Ia perlu diperluaskan dengan dimasukkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat sebelum ini tentang *coverage*, dengan izin, internet dalam perpustakaan desa.

Seterusnya Tuan Pengerusi, 050100 – Pelan Pemulihan Pelancongan. Dana yang diperuntukkan sebanyak RM200 juta. Apakah perincian langkah-langkah pemulihan tersebut? Sehubungan itu juga, adakah dana sebanyak itu boleh meringankan NGO-NGO yang terlibat dalam pelancongan, khususnya pengusaha bot ke Pulau Songsong dalam Parlimen Jerai? Sekian Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi:** *Wa'alaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Sepang.

### 11.56 pg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membincangkan beberapa butiran sahaja. Pertamanya, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri mengenai Butiran 030400 – Muzium. Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa Muzium Negara kita ini- saya tidak tahu, saya pun rasa dah lama tak pergi muzium ini. Akan tetapi saya rasa Tuan Pengerusi, kita seharusnya- kalau izinkan saya merujuk satu buku ini yang ditulis oleh seorang *Queen's Counsel, Geoffrey Robertson, "Who Own History"*.

Dalam buku ini beliau menceritakan bagaimana muzium di British atau England, banyak khazanah daripada negara-negara yang dijajah yang berada di muzium di sana. Apa yang paling terkenal ialah dipanggil *Elgin Marbles* ataupun *Parthenon Marbles*. Satu *marble* yang kepunyaan negara Greece yang menjadi satu pertikaian, di mana dihujahkan bahawa ia bertentangan dengan perampasan *marble* itu bertentangan dengan konvensyen antarabangsa.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan ada membuat satu kajian (*research*), berapa banyakkah khazanah di dalam negara kita ini yang sekarang berada di dalam muzium di England yang sebenarnya memang milik kita dan dirampas secara tidak sah? Kalau ada, saya harap kerajaan mesti berusaha untuk mendapatkan balik ataupun paling kurang untuk mendapatkan ganti rugi.

Oleh sebab ini yang sedang dibincangkan oleh buku ini iaitu *Who Own History* ataupun *Siapa Yang Memiliki Sejarah*. Saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjawab soalan ini.

Keduanya, saya hendak bercakap tentang – sebelum itu, tentang contoh barang yang bernilai dalam negara kita ini, dipanggil Loceng Klang (*Klang Bell*). Saya ada gambar di sini, yang usianya agak berkurun lama dan bernilai. Sekarang ini berada di muzium di England, kepunyaan rakyat kita tetapi berada di muzium di England. Jadi, saya harap kerajaan mungkin mengambil berat soal ini.

Seterusnya, Butiran 030800 - Perpustakaan Negara dan Butiran 040400 – Perpustakaan Desa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekarang ini boleh katakan perpustakaan ini saya rasa kurang mendapat tumpuan daripada masyarakat sebab mungkin kerana berlakunya perubahan teknologi. Sekarang ini orang lebih minat membaca melalui internet dan sebagainya. Malahan, kewujudan buku sendiri pun adalah dianggap sebagai satu yang mungkin dah ketinggalan zaman. Kalau anak-anak muda, mereka dah membaca melalui *e-book* dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya adakah kita punya perpustakaan ini sudah mengambil inisiatif untuk bergerak ke arah memastikan bahawa perpustakaan ini masih lagi relevan dalam negara kita ini?

#### ■1200

Semalam *Harian Metro* melaporkan tadi ada beberapa orang daripada kita minta supaya kita ini pastikan ada capaian internet dan sebagainya. Semalam *Harian Kosmo* bukan *Harian Metro*, *Harian Kosmo* mendedahkan kalau saya boleh bacakan laporan *Harian Kosmo* berlaku di Kuala Krai, Kelantan, “*Dua adik-beradik dari Kampung Ulu Manah di sini sanggup menunggang motosikal selama 15 minit menyelusuri ladang kelapa sawit sebelum mereka mendaki bukit di Kuala Petang semata-mata untuk mendapatkan capaian internet. Norain Natasha Ramzan dan juga Norfatin Nadiyah yang merupakan pelajar pra-universiti di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai terpaksa mengambil inisiatif ini supaya mereka tidak ketinggalan untuk mengikuti kelas secara dalam talian*”.

Jadi saya hendak menyatakan macam manakah kita hendak kerajaan sekarang mengambil inisiatif untuk memastikan pelajar-pelajar di luar desa ini dapat mencapai internet ini dan dapat meneruskan pelajaran mereka. Kalau sebelum ini kita telah dengar bagaimana di Sabah berlaku kes panjat pokok, di Kelantan pun dalam keadaan mereka naik gaji dan sebagainya, rakyat mereka hendak pergi internet pun terpaksa mendaki bukit. Ini apa punya kerajaan saya tidak tahu lah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kena minta dekat wakil rakyatlah, Kelantan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itulah, jadi kita harap kalau boleh daripada dapat gaji naik itu pulanglah balik duit itu, malulah. Kerajaan membangun Islam apa ini, membangun apa ini, membangun Islam apa?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Sepang hendak bahas internet – Kementerian Komunikasi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, betul lah ini, di Kuala Krai lahir Kelantan. Balik nanti tanya, ini saya *Harian Kosmo* ini. *[Dewan ketawa]* Malulah kerajaan membangun sesama Islam tiba-tiba cari internet tidak dapat, naik gaji.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]:** Salah kementerian ini Yang Berhormat Sepang ini. Yang Berhormat Sepang, apalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Mas kemudian Yang Berhormat Menteri akan menggulung selepas itu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Boleh tambah satu, satu lagi Lembah Pantai nanti?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pasir Mas, lima minit.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Please Tuan Pengerusi, Hulu Rajang tidak boleh?

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Minta tambah satu, Simpang Renggam?

## 12.02 tgh.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya meneliti perbelanjaan di bawah Kementerian Pelancongan ini, kerajaan telah pun mengurangkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM34 juta daripada RM187 juta kepada RM153 juta dan perbelanjaan pengurusan telah pun ditingkatkan sebanyak RM65 juta daripada RM921 juta kepada RM986 juta. Jadi apakah rasional di sebalik pertambahan perbelanjaan pengurusan seperti ini?

Suka untuk saya menyebut bahawa World Travel and Tourism Council (WTTC) 2020 telah menyatakan bahawa sektor pelancongan dan kebudayaan cenderung pulih lebih perlahan daripada industri lain bagi tempoh sekurang-kurangnya selama 19 bulan. Persoalannya jumlah anggaran pendapatan sektor kebudayaan bagi tahun 2021 ialah RM590 juta disasarkan jauh lebih tinggi berbanding pada tahun 2019 iaitu RM583.43 juta.

Jadi jumlah ini melihatkan peningkatan sasaran sebanyak RM25 juta berbanding 2020. Mengapakah sasaran ini diletakkan jauh lebih tinggi sedangkan kemelut-kemelut pandemik COVID-19 ini masih belum lagi reda. Bukankah anggaran optimistik ini akan memberikan kes kepada anggaran KDNK yang terlalu tinggi?

Tuan Pengerasi, saya merujuk Butiran 020600 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Mengapakah peruntukan bagi LPPM dikurangkan sebanyak RM39 juta sedangkan negara berada dalam fasa mempergiatkan galakan dan aktiviti promosi pelancongan bagi tahun 2021 untuk memacu pelancongan domestik.

Saya merujuk kepada Butiran 050100 – Pelan Pemulihan Pelancongan diperuntukkan sebanyak RM200 juta pada tahun 2021. Apakah bentuk pemulihian yang akan diberikan menerusi peruntukan *one-off* ini? Bagaimanakah dana ini akan digunakan dan apakah impak yang disasarkan menerusi dana RM200 juta tersebut?

Saya menyebut ini kerana saya mencadangkan supaya sasaran KPI yang perlu dicapai menerusi bantuan ini ialah *sustainability* iaitu kelestarian perniagaan yang berkesan khususnya bagi kawasan yang terjejas dengan PKPB dan mempertingkatkan galakan melalui pelancongan domestik melalui pemberian kupon pelancongan domestik kepada kakitangan kerajaan, memperkenalkan *eTourism Learning* mengenai kawasan pelancongan tempatan kepada pelajar sekolah dan memberikan insentif menerusi MOTAC dengan usaha sama (*joint-venture*) bersama Perpustakaan Negara dengan kaedahnya contohnya pelajar perlu baca buku berkaitan pelancongan dan kebudayaan dan membuat perkongsian di media sosial sebagai contoh. Bagi mereka yang berjaya insentif boleh diberikan dalam bentuk wang tunai dan tiket pelancongan domestik bagi seluruh keluarga. Itu sebagai suatu contoh penggalakan pelancongan.

Di bawah Butiran 050100 ini juga saya juga ingin bertanya berapakah yang diperuntukkan untuk pengendali *travel* khususnya berkenaan dengan umrah. Pengendali *travel* umrah yang sangat-sangat terkesan pada waktu ini kerana boleh dikatakan pada tahun 2020 inilah merupakan tahun mereka tidak dapat untuk beroperasi, kakitangan dan *staff* mereka cukup *suffer* dalam keadaan sekarang terpaksa berpindah *nature business*, *nature* perniagaan mereka dengan izin.

Jadi saya ingin bertanya berapakah peruntukan ataupun insentif kerajaan yang diberikan kepada pengendali *travel* ini yang disebut tadi juga oleh Yang Berhormat Padang Terap yang membuat servis ataupun yang beroperasi secara *inbound* juga sangat-sangat terkesan.

Begitu juga apakah usaha kerajaan untuk memulakan pelancongan ataupun untuk memastikan supaya pelancongan umrah ini dapat dimulakan semula kerana banyak negara di seluruh dunia ini sudah pun memulakan, membenarkan rakyat

mereka untuk mengerjakan umrah dan Arab Saudi sendiri pun sudah membuka pintunya.

Apakah usaha kerajaan mempromosi lokasi-lokasi menarik di negeri-negeri kerana saya yakin bahawa buat masa sekarang ini pelancongan domestik sangat-sangat mendapat sambutan daripada rakyat di Kelantan sendiri, lokasi-lokasi yang bersejarah yang bukan merupakan suatu legenda semata-mata. Saya ambil contoh, lokasi pengeboman ataupun lokasi pendaratan tentera Jepun di Pengkalan Chepa yang mana ia dilakukan mengikut sejarahnya enam jam lebih awal daripada pengeboman bom di Pearl Harbour pada Perang Dunia Kedua.

Dalam erti kata lain, sebenarnya Perang Dunia Kedua ini bermula di Pantai Sabak di Kelantan tetapi lokasi tersebut sampai ke hari ini dibiarkan tanpa sebarang apa-apa usaha untuk memakmurkannya. Begitu juga beberapa lokasi baharu yang ditemui di kawasan saya, Tuan Pengerusi di Pasir Mas ditemui satu telaga yang lama yang baru ini sekumpulan penyelidik daripada Universiti Malaysia Kelantan menyatakan bahawa ada kemungkinan telaga tersebut merupakan laluan Hang Tuah untuk pergi ke Siam suatu ketika dahulu walaupun ia boleh lagi di bahas.

Akan tetapi, lokasi-lokasi seperti ini saya mohon apakah insentif daripada kementerian untuk kita memperkenalkan dan mempromosi lokasi-lokasi ini untuk tujuan pelancongan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Boleh, Lembah Pantai?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Salak tak sebut.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Oh, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Bolehlah Tuan Pengerusi. Sedikit, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi Yang Berhormat Bagan tiga minit, sebelah sini nanti tiga minit juga *to be fair*. Silakan Yang Berhormat, tiga minit.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *All right*, terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai dua minit selepas itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah diambil oleh Yang Berhormat Bagan.

### **12.08 tgh.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Pembangunan Promosi Pelancongan iaitu Butiran 010000 – Program Aktiviti Pembangunan Promosi dan semua kod seperti yang disenaraikan khususnya tentang industri pelancongan yang menjadi mangsa yang paling besar ekoran daripada tiga krisis utama yang melanda Malaysia sekarang ini iaitu politik, ekonomi dan juga kesihatan iaitu COVID-19.

Kita tahu kesan dan impaknya bila Fitch Ratings Agency telah *downgrade* kita punya taraf daripada A- kepada BBB+. Akan tetapi untuk sektor industri mereka sekarang dalam dengan izin, *life support* dan kita lihat angka-angka daripada Tourism Malaysia di mana dinyatakan bahawa untuk sembilan bulan pertama, Tuan Pengerusi ada penurunan sebanyak 79 peratus daripada bilangan pelancong-pelancong daripada 20.1 juta untuk tempoh sama tahun lepas turun kepada hanya 4.3 juta pelancong dalam tempoh sembilan bulan ini.

Penurunan 79 peratus dan pada masa yang sama yang lebih mengejutkan, Tuan Pengerusi ialah pendapatan. Pendapatan daripada sektor pelancongan turun sebanyak 81 peratus daripada RM66.1 bilion turun kepada RM12.6 bilion. Ini adalah penurunan sebanyak RM54 bilion dalam tempoh sembilan bulan ini, Tuan Pengerusi.

Kalau kita lihat kesannya banyak hotel yang ditutup, banyak itu agensi pelancongan *inbound*, *outbound* semuanya tutup. Sekarang mungkin syarikat penerbangan pun terancam.

### **■1210**

Kita hendak tanya, apa yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyelamatkan sektor pelancongan kerana sekiranya tidak ada langkah-langkah sedemikian saya khuatir. Ini saya hendak ucap bagi pihak kementerian, saya khuatir nanti Menteri tidak ada Kementerian Pelancongan untuk jadi Menteri.

Sekiranya tidak ada bantuan daripada Kementerian Kewangan dan saya hendak bantu pihak Menteri, minta Yang Berhormat Menteri Kewangan berikan sumbangan dan juga bantuan kewangan yang lebih supaya selaras... *[Tepuk]* Dengan kehilangan sebanyak RM54 bilion dari segi pendapatan pelancongan yang kehilangan untuk tempoh sembilan bulan ini.

Pada masa yang sama kita harap kerajaan boleh lebih realistik dalam angka-angka dan juga jangkaan tentang kadar purata penginapan hotel atau *hotel occupancy rate* untuk tahun ini dijangka sebanyak 61 peratus. Ini tidak mungkin, kalau kita lihat anggaran perbelanjaan dan untuk tahun depan, dijangka sebanyak 58.4 peratus.

Ini satu angka yang tidak ada satu orang pun akan percaya. Mengapa dalam buku anggaran ini boleh nyatakan *hotel occupancy rate* untuk tahun ini sebanyak 61.10 peratus. Ini ialah sesuatu yang seperti Yang Berhormat cakap *incredible* lah. Okey dan untuk tahun depan sebanyak 58.1 peratus. Saya rasa semua pun tak akan percaya termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri. Bolehkah ini diperbetulkan? Oleh sebab, angka-angka yang salah, yang *fake news* ini menyebabkan ramai yang tidak yakin tentang usaha kita untuk menyelamatkan itu industri pelancongan.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita harap, kita sedia hulurkan bantuan sekiranya pihak kerajaan memberikan jaminan apakah langkah yang boleh dibuat untuk memastikan kita memberikan suntikan sebanyak RM54 bilion yang kehilangan dalam sektor pelancongan untuk tempoh sembilan bulan ini.

Kalau tidak ada satu jawapan, ini bukan terhadap Yang Berhormat Menteri secara peribadi tetapi terhadap pihak kerajaan yang enggan bantu Kementerian Pelancongan untuk selamatkan sektor pelancongan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita harap kita boleh bersama-sama berikan suntikan yang sewajarnya supaya mereka boleh *survive*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya beri yang terakhir Yang Berhormat Arau juga tiga minit.

## 12.12 tgh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang pertama sekali...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak tiga minit juga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Pertama sekali saya hendak bagi tahu pandangan-pandangan yang kita akan bagi bukan berbentuk retorik. Ini ialah kenyataan yang sebenarnya. Bagi orang yang pernah gagal menguruskan negara ini sekarang baharu hendak bagi pandangan, itu saya rasa pandangannya agak retorik. Hendak bercakap boleh, masa kita urus selama dua bulan kita gagal.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang ini kami walaupun dalam keadaan tertekan masih mampu untuk menguruskan negara ini. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, yang betul kita cakap betul, yang tak betul saya hendak tegur Yang Berhormat Menteri Pelancongan ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sebut butiran mana Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Butiran 020000. Butiran ini sudah hafal sudah Tuan Pengerusi, sudah hafal sudah dia orang ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi bagi sesetengah kami yang bercakap ini kami sudah terujuklah apa yang kita sedang bercakap. Sekarang ini pelancongan tempatan ada peningkatan. Cuma, yang kurang dia sekarang ini berlaku kedudukan macam ini, yang tempat-tempat peranginan itu ada peningkatan.

Cuma, di bandar raya dan juga di bandar-bandar ia kurang sedikit. Sekarang ini di tempat-tempat peranginan kita tengok orang melancong luar biasa. Saya terkejut, saya pergi sebuah tempat pelancongan, orang ramai. Saya terpaksa mengundurkan diri sebab tidak mampu untuk melihat, takut-takut timbul masalah penyakit dan sebagainya tetapi orang ramai.

Sekarang ini bagaimana kita hendak seimbangkan tempat pelancongan di tempat peranginan ini supaya kita juruskan supaya di bandar dan di ibu kota ini pelancong tertarik untuk datang sebab pelancong tempatan sekarang ini mereka terpaksa bawa keluarga mereka semasa bercuti ini ke mana-mana. Kalau boleh kita alihkan kepada bandar, di kota-kota yang kita sekarang ini telah menurunkan harga hotel di tahap yang cukup luar biasa. Telah diturunkan hotel Lima Bintang- *Five Star* itu sampai ke sebanyak RM100 semalam. Kalau turun lagi sebanyak RM50 saya ingat penuh ibu kota dengan manusia.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Turun kadar sebab banyak sangat orang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Diturunkan lagi untuk membolehkan lebih ramai pelancong datang dalam bentuk seimbangkan sebab pelancongan, kita kena ingat tidak ada satu fikiran dalam penduduk yang begini ramai orang hendak duduk di rumah, mesti orang keluar untuk melancong. Ini masa kerajaan cari jalan supaya seimbangkan pelancongan di tempat-tempat peranginan itu dengan menarik mereka datang ke ibu kota.

Kemudian, keduanya ialah Butiran 030500 – Warisan Negara. Warisan ini kita tahu bahawa banyak kita dapat maklumat daripada orang ramai dan setengahnya biar kerajaan sendiri, pasukan kerajaan sendiri yang mencari maklumat berhubung dengan warisan. Saya hendak minta kerajaan cari satu maklumat berhubung dengan satu buku yang hanya dikeluarkan oleh pihak pencetak sahaja, lima copy sahaja dalam dunia ini. Yang Berhormat ada hendak tanya soalan? Yang Berhormat hendak sebut fasal *printer's copy* itu?

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tak, hendak tambah sedikit berkaitan warisan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Simpang Renggam pernah menyimpan satu copy.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, masa sudah habis Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ada satu copy berhubung dengan sejarah iaitu semasa sebelum kemerdekaan, ada cadangan-cadangan dibawa berhubung dengan kewarganegaraan. Buku itu ada di London. Ini ialah sejarah besar yang berlaku di negara ini berhubung dengan cadangan yang dibawa oleh Bahagian-bahagian UMNO berhubung dengan kewarganegaraan.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi telah disimpan sejarah itu di London sampai rakyat tidak tahu. Rakyat kena tahu apa terjadi di negara ini sebelum...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Arau, ada kaitan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Cadangan ditolak, apakah hendak tahu? Sudah tolak cadangan itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perkara 13- Perlembagaan Persekutuan itu dibentuk, perkara ini telah berlaku penentangan di pihak UMNO tetapi bekas Perdana Menteri telah menyimpan rekod ini di London.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Arau, boleh mencelah sedikit? Ada kaitan dengan dokumen tersebut.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali ialah Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan Homestay.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Arau sedikit sahaja

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Pada tahun 2019, KPM melalui UniSZA telah melakukan kerjasama dengan Arkib Negara ya, untuk projek mendapatkan manuskrip-manuskrip berkaitan Malaysia sebelum merdeka dan sebagainya dan juga Alam Melayu daripada pihak luar dan menuarkannya ke dalam format digital.

Ini selaras dengan apa yang Yang Berhormat Arau timbulkan itu. Projek tersebut melibatkan perolehan manuskrip dari dalam Durham University, British Library dan juga beberapa negara lain. Saya sendiri telah pergi ke sana untuk bersama-sama dengan Arkib Negara dan UnisZA. Saya inginkan kepastian pada Yang Berhormat Menteri, apakah status projek yang amat signifikan kepada sejarah negara dan pemeliharaan terhadap khazanah peradaban watan ini? Saya menggesa agar usaha patriotik dan

penuh ilmiah ini diteruskan, diperluaskan dan diberikan perhatian yang serius demi negara tercinta.

Saya mencadangkan Yang Berhormat Arau ya, agar ditambahkan peruntukan sebanyak RM5 juta lagi kepada Arkib Negara untuk tujuan tersebut. Yang Berhormat Arau boleh bersetuju? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebanyak RM10 juta ya, saya cadangkan. Jadi ini masuk sebagai ucapan saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, minta rumuskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab perjanjian ini dibuat semasa kami masih berkawan masa itu. Di London, jadi kami sudah bersetuju untuk melihat simpanan sejarah yang berada di luar negara, kena tahu, rakyat kena tahu ya. MCA kena tahu, MIC kena tahu tetapi yang paling mesti kena tahu ialah pihak DAP- kena tahu. Ini sejarah yang harus mereka pelajari.

Akhir sekali ialah Butiran 02800 – Ini jadi ucapannya, cadangannya masuk sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya tanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kemudian yang akhir sekali Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan Homestay. Sekarang *homestay* ini makin popular bila *homestay* tersebut ada *swimming pool*, ada kolam renang, kolam renang secara kecil-kecilan tetapi menjadi tarikan yang luar biasa. *Homestay* yang ada kolam renang sekarang penuh orang hadir. Jadi saya minta kementerian bagi perhatian, pemikiran untuk memberi subsidi segala bentuk untuk membolehkan *homestay* membina kolam renang untuk tarikan pelancongan. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab selama 15 minit.

## 12.19 tgh.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada semua rakan Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan untuk 2021 peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada hari ini.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan, cadangan dan pandangan sebentar tadi iaitu Yang Berhormat Balik Pulau, Yang

Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Arau.

## ■1220

*Insya-Allah* saya akan memberi maklum balas kepada semua isu-isu berkaitan yang berada di bawah bidang kuasa MOTAC dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mulakan dengan Yang Berhormat Balik Pulau. Sebenarnya panjang juga, walaupun dalam masa yang singkat Yang Berhormat Balik Pulau telah mengemukakan beberapa perkara ya Yang Berhormat. Pertama, beliau telah menyentuh mengenai *road map* bagi Pelan Pemulihan Industri Pelancongan untuk *rebound* terutama sekali apabila sempadan negara dibuka semula.

Sebenarnya panjang jawapan saya Yang Berhormat Balik Pulau. Namun begitu saya akan *summarize*kan dengan izin. Pertama sekali dalam usaha menyelamatkan industri pelancongan negara, kementerian telah merangka dan melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan. Antaranya melalui strategi-strategi berikut:

Pertama, memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong di mana komuniti pelancongan perlu mengamalkan pembudayaan baharu dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan.

Kedua, merancakkan semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang lebih kreatif dan menarik melalui platform digital, *which* dengan izin, sekarang ini telah berlaku Tuan Pengerusi.

Ketiga, meningkatkan standard dan kualiti perkhidmatan dan produk-produk pelancongan dan kebudayaan terutamanya daripada segi kebersihan dan keselamatan selaras dengan SOP pengoperasian.

Keempat, meningkat penggunaan teknologi untuk perjalanan yang selamat, lancar dan tanpa sentuhan seperti pembayaran tanpa tunai ataupun *cashless payment*, tempahan dalam talian atau *online booking*, transaksi tanpa sentuhan atau *contactless transaction* dan daftar masuk tanpa sentuhan dan kelima iaitu *reskilling* dan *upskilling* bagi meningkatkan kualiti dan kredibiliti profesion dengan mengadaptasikan kepada budaya norma baharu.

Di samping itu, MOTAC ini juga sedang meneroka potensi untuk mengadakan *travel bubbles* ataupun gelembung perjalanan dengan negara-negara zon hijau. Pihak kementerian telah mengadakan konsultasi bersama beberapa agensi kerajaan dan wakil-wakil daripada penggiat industri pelancongan untuk mencadangkan beberapa mekanisme gelembung perjalanan yang boleh diguna pakai oleh Malaysia bagi membuka semula aktiviti pelancongan rentas sempadan dengan cara yang selamat dan sistematik.

Antara mekanisme yang sedang diterokai oleh kementerian termasuklah destinasi ke destinasi dan pulau-pulau serta lawatan dalam kumpulan kecil ataupun *small group tour* dengan izin, khusus bagi aktiviti pelancongan minat khas, *special interest* ataupun *niche tourism* seperti golf, selam *scuba*, *bird watching*, *hiking* dan *caving* yang mana *itinerary* perjalanan diluluskan terlebih dahulu oleh pihak berkuasa yang terlibat serta urusan perjalanan yang diuruskan sepenuhnya oleh syarikat agensi pelancongan berlesen. Saya ringkaskan sahaja itu Yang Berhormat Balik Pulau.

Sebenarnya tadi Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Padang Terap dan juga Yang Berhormat Jerai ada bertanya mengenai peruntukan RM200 juta yang kononnya tidak bersasar dan tidak mempunyai *multiplier effect*. Yang Berhormat, terutama sekali kepada Yang Berhormat Balik Pulau, sebenarnya kita cuba sedaya upaya untuk lebih *inclusive* dengan izin kerana apa yang kita masukkan dalam RM200 juta itu adalah baucer untuk penginapan, potongan diskaun pengangkutan, penyemarakan seni budaya, potongan diskaun membeli belah dan perkhidmatan, diskaun destinasi pelancongan, ekopelancongan dan taman tema. Mungkin ada namanya, tak dimasukkan dalam – *the main* sektor itu, dengan izin.

Diskaun pakej percutian keluarga, kita ada juga diskaun pakej *frontliners*, kita ada juga Kempen *Meet In Malaysia*. Tadi ada tentang MICE saya sentuh dan program khas Libat Urus “Niche” Produk. Itu di antara program-program yang kita anjurkan untuk peruntukan RM200 juta. Ini kerana sebenarnya kita cuba *includekan*, masukkan ke dalam semua sektor ini. Mungkin ia tidak disebut dalam sektor yang utama.

Yang Berhormat Balik Pulau juga menyentuh mengenai Kumpulan Wang Warisan. Kumpulan Wang Warisan ini Tuan Pengurus, merupakan sebuah tabung yang ditubuhkan di bawah seksyen 20, Akta Warisan Kebangsaan 2005. Ianya bertujuan untuk membiayai kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara yang berkaitan dengan akta tersebut. Tabung ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya. Kumpulan Wang Warisan juga hendaklah dikawal, diselenggara dan dikendalikan oleh Pesuruhjaya Warisan sebagaimana peruntukan subseksyen 20(2) dan seksyen 21 Akta 645.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Setiu minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Setiu, berkaitan dengan warisan.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat Setiu, boleh saya habiskan? Belum habis dalam warisan ini. Sekejap ya Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri habiskan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Tujuan penubuhan Kumpulan Wang Warisan ini adalah bagi pembelian warisan, kawasan pemuliharaan, pemeliharaan dan pemuliharaan apa-apa warisan dan kawasan pemuliharaan menganjurkan kempen penyelidikan, pembelajaran, penerbitan bahan bagi perlindungan warisan dan kawasan pemuliharaan dan pemeliharaan mana-mana butiran warisan dan aktiviti yang bersampingan dengannya.

MOTAC mengambil maklum Yang Berhormat Balik Pulau, kita mengambil maklum peruntukan yang pertama dan terakhir oleh kerajaan pada tahun 2006 berjumlah RM35 juta dan kini semakin menyusut. Kita sedang berusaha memohon tambahan Kumpulan Wang Warisan ini daripada MOF. Saya bagi peluang kepada mana tadi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat Setiu ya? Sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita maklum, batik asli merupakan salah satu warisan seni yang perlu dipertahankan. Apakah perancangan kerajaan untuk mempromosi industri batik asli yang semakin tertekan dengan kemasukan batik-batik import daripada negara luar seperti Thailand dan Indonesia? Apatah lagi semasa penularan COVID-19 ini.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya akan jawab mengenai batik ataupun mengenai produk-produk kraf itu apabila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kota Belud. Namun ianya tidaklah berkaitan dengan warisan, tetapi ianya lebih kepada bagaimana kita mempertahankan produk lokal kita. Ini sebab, tadi Yang Berhormat Kota Belud ada menyentuh mengenai produk batik daripada Indonesia dan negara lain.

Jadi, ianya bukan dalam bentuk warisan pada masa ini Yang Berhormat Setiu. Kalau kita menyentuh mengenai Batik Malaysia ini- sebabnya *designnya* banyak. Jadi, ianya bukan dapat dikatakan satu *design* itu sebagai satu warisan. Jadi, itulah untuk menjawab Yang Berhormat Setiu.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *I mindfull of the time*, jadi minta maaf ya, saya terpaksa cepat. Saya teruskan dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Balik Pulau juga mengenai RM10 juta untuk bangunan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara yang terus kekal. Kami menggunakan peruntukan ini untuk kita mengekalkan ia sebagai ikon pelancongan. Selain daripada itu peruntukan ini juga merangkumi...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** ...Cadangan yang melibatkan kerja-kerja fizikal dan juga *non-physical*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Batang Sadong, Menteri...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Beri peluang kepada saya habiskan ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Baik-baik.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Siapa ya tadi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Yang Berhormat Permatang Pauh, nanti ya. Jadi, kementerian juga melalui agensinya Jabatan Warisan Negara akan melaksanakan fungsinya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 untuk memulihara, memelihara dan melindungi tapak dan bangunan warisan ini. Pemuliharaan dan pembangunan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Seri Negara akan berlandaskan kepada satu Pelan Pengurusan Pemuliharaan (*Conservation Management Plan - CMP*).

Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan dan peraturan-peraturan yang disediakan oleh pihak berkuasa negeri ataupun tempatan selaras dengan standard yang ditetapkan dalam menjamin integriti dan keaslian warisan bangunan-bangunan ini. Sekali lagi saya hendak nyatakan kepada Yang Berhormat Balik Pulau, sebenarnya panjang lagi yang boleh saya jawab untuk Yang Berhormat, tetapi oleh kerana kekangan masa...

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]:** Bagi jawapan secara bertulis sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya boleh bagi yang panjang itu secara bertulis ya Yang Berhormat. Apa nama tadi, Yang Berhormat Permatang Pauh ya?

■1230

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Pendek sahaja Yang Berhormat. Saya tahu masa suntuk. Hanya apa yang dibawakan oleh Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Balik Pulau agak penting kerana kita ada peluang besar untuk sentiasa mengiktiraf batik warisan Malaysia sendiri. Jadi, saya fikir banyak usaha oleh pengusaha di luar sana tetapi kalau Yang Berhormat keluarkan kenyataan seolah-olah kita sedikit terkeliru agak bahaya juga. Maka, bila bercakap tentang batik warisan kita, ada banyak motif. Saya tidak akan lanjutkan. Hanya saya mahu ketetapan daripada kementerian kalau kita boleh bekerjasama untuk memulakan pengiktirafan batik warisan khazanah kita.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu saya kata tunggu saya menjawab untuk Yang Berhormat Kota Belud. Baharulah saya menjawab sepenuhnya sebab saya tidak mahu menjawab dari setiap pertanyaan itu secara *separately* dengan izin kerana kita telah menyediakan jawapan untuk Yang Berhormat Kota Belud yang merupakan satu jawapan yang menyeluruh kerana apa yang kita hendak lakukan di sini ialah kita mempertahankan batik Malaysia. Batik warisan kita apa yang kita sebut tetapi yang penting memang kita hendak mempertahankannya terutama sekali apabila kita ada *competitor* dengan izin melalui *online* ini. Jadi sebab itu bersabarlah Yang Berhormat. Saya tidak mahu orang di luar sana mendengar seolah-olah kita tidak mengambil berat terhadap batik Malaysia ini. Sebenarnya kita terlalu mengambil berat sebab itu kita memberi keistimewaan untuk batik Malaysia ini, Yang Berhormat. Saya harap ia tidak menjadi satu isu politik di luar sana nanti. Terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Balik Pulau menyentuh mengenai RM35 juta itu untuk saya rasa sama. Saya sambung Yang Berhormat Balik Pulau ya. Sama dengan jawapan yang tadi *earlier one* mengenai warisan. Seterusnya juga Yang Berhormat Balik Pulau dengan Yang Berhormat Bukit Bintang pun ada menyentuh mengenai MICE tadi. Sebenarnya saya telah nyatakan kepada Yang Berhormat Balik Pulau, MICE pun termasuk dalam RM200 juta itu, Yang Berhormat Balik Pulau.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga menyentuh peruntukan RM27 juta telah disediakan oleh pihak kementerian bagi tujuan untuk konvensyen dalam usaha untuk MICE ini dalam usaha untuk membawa masuk lebih banyak aktiviti MICE atau *business event* bagi tahun 2021. Pihak MICE telah menyasarkan untuk membawa masuk seramai 440,000 delegasi antarabangsa sekiranya kerajaan membuka semula sempadan negara. Pada tahun hadapan bagi tujuan aktiviti MICE dan acara sukan antarabangsa. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk tujuan penyelidikan dan juga untuk PR, komunikasi dan pembangunan industri, pemasaran digital, penjenamaan serta program misi jualan di dalam dan juga di luar negara.

Seterusnya lagi juga Yang Berhormat Balik Pulau mengenai Istana Budaya. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah rancangan Malaysia *rolling plan* pertama RMKe-12, MOTAC meluluskan projek menaik taraf keseluruhan bumbung Panggung Sari dengan kos RM35 juta. Projek ini akan menyelesaikan masalah kebocoran bumbung yang telah berlarutan agak lama. MOTAC bertekad menjadikan IB setanding dengan pentas bertaraf dunia bagi seni persembahan. Saya seterusnya ke isu mengenai caj RM15 oleh MyEG untuk pusat kuarantin. Juga daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Urusan daftar masuk ke pusat kuarantin adalah di bawah bidang kuasa NADMA. Bukan di bawah bidang kuasa MOTAC. Cadangan yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat Balik Pulau berhubung perkara ini akan saya majukan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Seterusnya untuk Yang Berhormat Pasir Puteh, pembangunan infra pelancongan di Jeram Pasu Kelantan. MOTAC sentiasa bekerjasama rapat dengan semua kerajaan negeri dalam memajukan dan menyelenggarakan produk-produk pelancongan. *Insyah-Allah* cadangan oleh Yang Berhormat Pasir Putih ini akan dipertimbangkan untuk kita majukan di bawah projek peningkatan infrastruktur pelancongan di Kelantan.

Seterusnya, pemerkasaan sektor pelancongan bagi bantuan untuk penggiat seni. Kementerian telah mengemukakan permohonan tambahan bagi bantuan kepada kementerian kewangan dan masih dalam pertimbangan. Walau bagaimanapun, kementerian menggunakan peruntukan bagi tabung sedia ada untuk membantu penggiat-penggiat seni budaya dan warisan. MOTAC turut merancang untuk bekerjasama secara strategik dengan pihak swasta ataupun negeri untuk pemeliharaan, pemuliharaan dan pelindungan tapak atau pembangunan yang diiktiraf sebagai tapak ataupun bangunan warisan. Ini juga untuk Yang Berhormat Balik Pulau ya. Bagi menyemarakkan aktiviti acara NGO kebudayaan di peringkat akar umbi, MOTAC terus menyokong dan membantu dalam bentuk kewangan dan *in kind* dengan izin tempat persembahan, kepakaran, aktiviti ataupun acara NGO terbabit. Saya teruskan lagi dengan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri perlu berapa minit lagi? Masa sudah habis. Boleh tambahan?

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Sebenarnya banyak lagi. Saya skip lah Yang Berhormat Balik Pulau. Sebab banyak untuk Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Pasir Puteh ini. Saya bagi jawapan bertulis tetapi tadi saya hendak menjawab yang Yang Berhormat Kota Belud tadi. Saya rasa adalah penting.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya bagi lima minit lagi.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Haa?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi lima minit lagi. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Kalau lima minit saya cuba habiskan masa lima minit lah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila saya bagi lima minit lagi. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih. Ini untuk Yang Berhormat Kota Belud. Program-program saya akan bagi secara bertulis, secara terperinci tetapi untuk mengenai batik tadi ataupun bahan-bahan tempatan kita Yang Berhormat Kota Belud.

Sebenarnya walaupun kita memang ada kita punya *competitor* dengan izin melalui apabila kita menjual secara *online* ini. Ada Lazada, ada Shopee tetapi untuk kita, kita ada kraf tangan, E-Kraf Bazar, kita ada *Craft On The Go*, kita ada platform-platform tersendiri dan kita memang ramai kita punya mereka yang menjadi *followers* kita dan juga menjadi usahawan kita.

Cuma apa yang kami tekankan ini Yang Berhormat Permatang Pauh tolong dengar. Kami tekankan kalau untuk kami di kraf tangan menjual secara *Craft On The Go* atau pun E-Kraf Bazar ia hanyalah bahan-bahan lokal kita, produk kita. Kita tidak menerima mana-mana produk dari luar negara. Sebab tujuan kita ialah untuk membantu industri *players* kita ataupun pengusaha-pengusaha di dalam negara. Jadi inilah yang kita tekankan. Kita tidak membenarkan produk-produk dari luar negara dijual melalui platform yang kita ada. Saya akan bagi kepada Yang Berhormat Kota Belud secara bertulis. Sebenarnya panjang juga Yang Berhormat Kota Belud yang saya hendak jawab ini tetapi ialah mungkin saya hendak menjawab bagi saya menjawab...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kota Belud tiada dalam Dewan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Okey, saya hendak jawab tadi. Saya cari Yang Berhormat Bagan punya. Sebab Yang Berhormat Bagan beliau kata hendak membantu. Terima kasih Yang Berhormat Bagan kalau hendak membantu. Tidak logik dikatakan purata kadar penginapan hotel 2020 itu 61.1 *percent* itu tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Sasaran ini dibuat pada tahun lalu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh minta izin ke sedikit. Boleh minta belas ihsan sedikit ke. Hendak tanya.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya boleh. Tetapi Tuan Pengerusi, tolong bagi tambah sayalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada tiga minit lagi. Bagi ringkas sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagi lah *chance*.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya boleh. *I have no problem.* Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Now you are standing there. Tomorrow maybe I will be there. [Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit belas ihsan Yang Berhormat Menteri. Di Pasir Salak itu banyak orang kata produk-produk pelancongan tetapi tidak dieksplotasi sepenuhnya. Pasir Salak dia tempat bersejarah. Pertama sekali tempat di situlah orang putih dibunuh. J.W.W. Birch was killed there. Kebangkitan itu ada di England pun semua orang tahu itu. So, *there is destination* untuk pelancong-pelancong.

Selain daripada itu sejarah kerajaan Melayu dulu juga berpusat di sana. Jadi saya minta selama hari ini kita tidak dapat peruntukan dan apa-apa program untuk membangunkan industri pelancongan di sana.

■1240

Jadi, sementara Yang Berhormat Menteri ada di sini, saya tidak tahu bila—tolonglah beri perhatian. Terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak, kalau banyak produk itu, sila *identified it please*, dengan izin. Datanglah, tulis surat kepada kita, kita cuba membantu sedaya upaya. Betullah, saya hari ini di sini, mungkin Yang Berhormat Pasir Salak di sini di masa depan kan? Jadi, saya pun minta tolong juga. Jadi itulah, Yang Berhormat Pasir Salak, mesej *for you* tolong, tulis kepada kita apa yang kita boleh bantu, kita akan bantu. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Saya tadi berjanji untuk jawab Yang Berhormat Bagan mengenai sasaran penginapan hotel tahun 2020 iaitu *61.1 percent*. Sasaran ini dibuat pada tahun lalu sebenarnya, tahun 2019, dengan mengambil kira Tahun Melawat Malaysia 2020, Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga cadangkan MOF memberi dana tambahan kepada MOTAC bagi meningkatkan potensi industri pelancongan. Saya memang berterima kasih dengan Yang Berhormat Bagan. Sememangnya pihak MOTAC melalui Pelan Pemulihan Pelancongan berjumlah RM200 juta akan mengambil langkah-langkah seperti inisiatif diskaun, *cashback* dan tawaran tambang khas dengan berlandaskan pelancongan domestik yang mampu menjadikan daya tahan kepada ahli-ahli industri pelancongan.

Pihak MOTAC menyambut baik cadangan Yang Berhormat Bagan tadi. Saya juga mengharapkan agar ada pertambahan daripada pihak Kementerian Kewangan sebab saya tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baharu ini memang amat baik dengan kita. Beliau sentiasa mahu membantu dan telah menyatakan kesediaan beliau untuk membantu lagi. Sekiranya ini sudah digunakan, akan beliau tambah lagi, *insya-Allah*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Tidak cukup ya? Okeylah, demi Yang Berhormat Bagan. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tinggal 30 saat ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tentang sasaran tahun 2020, ia adalah 61.1 peratus. Akan tetapi, dalam buku ini pun ada sebut sasaran untuk tahun 2021 adalah 58.4 peratus. Macam mana ini boleh dicapai dalam keadaan sekarang? So, di sini saya harap bahawa ini boleh memberikan satu *projection* yang lebih realistik supaya kita dapat menangani masalah ini. Ini kerana, kita tahu bantuan adalah diikat atau dikaitkan dengan hotel *occupancy*. Kalau hotel *occupancy* terlalu tinggi, pihak Kementerian Kewangan tidak akan berikan bantuan yang sewajarnya. So, saya harap perkara ini diperbetulkan.

Bolehkah Yang Berhormat menyatakan secara terperinci, apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan iaitu daripada segi geran dan juga daripada segi *loan credit*? Ini kerana, ia adalah amat penting untuk membolehkan industri pelancongan survive. Pada masa yang sama, bolehkah meminta bahawa bank yang sekarang sangat ketat memberikan pinjaman, bolehkah mereka diminta untuk janganlah terlalu ketat? Longgarkan sedikit kerana amat perlu pinjaman sekarang oleh para peniaga.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dan terus menggulung.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Ya, terus saya tutup. Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai kredit itu. Saya rasa mesej itu adalah untuk Kementerian Kewangan.

Mengenai bank, Yang Berhormat, kami telah duduk bersama dengan bank yang terlibat dalam PENJANA itu. Kami telah berbincang dengan mereka supaya membantu dan *not to be so strict*, dengan izin, dalam hal ini. Terima kasih atas pandangan tersebut.

*Projection* itu, itulah yang kita usahakan, Yang Berhormat. *Domestic tourism* ini kita hendak perkuatkan lagi dan kita mengharapkan semuanya membantu untuk menyokong.

Tuan Penggerusi, dengan memberi maklum balas dengan isu yang terakhir tadi, maka berakhirlah sesi penggulungan saya pada hari ini. Sebenarnya, banyak lagi yang saya hendak jawab. *Insya-Allah*, kita akan beri jawapan bertulis.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia di luar sana untuk melancong di dalam negara. Marilah kita semarakkan pelancongan domestik selari keputusan kerajaan membenarkan semula aktiviti pelancongan dan rentas negeri yang diumumkan baru-baru ini. Saya yakin banyak lagi destinasi-destinasi pelancongan tempatan yang belum

kita terokai. Banyak lagi juadah tempatan yang belum lagi kita nikmati. Banyak budaya tempatan yang belum kita kenali dengan lebih dekat.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama terokai Malaysia dan bergembira bersama dengan yang tersayang sambil membantu kepada rakan-rakan kita dalam penggiat industri pelancongan dan kebudayaan tempatan menunjuk arah serta menonjolkan bakat mereka. Penggunaan ejen pelancongan bukan sahaja memudahkan pengurusan percutian kita, malah kita turut boleh bersama mereka di belakang tabir seperti pemandu pelancong, penyedia pengangkutan dan ramai lagi untuk kembali bangkit.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menyeru agar kita semua menjadi pelancong yang bertanggungjawab. Dalam keadaan penularan wabak COVID-19 yang belum pulih sepenuhnya, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakan pematuhan kendiri kepada SOP-SOP yang ditetapkan. Menjadi hasrat kita semua untuk pergi melancong, bergembira dan pulang dalam keadaan yang sihat dan selamat.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM986,618,000 untuk Kepala B.31 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Belah bahagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Belah bahagi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Belah bahagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Mohon Peraturan Mesyuarat 47, belah bahagi.

*[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagian]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, sebelum kita buat undian, senarai penghitung dan pemerhati adalah seperti berikut;

Blok A, penghitung undi ialah Yang Berhormat Kota Bharu, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Tanjong Malim.

Blok B, penghitung undi ialah Yang Berhormat Rembau, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Batu Gajah.

Blok C, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Tasek Gelugor, pemerhatinya ialah oleh Yang Berhormat Kangar.

Blok D1, penghitung undi Yang Berhormat Arau, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Hulu Langat.

Blok D2, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Kluang, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Sabak Bernam.

Blok E1, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Muar, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Pasir Mas.

Blok E2, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Lumut, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Jempol.

Blok F, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Permatang Pauh, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Pontian.

Dan Blok G, penghitung undinya ialah Yang Berhormat Sungai Petani, pemerhatinya ialah Yang Berhormat Sibuti.

Seperti petua Tuan Yang di-Pertua pada 5 November 2020, saya tempohkan mesyuarat selama 10 minit.

#### ■1250

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.50 tengah hari]*

#### ■1300

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 1.00 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Ketua Penghitung mengambil tempat masing-masing. Saya minta pemerhati-pemerhati yang akan memerhati Ketua-ketua Penghitung masing-masing membuang undi sekarang sebelum mengambil tempat.

Okey kalau semua bersedia, undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

#### ■1310

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian belah bahagian adalah seperti berikut;

Bersetuju 109. *[Tepuk]*

Tidak bersetuju 96. *[Tepuk]*

Tidak hadir 15.

#### Ahli-ahli Yang Bersetuju:

1. YAB. Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)

3. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
4. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
5. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
6. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
7. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)
8. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
9. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
10. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
11. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
12. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Ketereh)
13. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
14. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
15. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
16. YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
17. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
18. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
19. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
20. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
21. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
22. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
23. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
24. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
25. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
26. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
27. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
28. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
29. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
30. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
31. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
32. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
33. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
34. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
35. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembpong)
36. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
37. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
38. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
39. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
40. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
41. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
42. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
43. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
44. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
45. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
46. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
47. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
48. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
49. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
50. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
51. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)

52. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
53. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
54. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
55. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
56. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
57. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
58. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
59. YB. Tuan Ahmad Mar Zuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
60. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
61. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
62. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
63. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
64. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
65. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
66. YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
67. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
68. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
69. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
70. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
71. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
72. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
73. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
74. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
75. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
76. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
77. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
78. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
79. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
80. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
81. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
82. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
83. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
84. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
85. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
86. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
87. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
88. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
89. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
90. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
91. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
92. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
93. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
94. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
95. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
96. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
97. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
98. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
99. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)

100. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
101. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
102. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
103. YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh (Sabak Bernam)
104. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
105. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
106. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
107. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
108. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
109. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)

**Ahli-ahli Yang Tidak Bersetuju:**

1. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
2. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
3. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
4. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
5. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
6. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
7. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
8. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
9. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
10. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
11. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
12. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
13. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
14. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
15. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)
16. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
17. YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
18. YB. Datuk Dr. Shahruddin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
19. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
20. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
21. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
22. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
23. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
25. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
26. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
27. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
28. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
29. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
30. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
31. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
32. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
33. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
34. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
35. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
36. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
37. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
38. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
39. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)

40. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
41. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
42. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
43. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
44. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
45. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
46. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)
47. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
48. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
49. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)
50. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)
51. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
52. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
53. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
54. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
55. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
56. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
57. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
58. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
59. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
60. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
61. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
62. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
63. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
64. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
65. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
66. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
67. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
68. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
69. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
70. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
71. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
72. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
73. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
74. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
75. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
76. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
77. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
78. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
79. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
80. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
81. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
82. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
83. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
84. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
85. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
86. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
87. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
88. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)
89. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
90. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)

91. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
92. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
93. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
94. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
95. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
96. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)

**Ahli-ahli Yang Tidak Hadir:**

1. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
2. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
3. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
4. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
5. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
6. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
7. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
8. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
9. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
10. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
11. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
12. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)
13. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
14. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
15. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)

*[Masalah disetujukan]*

*[Kepala B.31 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengurus:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah seterusnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.31 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Kepala P.28 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**1.13 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua,

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12(1) terdahulu iaitu pada hari Khamis, 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Alam Sekitar dan Air bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 9 Disember 2002.”

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang menyokong?

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Kepala B.48 [Jadual] –**

**Kepala P.48 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahaskan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, saya ingat kementerian ini boleh bagi masa panjang sedikit. Padang Serai di sini, Padang Serai. Sebab ini kementerian...

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Boleh setujulah.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Akan tetapi kita tidak undi, jangan takut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segambut, silakan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Kita hendak bahas. Kita tidak undilah, jangan takut. Masa boleh gunakan untuk kita bahas...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Padang Serai jangan cerita dahulu. Rahsia.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segambut, silakan.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Padang Serai, 15 - 0 .

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Pecah rahsia, pecah rahsia.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Bagi masa panjang sedikit, Tuan Pengerusi.

### 1.15 ptg.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Tuan Pengerusi, Segambut ingin membahaskan Butiran 010000 – Pengurusan. Kenapakah program kempen tayangan lima buah video pendek pendidikan seksual mengenai *safe touch* dan *bad touch*, sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat di *YouTube* bersama *Google* telah dihentikan oleh kementerian?

Mengikut statistik sebelum ini bermula 21 Jun 2019 hingga 11 Disember 2019, sebanyak 4.27 juta *views*, 9.34 juta *impression* dan 120,000 klik telah direkodkan. Akan tetapi, setelah kempen tersebut dihentikan, ia digantikan pula dengan kemunculan Menteri dan Timbalan Menteri di kaca televisyen untuk mempromosikan diri sendiri. Kita di sini sepatutnya mengutamakan kesejahteraan kanak-kanak. Jadi saya hendak dengar hala tuju pimpinan baharu KPWKM yang kurang mengutamakan keselamatan kanak-kanak, adakah kerana mereka ini belum berusia 18 tahun dan tidak dapat memberikan undi kepada Perikatan Nasional?

Butiran 030000 – Program Khusus. Ini adalah satu contoh mengapakah jumlah anggaran program ataupun aktiviti pembangunan dan perkembangan kanak-kanak telah dikurangkan sebanyak hampir RM1 juta untuk tahun depan.

Saya juga hendak bertanya mengenai status penambahan bilangan pelindung kanak-kanak untuk tahun depan dan penambahan pegawai JKM bagi tujuan menyemak dan melakukan siasatan ke atas permohonan bantuan yang semakin meningkat sehingga membebankan mereka.

Saya juga mahu mengetahui, berapakah jumlah kes kanak-kanak yang didera sejak Perintah Kawalan Pergerakan fasa satu berkuat kuasa sehingga terkini? Adakah Yang Berhormat Menteri telah mengadakan mesyuarat dengan pihak D11 PDRM bagi membincangkan perkara ini? Bilakah kali terakhir mesyuarat tersebut diadakan?

Saya juga hendak bertanya, berapa kerap kah data semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang diperkenalkan oleh kerajaan kita telah dikemas kini? Apakah rancangan KPWKM untuk menambah baik sistem semakan ini termasuk mendapatkan kerjasama daripada pihak MAMPU dan PDRM?

Bahagian Dasar KPWKM. Bahagian ini adalah antara yang terpenting dalam kementerian ini. Ia perlu diperkasakan dengan cara menambah bilangan pegawai yang benar-benar memahami isu yang diperjuangkan dan masalah yang dihadapi, *subject matter*, dengan izin.

Saya juga hendak tahu status Rang Undang-undang Gangguan Seksual. Bilakah ia akan dibentangkan dan apakah libat urus yang telah dilakukan untuk memastikan rang undang-undang telah bersedia untuk dilaksanakan? Saya juga hendak tahu, bilakah Akta Kanak-kanak akan dikemaskinikan dan dipinda bagi tujuan penubuhan agensi kanak-kanak dan pemindahan bidang kuasa JKM supaya bidang tugas mereka menjadi lebih spesifik?

Saya juga ingin mendapatkan status *taskforce* yang telah ditubuhkan untuk membuat pindaan kepada Akta OKU. Bilakah kali terakhir libat urus tersebut dilakukan dan apakah perkembangan serta hasil daripada *taskforce* ini?

Mengenai mesin pencetak, *printer card* OKU. Adakah setiap negeri telah ditambah kepada dua unit seperti yang dijanjikan? Adakah masih terdapat tunggakan pendaftaran kad OKU sehingga sekarang? Apakah tempoh menunggu bagi mereka mendapatkan kad ini terutamanya pendaftaran di negeri Sabah dan Sarawak?

Ketika pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, Menteri KPWKM yang juga Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa ada keperluan untuk mewujudkan akta warga emas. Saya ingin tahu, apakah status kajian tersebut untuk akta ini?

Butiran 031900 – Penyelenggaraan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya juga mahu mengetahui apakah SOP COVID-19 yang dilaksanakan di institusi milik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terutamanya di Rumah Seri Kenangan dan rumah kanak-kanak bagi menjamin keselamatan warga emas dan kanak-kanak di sana?

Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Untuk program KAP, adakah ia telah mengambil kira latihan SOP COVID-19 yang harus dimasukkan dalam *syllabus* kursus ini?

## ■1320

Adakah kursus ini akan diambil balik oleh KPWKM supaya kos ini boleh diturunkan? Butiran 030400 - Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Saya juga hendak tahu status terkini usaha penyelarasan antara KPWKM dan Kementerian Pendidikan atau agensi lain mengenai *zero reject policy*. Penyelarasannya penting untuk membantu para pelajar OKU dapat ke sekolah dan dilatih oleh tenaga guru yang mahir

dan mendapat latihan yang bersesuaian. Ini juga membantu PDK mempunyai lebih ruang untuk mengambil *client* baru.

Butiran 040000 *one-off*, naik taraf bangunan KPWKM. Saya hendak dapatkan pengesahan adakah pejabat Yang Berhormat Menteri dan pejabat Yang Berhormat Timbalan Menteri telah diubahsuai selepas “Langkah Sheraton”. Jika ya, berapakah kos perbelanjaan kedua-dua pejabat tersebut dan apakah rasionalnya pengubahsuaian itu perlu dilakukan? Saya telah bertanya melalui soalan Dewan tetapi tiada jawapan yang diberikan.

Akhir sekali saya hendak ingatkan bahawa kita tidak boleh main politik semasa kita bergelut dengan pandemik COVID-19. Pengalaman beberapa bulan lepas mengingatkan kita akan perkara seperti ini. Seperti dalam isu Bakul Makanan JKM yang sehingga kini kita belum dapat senarai penyelaras yang telah menerima bakul tersebut. Kes terbaru isu ini berlaku di Sabah sekali lagi.

Saya pohon penjelasan tentang bantuan COVID-19. Adakah benar pendaftaran dan pengagihan Bakul Makanan adalah melalui *database eKasih* di Sabah ataupun mereka kena mendaftar nama di pejabat daerah? Mungkin harga tambang khasnya di kawasan Sabah dan Sarawak melebihi nilai Bakul Makanan tersebut. Saya diberitahu ramai kerana tidak ada internet, tidak boleh buat pendaftaran, maka mereka tidak dapat menerima Bakul Makanan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak mendapatkan pengesahan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah benar Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah melantik sukarelawan yang dibayar RM1,000 untuk tiga bulan di semua kawasan Parlimen dan kebanyakannya saya diberitahu mereka ini merupakan Ahli Srikandi Bersatu. Saya ada borang di sini dan ada syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat setuju terima pelantikan sukarelawan YKN tahun 2020.

Satu, pelantikan ini berkuat kuasa pada 15 Julai hingga 15 Oktober tahun ini. Yang keduanya, lawatan ke rumah dan siasatan akan dijalankan kepada penerima bantuan yang layak dan senarai nama akan dihantar kepada pihak YKN. Bukankah kita sudah ada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan tanggungjawab ini? Kenapa ada keperluan untuk YKN melantik sukarelawan. Yang ketiganya sebagai sukarelawan YKN, saya boleh menuntut bayaran elauan berdasarkan tuntutan perjalanan pada kadar maksimum RM1,000 sebulan dan ini adalah bagi maksud pelaksanaan program Selami Kasih.

Jadi saya hendak bertanya dengan izin ya, *did you just put Srikandi Bersatu members on the payroll of the National Welfare Foundation*, Yang Berhormat Menteri? Saya difahamkan bukan sahaja satu sukarelawan untuk satu kawasan Parlimen, ada kawasan Parlimen yang sampai ada 30 orang. Jadi, saya hendak mendapatkan pengesahan. Betulkah sukarelawan ini dilantik? Ini bercanggah dengan tanggungjawab

dan tugasan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya mohon penjelasan, jika ini tidak benar, saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan supaya semua Ahli Parlimen tahu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Yang Berhormat Sik. Silakan.

### 13.23 tgh.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 031700 - Program Khidmat Bantuan di Rumah atau *Home Help Service* telah mendapat perhatian kerajaan pada Belanjawan 2021. Walau bagaimanapun, dilihat program ini hanya menekankan kepada penjagaan warga emas dan OKU.

Bagaimakah program ini boleh turut dimanfaatkan kepada penjagaan kanak-kanak yang kini sering terabai oleh ibu bapa yang bekerja? Apakah usaha kementerian untuk menarik lebih ramai sukarelawan berdaftar sebagai sukarelawan program *Home Help*? Pada ketika ini berapakah jumlah sukarelawan yang telah berdaftar dalam program ini?

Seterusnya untuk Butiran 031500 - Program Meluaskan Perkhidmatan Pusat Warga Emas (PAWE). Adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan program PAWE ini ke masjid-masjid atau tempat-tempat ibadah yang telah sedia ada di dalam masyarakat? Begitu juga khususnya di Daerah Sik dan juga daerah-daerah lain yang terdapat banyak pondok-pondok pengajian tradisional yang telah ditubuhkan sekian lama dan di situ terdapat warga emas yang telah pun menjadi penghuni di pondok pengajian ini.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan satu khidmat bahawa pondok-pondok ini juga sebagai satu pusat PAWE untuk membantu pusat-pusat yang sedia ada di seluruh negara?

Di Sik ada sebuah PAWE dan ia perlu ditambah lagi di atas jumlah warga emas yang semakin bertambah. Ini termasuk di negeri Kedah sendiri yang jumlahnya 289 ribu lebih dan di Sik sendiri hampir 10 ribu orang.

Seterusnya saya merujuk pada Butiran 020200 - Pembangunan Wanita. Isunya ialah bagaimana kementerian melihat masalah gejala sosial yang meruncing yang melibatkan wanita dan remaja? Sejauh manakah pusat sokongan sosial setempat dapat membantu mengurangkan masalah sosial yang telah pun meningkatnya kes-kes jenayah termasuk kes-kes pembuangan bayi, anak luar nikah, anak tidak sah taraf dan sebagainya?

Seterusnya Butiran 010100 iaitu Khidmat Pengurusan. Sepanjang pelaksanaan PKP kakitangan JKM juga terlibat secara langsung sebagai *frontliners* dengan izin

khususnya dalam menguruskan bantuan. Apakah persediaan JKM terhadap *frontliners* ini kerana wabak yang berterusan, khususnya dalam pengurusan bencana ditambah lagi bencana banjir dan mungkin bencana-bencana lain yang perlu diurus oleh sukarelawan ataupun *staff* JKM ini?

Seterusnya Butiran 020200 - Pembangunan Wanita dan juga ada kelangsungan juga dalam Butiran 020400 - LPPKN. Dalam Belanjawan 2021 telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk saringan kanser payudara dan kanser serviks. Adakah pihak kementerian berpandangan belanjawan yang diperuntukkan ini perlu ditambah ataupun dinilai untuk diperluaskan lagi? Keperluan untuk saringan penyakit yang sangat berbahaya ini yang semakin meninggi dalam masyarakat khususnya di kalangan wanita perlu dilihat kembali.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 030400 - Program Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komoditi (PDK). Saya mohon untuk dilihat juga pusat-pusat PDK di seluruh negara termasuk - khusus di Daerah Sik untuk ditambah lagi jumlahnya kerana peningkatan dan jumlah warga OKU yang memerlukan pemerhatian khususnya dalam pendidikan awal kepada mereka.

Yang terakhir, Butiran 031400 - Membanteras Pemerdagangan Orang. Saya ingin bertanya tentang berapa jumlah individu yang berada di pusat perlindungan, mangsa pemerdagangan yang diurus oleh JKM yang pusatnya yang dimaklumkan di Melaka. Adakah pusat ini akan ditambah lagi di tempat-tempat lain atas keperluan penambahan mangsa-mangsa pemerdagangan orang, khususnya di kalangan wanita dan kanak-kanak? Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Dijemput Yang Berhormat Merbok.

### **1.28 tgh.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 04000 - *One-off*. Saya merujuk kepada ucapan peringkat dasar oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang memaklumkan berkaitan dengan projek rintis *Alternative to Detention* (ATD) yang difahamkan oleh beliau masih belum menerima jawapan secara bertulis daripada Yang Berhormat Menteri. Terkini dalam depot melibatkan terdapat 756 tahanan kanak-kanak termasuk 405 kanak-kanak tanpa penjaga yang kini berada di dalam tahanan yang terdedah kepada risiko kesihatan,kemurungan, tekanan pasca, trauma dan kebarangkalian membunuh diri.

Jadi ini secara tidak langsung melanggar Akta Kanak-kanak 2001 yang seharusnya kita melindungi kanak-kanak. Persoalan saya adalah sehingga manakah gerak projek ATD sehingga kini? Apakah punca utama projek rintis yang ingin

dimulakan dengan hanya lima kanak-kanak ini gagal dijalankan pada bulan April yang lalu.

Seterusnya saya ingin kepada butiran kecil 010500 - Kolaborasi Strategik. Terdapat peningkatan dalam butiran kolaborasi strategik ini.

**■1330**

Jadi, ingin saya sentuh isu kewarganegaraan anak bagi wanita yang berkahwin dengan orang bukan warganegara. Menafikan hak kewarganegaraan anak kepada wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing ini adalah satu bentuk diskriminasi yang sangat jelas. Jadi, kami meminta kementerian sebagai entiti yang bertanggungjawab terhadap golongan sasar ini khususnya wanita dan kanak-kanak, benar-benar bekerjasama dengan KDN dan agensi-agensi berkaitan untuk meminda dasar yang dilihat tidak adil ini.

Seterusnya, saya pergi kepada butiran kecil iaitu Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Saya ingin menyentuh berkenaan keganasan rumah tangga. Sejumlah RM21 juta telah diperuntukkan untuk pengendalian Pusat Keganasan Rumah Tangga dalam Belanjawan 2021. Bagi kes keganasan rumah tangga yang semakin meningkat ini, kementerian perlu campur tangan secara komprehensif termasuk bagi penyediaan rumah perlindungan, perlindungan undang-undang, sesi kaunseling dan penyediaan talian khas (*hotline*).

Saya juga merujuk kepada maklum balas daripada Women's Aid Organisation (WAO). Kita memang amat terbatas daripada segi ruang perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga bahkan ia 10 kali ganda jika dibandingkan dengan negara lain. Penyediaan kediaman sementara berkos rendah juga buat mangsa perlu dilihat setelah mereka meninggalkan rumah perlindungan dan juga penjagaan kanak-kanak bagi kesejahteraan dan kestabilan mangsa untuk jangka masa panjang.

Jadi, peruntukan sebanyak RM21 juta ini juga harus melalui semak imbang kerana ia adalah jumlah yang besar. Ia perlu dipantau dan dinilai agar benar-benar sampai kepada sasaran secara maksimum. Jadi, adakah Jawatankuasa Keganasan Rumah Tangga bakal turut terlibat dengan proses semak imbang ini?

Seterusnya, saya juga merujuk kepada...

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Merbok izin laluan. Tangga Batu.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Sikit ya, okey.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Berkenaan dengan rumah untuk perlindungan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini saya pun menghadapi masalah di kawasan. Saya cadangkan supaya – kadang-kadang ada rumah-rumah pangsa ataupun kediaman contohnya hospital ataupun klinik kesihatan saya tengok ada

juga rumah-rumah yang kosong. Jadi, saya minta mungkin boleh minta dua, tiga buah rumah untuk kes-kes begini. Terima kasih.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Boleh masukkan dalam ucapan saya. Seterusnya, saya pergi kepada butiran kecil Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Peruntukan dilihat menurun daripada sejumlah RM417, 946,700 pada tahun 2020 kepada RM396,998,600 pada tahun 2021.

Berhubung dengan beban yang terlalu besar, penting sebenarnya bagi kementerian memastikan sumber dan tenaga kerja yang terlatih mencukupi. Ini kerana, nisbah kakitangan pekerja sosial di Malaysia kini amat rendah iaitu 1:9000 kes berbanding dengan Singapura yang hanya 1:3000 dan Australia 1:1000. Ini bermakna kita jauh sangat terbeban.

Oleh yang demikian apakah perancangan kerajaan secara serius dalam memperkasa status pekerja sosial di negara ini melalui Akta Profesional Kerja Sosial.

Seterusnya, juga saya ingin menyentuh Butiran 030200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya pohon kementerian memperincikan dalam program apakah mereka terlibat? Berapa lama kah ikatan kontrak tersebut dan berapa ramai yang terlibat serta kadar bayaran mereka?

Seterusnya Butiran 031700 – Home Health. Kita perhatikan bajet butiran ini menurun walhal dalam musim pandemik ini lebih ramai warga emas dan OKU memerlukan perkhidmatan Home Health.

Akhir sekali, Butiran 03100 – Naik Taraf Bangunan KPWKM di Lot 4G 11, Putrajaya. Ini saya jangkakan merupakan projek baharu kerana tidak pernah dijajarkan dalam peruntukan tahun 2019 dan juga tahun 2020. Persoalannya bagaimanakah kementerian dalam memahami Fiqh Al-Aulawiyat iaitu keutamaan kepada rakyat sekiranya sejumlah lebih RM63 juta ini sangat besar untuk menaik taraf bangunan kementerian sedangkan jumlah ini berpuluhan kali ganda besarnya berbanding Butiran 00800 bagi maksud Pembangunan Pejabat Kebajikan Negeri dan Daerah yang lebih dan layaknya memerlukan hanyalah cuma sebanyak lebih RM10 juta.

Jadi, saya pohon penjelasan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Dijemput Yang Berhormat Setiu.

### 1.34 tgh.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat]. Tuan Pengerusi saya menyentuh Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik.

Merujuk kepada butiran ini saya memohon agar pihak kementerian mengkaji semula Akta Pekerjaan dengan membuat kajian terhadap beberapa perkara. Pertama

berkenaan mewajibkan semua sektor swasta memberikan cuti bersalin kepada bapa sekurang-kurangnya tujuh hari. Hal ini kerana cuti bersalin untuk bapa adalah selama tujuh hari hanya diberikan kepada kakitangan kerajaan. Manakala bagi kakitangan swasta hanya bergantung kepada majikan masing-masing atau dipanggil cuti ihsan.

Tuan Pengerusi, menurut laporan akhbar antarabangsa di negara seperti Norway, Sweden, Iceland dan Finland cuti bersalin bagi kaum bapa bukanlah satu isu yang baharu. Malah, sesetengah negara memberi kelonggaran sehingga 30 hari dengan pilihan gaji yang fleksibel.

Selain itu, ini berkenaan waktu kerja fleksibel bagi melindungi hak pekerja wanita terutamanya. Hanya sejumlah 48 peratus syarikat Malaysia menawarkan pilihan jam fleksibel, 34 peratus menawarkan pilihan untuk pergi lebih awal daripada tempat kerja dan hanya 16 peratus yang menawarkan pekerjaan daripada pilihan rumah. Sedangkan di Eropah dua jam diperuntukkan bagi pekerja bebas membuat kerja peribadi.

Seterusnya Butiran 030800 – Sosio Ekonomi Keluarga Miskin. Tuan Pengerusi, merujuk kepada butiran ini, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) masalah mental bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan berpendapatan rendah semakin serius yang mana hampir satu per tiga ketua isi rumah (KIR) wanita memaklumkan sesetengah ahli keluarga mereka mengalami perubahan tingkah laku negatif termasuk ketegangan hubungan, simptom kemurungan dan penyalahgunaan bahan yang semakin meningkat.

Selain itu, menurut pakar nutrisi lanjutan PKP dilaksanakan turut menyebabkan kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah berdepan dengan masalah kekurangan nutrisi. Hal ini kerana, kanak-kanak tersebut terlepas menu penting dan seimbang yang diperoleh daripada tadika dan sekolah mereka. Malah, sebahagian ibu bapa mungkin tidak dapat membeli makanan kalau mereka tidak dapat bekerja atau kerana faktor kewangan.

Oleh itu, saya mohon perhatian pihak kementerian berkenaan dua isu besar yang berkaitan dengan kanak-kanak daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah ini. Perkara terakhir berkenaan butiran ini adalah berkait dengan sejauh manakah pihak kementerian mengambil inisiatif untuk membebaskan penerima bantuan JKM daripada belenggu kemiskinan, bagi melahirkan golongan berdikari dan berapakah yang telah berjaya dibebaskan daripada terus menjadi penerima bantuan JKM ini.

Butiran yang seterusnya Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Merujuk kepada butiran ini kes keganasan rumah tangga meningkat secara signifikan terutama sepanjang PKP dilaksanakan. Oleh itu, langkah kerajaan dengan menyediakan talian *hotline* Talian Kasih yang beroperasi 24 jam sehari amatlah bertepatan. Hasilnya, peningkatan panggilan yang diterima sehingga empat kali ganda daripada tempoh

sebelum PKP adalah bukti perkhidmatan ini amat diperlukan dalam menangani masalah tersebut.

Namun begitu, persoalan saya sejauh manakah pegawai yang berkhidmat untuk menerima panggilan tersebut diberi latihan dan adakah mereka turut diberi latihan untuk menggunakan pelbagai bahasa. Selain itu, adakah pihak kerajaan ada bercadang untuk membuat penilaian terhadap perkhidmatan talian kasih termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh NGO bagi yang mengesahkan kelemahan daripada perkhidmatan tersebut.

Berkenaan masalah keganasan rumah tangga, berdasarkan kajian sebanyak 92.4 peratus, wanita yang mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Primer di sekitar Selangor melaporkan bahawa mereka tidak pernah ditanya oleh doktor berkenaan keganasan yang menimpa mereka.

Perkara ini menunjukkan tiada satu mekanisme khusus kepada pengamal perubatan untuk membantu mereka di peringkat Pusat Perubatan Primer. Berdasarkan laporan tersebut profesional penjagaan kesihatan hanya merawat kecederaan dan penyakit dan tidak memberikan bantuan untuk keganasan rumah tangga.

Oleh itu, saya mencadangkan agar diwujudkan satu mekanisme khusus kepada pihak pengamal perubatan berkenaan. Cara untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan terutama melibatkan kes keganasan rumah tangga.

#### ■1340

Perkara terakhir berkenaan butiran ini adalah berkenaan Program Pembangunan Kemahiran Bagi Wanita. Saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan program yang dibangunkan, terutama berkenaan kemahiran TVET. Program-program ini boleh dilaksanakan pada waktu malam, bukan hanya disediakan kepada wanita yang tidak bekerja sahaja, malah mereka yang bekerja juga boleh menyertai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Seterusnya, Yang Berhormat Hulu Langat.

#### 1.40 ptg.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Anggaran untuk tahun 2021 hanya sebanyak RM2,860,000 lebih, berbanding sebelum ini berjumlah RM5,313,000. Mengapakah ia berkurangan? Bukankah perkhidmatan dan bekalan ini penting untuk kementerian?

Berkaitan dengan perkhidmatan dan bekalan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Di sesetengah Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah dan negeri, tidak semestinya di Hulu Langat, ada staf di bawah gred S41 yang tidak boleh membuat tuntutan lebih masa, *overtime*, dengan izin, ataupun elauan *mileage* mereka

sejak selepas pertengahan November hingga Disember setiap tahun. Sedangkan mereka masih perlu melakukan siasatan bantuan kebajikan atau menyelia pusat pemindahan banjir dengan kenderaan sendiri apabila kenderaan jabatan tidak cukup disebabkan bilangan terhad.

Kita memang maklum mengenai Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling yang berkaitan. Akan tetapi, apakah penyelesaiannya? Penjawat awam tetap perlu menjalankan tugas, khususnya di hujung-hujung tahun seperti ini. Sesungguhnya kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bukan sahaja orang kurang upaya, warga emas tetapi termasuk juga NGO, pertubuhan bukan kerajaan serta mangsa bencana alam. NGO besar bertaraf nasional dan bercawangan turut menggaji pekerja. Manakala mangsa bencana terdiri daripada pelbagai latar belakang ekonomi dan sosial yang tidak terkecuali terkesan akibat wabak COVID-19 ini.

Rakyat hendak tahu peranan kolaborasi strategik. Sebaliknya, Butiran 010500 - Kolaborasi Strategik bertambah daripada RM1,527,000 kepada RM2,303,000. Boleh tak Yang Berhormat Menteri huraikan lebih lanjut istilah ‘kolaborasi strategik’ ini? Maklumat dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 hanya menyatakan mengenai keselarasan aktiviti berkaitan dengan aspirasi kementerian secara sistematik. Rakyat ingin tahu mengapa sejumlah RM2 juta diperlukan untuk memastikan kerja di kementerian menjadi lebih sistematik?

Kalau disemak, kementerian sudah ada Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik serta Butiran 010400 – Hubungan Antarabangsa. Sudah ada di situ. Adakah kolaborasi strategik ini bertindih? Nilai RM2 juta tersebut mungkin boleh menampung pengurusan belanjawan kali ini terhadap peruntukan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang dikurangkan. Anak-anak OKU yang ada antara ibu bapa mereka dibuang kerja. Atau RM2 juta ini boleh digunakan untuk menaik taraf kuarters institusi kebajikan yang berada dalam keadaan yang usang iaitu Butiran 00705 – Kuarters Institusi Kebajikan, hanya RM5 juta diperuntukkan berbanding semasa Pakatan Harapan perintah dahulu, RM8 juta. Kurang RM3 juta.

COVID-19 dan rumah kanak-kanak apabila sekolah terpaksa ditutup akibat wabak COVID-19, bukan semua pelajar mempunyai kemudahan *internet* serta *gadget* seperti anak-anak di institusi JKM. Peruntukan tambahan untuk kemudahan teknologi maklumat seharusnya diberikan kepada rumah kanak-kanak dan STB agar mereka boleh belajar dengan lebih selesa.

Begitu juga kekosongan pembantu hal ehwal Islam di rumah kanak-kanak dan institusi JKM yang sepatutnya telah dinaik taraf kepada penolong pegawai hal ehwal Islam. Ini disebabkan pertambahan kanak-kanak Islam yang bermasalah dalam institusi memerlukan pegawai yang memiliki kelulusan taraf pendidikan yang lebih tinggi.

Pertindihan fungsi Jabatan Pembangunan Wanita. Rakyat Malaysia bersyukur serta tidak menafikan jasa dan peranan seluruh 265 orang warga kerja Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) ke arah kesaksamaan gender sama seperti negara-negara maju lain, selaras dengan kehendak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Di bawah Butiran 020200 – Pembangunan Wanita, sejumlah RM20 juta lebih diperuntukkan untuk JPW. Cuma saya lihat apabila ada ibu tunggal dan yang dibuang kerja, mereka akan meminta bantuan kewangan JKM. Wanita yang anaknya didera, mereka akan ke JKM dan juga kanak-kanak, semua pergi ke JKM. Wanita OKU pula ke JKM kerana berkaitan dengan Akta Orang Kurang Upaya 2018. Manakala Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 berada di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi, wanita bermasalah semuanya yang ke JPW, semuanya akan disuruh ke pejabat JKM. Jadi, saya lihat bebanan kepada JKM begitu tinggi sekali.

Dahulu ketika JPW diwujudkan, ekonomi negara sedang berada di kemuncaknya. Akan tetapi sekarang ini sepatutnya peruntukan itu dialihkan kepada mereka yang sepatutnya. Pegawai-pegawai PTD di JPW daripada pelbagai bidang sepatutnya dimanfaatkan di kementerian-kementerian yang bersesuaian dengan kelulusan mereka. Tidak dilonggokkan di situ.

Akhir sekali, saya ingin menyebutkan tentang pasukan kaunselor yang telah bebanan kerjanya semakin meningkat tetapi bilangan mereka tidak ditambah. Saya bimbang kaunselor-kaunselor yang kita tugaskan itu lebih tertekan daripada *counselee* yang mereka sedang kendalikan kerana beban kerja yang terlalu berat yang ada pada mereka.

Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengurus:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya jemput Yang Berhormat Jerantut.

#### 1.46 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengurus, beri saya turut sama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa.

Pertamanya, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun meningkatkan beberapa jenis bantuan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di mana kalau kita melihat bantuan untuk OKU— saya pergi kepada Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat, Tuan Pengurus. Bantuan untuk OKU telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 dan OKU pesakit kronik terlantar pula dinaikkan daripada RM350 kepada RM500. Akan tetapi, dalam masa yang sama, saya melihat peruntukan untuk kepala ini telah pun mengalami penurunan sebanyak RM38 juta. Jadi, saya ingin bertanya, mengapakah peruntukan untuk butiran ini dikurangkan sedangkan kita

melihat masih lagi kebajikan rakyat yang perlu dicakna oleh kerajaan? Jadi, saya minta jawapan, Tuan Pengerusi.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada kerajaan, kementerian mengenai isu pembuangan bayi yang kita lihat semakin meningkat daripada sehari ke sehari. Jadi, sejauh manakah pelaksanaan pusat perlindungan bayi ini telah menyelamatkan bayi-bayi yang telah dibuang oleh ibu bapa yang mungkin tak sah taraf nikah mereka? Di manakah pula bayi-bayi ini ditempatkan setelah mereka berakhir di pusat-pusat perlindungan bayi ini? Adakah ditempatkan di pusat-pusat kebajikan ataupun keluarga angkat yang mengambil mereka? Jadi, saya minta agar kementerian memberikan statistik yang terkini.

Mengenai Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Kita dimaklumkan jumlah kanak-kanak di negara kita hampir 10 juta. Isu yang utama melibatkan kanak-kanak ini akhir-akhir ini ialah penderaan kanak-kanak yang bukan lagi menjadi perkara asing di Malaysia. Ia satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat, bermaruah dan di samping itu menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka.

Jadi, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Februari 2020, mendapati kes penderaan ini banyak dilakukan oleh keluarga yang terdekat dengan kanak-kanak. Jadi, apakah peranan kementerian dalam mengekang penularan kes-kes yang sebegini? Misalnya, kes yang mencatatkan penderaan di kalangan golongan bapa mencatatkan 158 kes atau 32 peratus, pihak pengasuh taska atau penjaga pusat jagaan 29 kes, manakala kes melibatkan ibu tiri hanya tiga peratus atau 15 kes. Maknanya, kalau kita lihat macam saya katakan tadi, memang penderaan kanak-kanak lebih melibatkan keluarga terdekat. Saya minta kementerian memberikan statistik yang terkini mengenai kes penderaan kanak-kanak sama ada daripada segi fizikal, seksual mahupun emosi.

#### ■1350

Saya juga ingin tahu, adakah kementerian ini menjalinkan kolaborasi ataupun kerjasama dengan NGO di luar sana ataupun badan-badan kerajaan yang lain. Misalnya seperti JAKIM dan sebagainya agar peningkatan kes-kes penderaan kanak-kanak ini dapat kita tingkatkan. Walaupun kita tahu ada Akta Perlindungan Kanak-kanak 2001 dan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, ini seolah-olah tidak cukup kerana peningkatan kes makin meningkat.

Jadi, apakah kerajaan bersedia untuk mungkin membuat pindaan lagi terhadap akta-akta yang telah sedia ada ini? Apakah kerajaan bersedia untuk menambah pegawai-pegawai yang terlibat dengan penyelesaian kes kanak-kanak? Misalnya kalau mengikut standard antarabangsa, satu nisbah 25 ke 30 orang. Jadi negara kita ini,

berapa kes yang terkini melibatkan pegawai-pegawai yang terlibat dengan perlindungan kanak-kanak.

Kalau ikutnya, saya hendak tanya juga kepada kerajaan, sejauh manakah kerajaan serius dalam membantu ibu bapa yang bekerja sama ada di sektor kerajaan, agensi kerajaan mahupun swasta dalam memastikan setiap badan kerajaan, jabatan kerajaan, agensi ataupun syarikat-syarikat swasta ini mempunyai taska mereka bagi membantu para ibu bapa dan sekali gus dapat menangani kes-kes penderaan bayi yang berkembang sekarang ini.

Yang terakhir Tuan Pengerusi ialah Butiran 031500 - Pusat Aktiviti Warga Emas. Kita tahu sekarang ini warga tua berdasarkan data Jabatan Perangkaan pada tahun 2019, kira-kira ada tujuh peratus daripada warganegara kita yang berumur 65 tahun ke atas dan dijangka meningkat pada tahun 2045 kepada 14 peratus. Apakah persiapan yang dibuat oleh kerajaan dalam menangani bertambahnya peningkatan bilangan warga tua di negara kita ini.

Jadi, di situ sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Dipersilakan Yang Berhormat Batu Kawan.

### **1.52 tgh.**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, dalam Belanjawan 2021 yang dibaca oleh Menteri Kewangan, perkataan wanita disebut sebanyak sembilan kali. Antaranya adalah untuk penubuhan pusat sokongan sosial setempat dengan peruntukan sebanyak RM21 juta. Namun butiran mahupun nama tersebut saya tidak nampak dalam belanjawan ini. Saya menuntut agar Yang Berhormat Menteri memberi jawapan di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan di mana peruntukan tersebut diletakkan dan nyatakan lokasi-lokasi di mana pusat sokongan ini akan ditubuhkan dan bila ianya akan beroperasi.

Tuan Pengerusi, dalam nafas yang sama, saya ingin juga membangkitkan mengenai jaminan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cadangan untuk menaikkan kadar bantuan JKM kepada RM1,000 sebulan berbanding dengan RM200 hingga RM300 yang akan dilaksanakan dengan segera. Kenyataan ini dibuat pada 3 Disember. Walaupun saya sokong dengan kenyataan ini dan kenaikan ini tetapi dengan izin *the devil is in the details*.

Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat menunjukkan penurunan daripada RM417.9 juta sehingga RM396.9 juta. Jadi saya berasa pelik kerana walaupun Butiran 03110 – Bantuan Am menunjukkan kenaikan hanya lebih kurang RM3.5 juta. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengumumkan RM1.53 bilion akan diberikan kepada 500 ribu orang penerima pada 26

Julai. Maka saya ingin tahu, di manakah peruntukan kenaikan RM1,000 yang kami semua sokong ini diletakkan dalam Belanjawan 2021.

Tuan Pengerusi, Butiran 010000 – Pengurusan. Kepalanya di bawah Butiran 010600 – Pengurusan Maklumat. Saya nampak penurunan RM5.47 juta sehingga RM4.75 juta. Adakah penurunan ini dicerminkan dalam jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri KPWK pada 17 November di Dewan yang mulia ini? Jawapan Yang Berhormat Menteri dalam data panggilan Talian Kasih jelas bercanggah. Sebanyak 159,703 kes panggilan telah dibuat ke Talian Kasih dari Januari hingga 14 November tahun ini.

Namun, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan kiraan hanya untuk 79 ribu panggilan sahaja. Di mana baki 79,786 panggilan lagi? Sudah tiga minggu, namun tiada apa-apa kenyataan daripada pihak kementerian untuk membetulkan kesalahan dan kesilapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya minta untuk Yang Berhormat Menteri memberikan satu jawapan justifikasi apa yang berlaku ataupun status 78 ribu panggilan yang diterima sama ada ia adalah panggilan keganasan rumah tangga, jenayah seksual kanak-kanak, soalan mengenai bantuan-bantuan dan sebagainya. Saya mohon dalam Dewan ini agar Yang Berhormat Timbalan Menteri mohon maaf dan betulkan fakta yang telah diberikan kerana ianya dengan izin *misleading the House*.

Tuan Pengerusi, Butiran 03100 – Naik Taraf Bangunan KPWK di Lot 4G11 Putrajaya. Daripada kosong tanpa apa-apa peruntukan dari zaman Pakatan Harapan sehinggalah RM63 juta yang telah diagihkan. Nyatakan apakah kegunaan peruntukan juta-juta ringgit ini kerana jika RM500 agihan diberikan kepada *frontliners*, maka seramai 127,771 orang *frontliner* akan dapat manfaat RM63 juta lebih yang diagihkan untuk *renovation* ini. Saya ingin tahu, nama syarikat yang terlibat dengan pengubahsuaian ini dan di manakah ianya berlaku?

Saya ingin bangkitkan Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kadar bayaran bulanan diterima oleh penyelia dan petugas di bawah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang akan dinaikkan daripada RM800 hingga RM1,200, daripada RM1,200 kepada RM1,500 dan dijangkakan lebih 3,500 orang petugas yang akan menikmati kenaikan ini.

Saya menyokong dengan kenaikan ini tetapi saya juga dimaklumkan bahawa pemberian kenaikan ini hanya akan berlaku pada bulan April. Saya ingin tahu dari bulan Januari hingga Mac, mengapa kementerian tidak menuntut atau memperjuangkan hak-hak pekerja-pekerja ini, pegawai-pegawai ini untuk diberikan pembayaran dari bulan Januari.

Jika gaji, elauan dan upah Yang Berhormat Menteri terima bulan demi bulan tiada apa-apa isu dan dibayar mengikut masanya, maka saya rasa prinsip yang sama harus diberikan juga kepada pegawai-pegawai dalam PDK ini dan dibayar pada bulan Januari terus. *[Tepuk]*

Sedikit lagi Tuan Pengerusi, Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas. Saya ingin tahu dengan kenaikan peruntukan ini, berapa permohonan baru dan apakah status permohonan PAWE yang pejabat saya hantar pada JKMPP pada bulan Ogos tahun ini. Saya ingin tahu juga, berapa setakat ini PAWE-PAWE yang telah berdaftar di Malaysia?

Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya nampak penurunan dalam belanjawan untuk butiran ini. Tuan Pengerusi, saya ingin ingatkan kementerian ini, walaupun dikurangkan peruntukan namun dasar dan polisi untuk kebajikan, keselamatan dan keadilan bagi wanita dan kanak-kanak harus diketengahkan. Maka saya ingin tahu apakah status Rang Undang-undang Akta Gangguan Seksual yang sepatutnya dibentangkan dalam sidang yang lepas. Saya tidak tahu sama ada ianya akan naik atau tidak dalam sidang ini dan saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin bertanya, apakah peranan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam isu penganugerahan kewarganegaraan kepada kanak-kanak kelahiran ibu-ibu warganegara Malaysia yang dilahirkan di luar negara. Diskriminasi gender ini di mana warganegara berstatus ayah diberikan secara automatik tetapi ibu-ibu warganegara Malaysia yang melahirkan anak di luar negara tidak diberikan secara automatik.

Mungkin Yang Berhormat Menteri akan kata ini adalah *jurisdiction* di bawah KDN tetapi isu gender adalah terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini adalah soal hak kanak-kanak untuk diberikan warganegara Malaysia. Ini adalah ibu-ibu warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang mahu melihat anak mereka menjadi anak bangsa Malaysia. Kenapa dinafikan? Jadi saya harap kementerian akan mengambil inisiatif untuk bersama-sama dengan KDN untuk menjadi *mediator* untuk membantu ibu-ibu ini.

Tuan Pengerusi, walaupun menjadi kerajaan yang bukan pilihan rakyat, namun kini Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri harus memperjuangkan hak wanita termasuklah wanita Orang Asli, kanak-kanak, warga emas, OKU, golongan yang diperdagangkan yang tiada suara minoriti dan golongan yang terpinggir. Mereka semua menaruh harapan kepada kementerian dan kami juga membawa harapan rakyat, suara rakyat untuk kedua-dua wanita pemimpin ini dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menuntut keadilan bagi kementerian mereka sendiri dan untuk semua lapisan masyarakat terutama sekali di kala pandemik ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, akhir sekali saya jemput Yang Berhormat Kota Samarahan.

■1400

**2.00 ptg.**

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Berdasarkan statistik 2018, terdapat seramai 20,573 pelatih menjalani program pemulihan di PDK sama ada mengikutinya secara *center-based learning*, *home-based learning* ataupun *home center-based learning*. Daripada jumlah itu, Sarawak mempunyai pelatih PDK paling ramai iaitu 2,779 pelatih di 54 pusat pemulihan di serata Negeri Sarawak. Walaupun peruntukan tahun hadapan dilihat mengecil sedikit berbanding tahun ini namun terdapat beberapa perkara yang boleh dilihat sebagai sesuatu yang positif. Antaranya peningkatan kadar elaun untuk petugas dan juga penyelia yang baru-baru diumumkan.

Namun begitu, saya mohon agar kementerian melihat agar silibus latihan di PDK ini dipelbagaikan serta ditambah baik dari semasa ke semasa kerana kita mahu pelatih-pelatih yang menjalani program pemulihan ini bukan sahaja diberi peluang untuk bersama dengan masyarakat malahan program pemulihan ini boleh dijadikan platform bagi mencungkil bakat-bakat yang ada pada mereka.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya merujuk bersekali Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin dan Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya dan Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas. Saya melihat program sosioekonomi ini mendapat peningkatan ketara. Peningkatan sekitar RM10 juta sehingga RM150 juta berbanding yang diperuntukkan untuk tahun-tahun sebelum ini. Gabungan ketiga-tiga peruntukan berkenaan adalah sebanyak RM1.746 bilion yang merupakan satu perbelanjaan yang agak besar. Terima kasih kepada kerajaan kerana telah menunjukkan keprihatinan membantu masyarakat yang susah.

Oleh itu saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri mengenai pengumuman baharu ini iaitu berkenaan peningkatan elaun untuk empat kategori penerima bantuan bulanan JKM yang dinaikkan seperti OKU tidak berupaya bekerja yang dinaikkan RM250 kepada RM300, kadar bantuan warga emas dan bantuan penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500. Dengan peningkatan ini, adakah bilangan penerima dikekalkan atau dikurangkan dan berapakah anggaran penerima bagi tahun hadapan berbanding pada tahun ini?

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri dengan merujuk butiran yang sama, apakah langkah terkini dari pihak kementerian bagi memastikan bahawa tiada sesiapa yang tertinggal? Kita sedia maklum bahawa golongan susah sebegini sukar dikenal pasti kerana pertama, tidak akan tampil sendiri ke pejabat bagi memohon bantuan dan yang kedua, maklumat daripada penduduk setempat baru golongan sebegini dapat dihubungi serta disalurkan bantuan.

Oleh itu saya mohon agar pihak kementerian menyediakan kaedah yang lebih komprehensif seperti menggalakkan orang ramai untuk berkongsi permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat sekeliling sama ada secara aduan, secara talian ataupun seumpamanya. Hal ini bagi memastikan kita dapat mengesan lebih ramai golongan yang memerlukan secara langsung bukannya menunggu berdasarkan tular ataupun *viral* di media sosial.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 032000 – Anjung Singgah. Peruntukan Anjung Singgah pada tahun hadapan dilihat mengecil berbanding tahun ini iaitu RM4.5 juta kepada RM3.59 juta. Berhubung perkara ini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah penurunan peruntukan ini juga merupakan indikator bahawa bilangan gelandangan juga turut menurun? Jika benar, bilangan gelandangan semakin menurun saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri, kemungkinan pihak kementerian telah menyediakan program lain yang khusus bagi mengurangkan kadar gelandangan ini.

Merujuk kepada butiran yang sama juga, saya mohon agar pihak kementerian untuk menyediakan Anjung Singgah di kawasan berhampiran pusat-pusat perubatan seperti di Institut Jantung Negara (IJN) di Kota Samarahan, hospital dan lain-lain pusat perubatan bagi membolehkan mereka yang tidak berkemampuan, yang terpaksa menemankan pesakit yang menjalani latihan dapat tempat rehat yang lebih selesa dan selamat.

Akhir sekali, butiran akhir sekali Butiran 031700 – *Home Help*. Program ini melibatkan sukarelawan yang dikenali sebagai petugas *Home Help*, akan menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan sosial kepada warga emas ataupun OKU pada setiap minggu. Walaupun program ini nampak mudah namun ia amat bermakna serta amat diperlukan oleh golongan yang tidak berkeupayaan.

Misalannya pasangan warga emas yang tinggal sebatang kara, OKU yang hidup bersendirian dan seumpamanya. Pandemik COVID-19 yang melanda ini menjadi hikmah apabila lebih ramai sukarelawan mula tampil menghulurkan bantuan tanpa perlu diminta ataupun disuruh. Oleh itu, saya mohon maklum balas Yang Berhormat Menteri, apakah langkah terkini daripada pihak kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan sukarelawan dalam membantu golongan OKU dan warga emas ini

khususnya menerusi program *Home Help* ini. Mohon penjelasan selanjutnya daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, minta Padang Serai, satu lagi Padang Serai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kulai pun minta, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Padang Serai belum pernah bercakap lagi. Saya jemput Yang Berhormat Padang Serai, tiga minit. Akhir ya.

## 2.06 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kebajikan masyarakat patut menjadi prioriti kerajaan semasa krisis COVID-19 ini, mungkin Sungai Seluang di kawasan saya sendiri menghadapi PKPD di mana kehidupan golongan susah boleh diibaratkan *sudah jatuh ditimpa tangga*.

Saya merujuk Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin, Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya dan Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas secara bersama. Jumlah ketiga-tiga butiran ini lebih daripada RM1.7 bilion iaitu hampir 70 peratus bajet KPWKM.

Saya menyambut baik pengumuman Menteri Kewangan bahawa bantuan untuk golongan rentan seperti golongan warga emas, pesakit kronik dan Orang Kurang Upaya akan dinaikkan. Ini susulan pengumuman Perdana Menteri pada 30 Ogos bahawa bantuan JKM dinaikkan ke RM1,000 minta maaf.

Kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja naik 20 peratus iaitu RM250 ke RM300. Kadar bantuan orang tua naik 43 peratus iaitu RM350 ke RM500, bantuan penjagaan OKU dan pesakit kronik terlantar naik 43 peratus iaitu RM350 ke RM500, elauan pekerja cacat naik 12.5 peratus iaitu RM400 ke RM450, kadar bantuan kanak-kanak maksimum sekurang-kurangnya naik 122 peratus iaitu RM450 ke RM1,000.

Secara umumnya, saya boleh simpulkan kadar bantuan JKM diumumkan naik antara 20 peratus ke 100 peratus. Kementerian Kewangan menyatakan dalam ucapannya bahawa kenaikan kadar ini melibatkan peruntukan RM2.2 bilion tetapi saya keliru di manakah dalam Bajet 2021 peruntukan untuk bantuan tambahan direkodkan.

Jika kita bandingkan jumlah ketiga-tiga Butiran 030800, Butiran 030900 dan Butiran 031000 tahun ini dengan jumlah tahun lepas berbeza lebih kurang RM200 juta sahaja iaitu pertambahan 13 peratus sahaja. Adakah peruntukan ini cukup untuk membiayai bantuan tambahan yang diumumkan?

Saya telah membaca jawapan lisan Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Kota Melaka berhubung bantuan ini tetapi

saya masih tidak jelas. Isu peruntukan ini lebih mustahak kerana niat kerajaan adalah untuk memulakan bantuan ini secara bulanan tahun hadapan iaitu Januari 2021.

#### ■1410

Jika saya merujuk jawapan lisan kepada Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Kota Melaka, ini bukan soal perkauman sahaja. Ini soal pertanggungjawaban atau, dengan izin, *accountability* jika JKM ialah agensi yang ditugaskan untuk menyelaras dan menyampaikan bantuan ini. Peruntukan ini lebih sesuai diusulkan di bawah Bajet Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bukan bajet kementerian lain.

Kementerian Pembangunan Wanita pula ialah Ahli Kabinet yang memikul tanggungjawab untuk memastikan peruntukan ini dimanfaatkan dengan sebaiknya. Daripada pengalaman saya mendengar rintihan dan maklum balas rakyat di kawasan, cabaran program bantuan JKM bukan hanya soal jumlah atau kuota peruntukan sahaja. Cabaran sebenarnya ialah proses penyampaian bantuan tersebut. Ramai rakyat yang sebenarnya layak menerima bantuan akhirnya tercicir kerana kekurangan kesedaran, kelomongan data atau birokrasi yang berlebihan.

Oleh itu, penting supaya tanggungjawab jelas diletakkan di atas bahu Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menangani masalah proses dan segera. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sebelum—maaf, tiga minit.

#### 2.11 ptg.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya. Tiga minit ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara.

Pertama, Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya. Semasa Belanjawan 2021 dibentangkan dalam Dewan Rakyat ini pada 6 November, bantuan untuk OKU memang akan dinaikkan. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja akan dinaikkan daripada sebanyak RM250 kepada RM300. Kadar elauan pekerja OKU pula dinaikkan daripada sebanyak RM400 kepada RM450 serta bantuan penjagaan OKU daripada RM350 kepada RM500.

Walaupun Belanjawan 2021 ini belum diluluskan, kita belum sampai ke bacaan ketiga, tetapi dalam satu *Facebook post* Yang Amat Berhormat Pagoh pada 2 Disember telah menyatakan bahawa, dengan izin, *I quote*, “*Mengambil kira keadaan ekonomi serta kos sara hidup semasa, saya juga telah mengusulkan agar bantuan bulanan JKM yang pada masa ini berjumlah antara RM200 dan RM300 kepada mereka yang layak akan dinaikkan kepada RM1,000*”.

Yang pastinya golongan OKU juga termasuk dalam kumpulan masyarakat yang akan mendapat faedah daripada kenaikan ini. Saya akan pastikan cadangan ini dapat dilaksanakan segera. Ini yang saya petik daripada *Facebook Yang Amat Berhormat Pagoh* bertarikh 2 Disember.

Saya di sini hendak bertanya, daripada mana kita dapat peruntukan ini untuk menaikkan bantuan kepada OKU ini kepada RM1,000? Ini kerana mengikut *Facebook post* yang sama, *I quote*, “*Menurut rekod JKM, bilangan OKU berdaftar di Malaysia setakat ini adalah berjumlah 581,265 orang*”. Kalau-lah setiap orang bantuan yang mereka akan dapat ini dinaik kepada sebanyak RM1,000, maksudnya kita perlulah sebanyak RM581 juta sebulan. Kalau ini bukan satu *one-off* punya tetapi berlangsung dua bulan, kita perlulah sebanyak RM1.2 bilion untuk dua bulan. Untuk tiga bulan, kita perlu sebanyak RM1.75 bilion sebulan. Walaupun peruntukan untuk KPWKM sepanjang tahun campur peruntukan mengurus dan juga peruntukan pembangunan, ia hanyalah sebanyak RM2.5 bilion.

Jadi, soalan pertama yang saya hendak tanya. Selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bilalah polisi ini akan dilaksanakan dan daripada mana Kementerian Pembangunan Wanita ini akan dapat bajet ini?

Kedua, saya hendak tanya pendirian KPWKM tentang pendirian KDN bahawa untuk golongan wanita warganegara Malaysia mempunyai hak dalam memperolehi kewarganegaraan Malaysia bagi anak mereka yang lahir di luar negara di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Maksudnya, untuk beri kewarganegaraan kepada anak mereka itu bukan secara automatik tetapi adalah melalui permohonan. Jadi, saya hendak tanya pendirian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sama ada akan membantu golongan wanita untuk membangkitkan isu ini di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan mempertahankan hak-hak wanita Malaysia?

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri, saya ingin memberi sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat Batu Kawan mengenai apa yang dibangkitkan oleh beliau tadi mengenai fakta yang mengelirukan mengenai talian kasih itu.

Seingat saya, saya telah menerima penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau tak silap, saya sudah menghantar penjelasan tersebut kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Saya akan *check* di pejabat. Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

## 2.16 ptg.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan

Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dan mengambil berat tentang kebijakan dan kesejahteraan rakyat dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 atau Belanjawan 2021 di peringkat Jawatankuasa ini.

Bagi tahun 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diperuntukkan sebanyak RM2.584 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2.459 bilion adalah di bawah Butiran B.48 iaitu peruntukan mengurus, manakala sebanyak RM125.64 juta adalah di bawah Butiran P.48 iaitu peruntukan pembangunan.

Di samping itu, banyak tadi juga yang telah ditanya tentang kenaikan bantuan elaun kebijakan. Kita ada banyak kenaikan elaun bulanan kepada golongan sasaran di bawah kementerian. Sambil itu, kementerian juga telah diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM791 juta seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021 Peruntukan Khas di bawah Kementerian Kewangan B.11. Peruntukan Belanjawan 2021 adalah untuk manfaat kepada semua kumpulan sasaran kementerian.

Sesungguhnya kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional atas keprihatinan terhadap keperluan kumpulan sasar kementerian yang melihatkan penambahbaikan kadar bantuan. Bukan sahaja kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja daripada sebanyak RM250 kepada RM300 seorang sebulan, kadar bantuan orang tua dinaikkan kepada sebanyak RM350 kepada RM500 sebulan, bantuan penjagaan OKU, pesakit kronik daripada sebanyak RM350 kepada RM500 sebulan, kadar elaun pekerja cacat daripada sebanyak RM400 kepada RM450 sebulan.

Bukan itu sahaja, kanak-kanak juga kita ambil kira, yang mana kanak-kanak daripada keluarga miskin dinaikkan daripada sebanyak RM100 seorang dengan maksimum sebanyak RM450 satu keluarga kepada sebanyak RM150 seorang daripada anak umur tujuh tahun hingga 18 tahun dan sebanyak RM200 seorang untuk seorang kanak-kanak di bawah enam tahun ke bawah dengan maksimum sebanyak RM1,000 sebulan iaitu sebanyak RM12,000 setahun.

Jadi, Tuan Pengerusi, kementerian telah meneliti semua pertanyaan, isu dan cadangan mahupun pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di peringkat Jawatankuasa sebentar tadi. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Kulai.

Izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, isu dan cadangan mahupun pandangan tersebut mengikut Yang Berhormat yang membangkitkannya dan sekiranya kekangan masa, saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Pertama daripada Yang Berhormat Segambut. Banyak yang dibangkitkan dan banyak cadangan yang diberikan. Jadi untuk penambahbaikan, tadi disebutkan tentang video salah laku terhadap kanak-kanak. Kementerian memandang serius terhadap semua golongan sasaran seperti yang saya sebutkan tadi.

Oleh sebab itu, bila permohonan untuk peruntukan belanjawan ini, kita buka kepada semua, tak ada sesiapa yang tertinggal. Begitu juga dalam masa yang sama, walaupun negara menghadapi COVID-19 sesuatu yang tidak terduga, namun kerja hakiki kementerian tetap kita teruskan. Dengan video-video itu, kita adakan juga *YouTube Channel* di pihak kementerian bukan sahaja video yang sedia ada tetapi kita juga telah berbincang dengan pihak Kementerian Komunikasi secara dasarnya untuk menambah lagi video-video ini untuk memberikan kesedaran.

Kita boleh adakan akta dan kita ada banyak undang-undang yang kita laksanakan tetapi kesedaran masyarakat itu juga perlu kita pertingkatkan. Ini kerana itulah yang akan memainkan peranan kepada masyarakat sebagai orang yang terdekat, golongan ahli keluarga dan sebagainya.

#### ■1420

Jadi, promosi video-video ini juga akan terus memberi fokus yang bersesuaian bukan sahaja keperluan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak tetapi juga kepada orang OKU juga. Ada banyak lagi golongan sasaran yang perlu kita fokuskan. Oleh kerana itu pihak kementerian ini, kita faham dengan keadaan yang ada sekarang dengan keadaan status Akta Warga Emas tadi juga ada disebutkan.

Pada masa ini perancangan dan pelaksanaan Dasar Warga Emas adalah berdasarkan dasar dan juga Pelan Tindakan Warga Emas Negara tahun 2011 hingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak mempunyai status atau khusus warga emas seperti di negara Vietnam, Filipina dan juga Brunei. Kajian kandungan pendekatan dan skop bagi mewujudkan suatu akta khusus untuk warga emas telah bermula pada bulan September 2019 dan akan berakhir pada 3 Disember 2020. Walau bagaimanapun, tempoh kajian telah dilanjutkan sehingga 2 Jun 2021 memandangkan aktiviti pengeluaran data telah terjejas kerana PKP.

Namun ini juga akan diteruskan kerana kita dengan izin pada tahun 2030 akan menjadi sebuah negara tua. Di mana 15 peratus daripada warga kita akan berumur 60 tahun ke atas. Ini juga persediaan daripada pihak kementerian, bukan sahaja memikirkan pada tahun 2030 negara akan menjadi negara itu, tetapi persiapan siapa hendak jaga mereka, berapa banyak Pusat Aktiviti Warga Emas yang akan dibuat. Adakah pada tahun 2030 itu warga emas yang ada di negara akan terjaga dari segi kebijakannya, dari segi keselamatannya, dari segi programnya dan sebagainya.

Oleh kerana itu, baru-baru ini dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dinaikkan peruntukan untuk Pusat Aktiviti Warga

Emas (PAWE) daripada RM33,330 setahun dinaikkan kepada RM50,000 setahun. Dalam kenaikan ini, kita hendak utamakan lebih banyak lagi program-program warga emas. *Engagement* bersama dengan warga emas juga kita buat supaya aktiviti ini juga dapat dijalankan oleh mereka. Ini kerana kita lihat sekarang ini saya kira ramai juga Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berumur daripada 60 tahun ke atas ini masih lagi gagah, masih lagi boleh membantu, masih lagi boleh menjalankan program dan sebagainya.

Jadi, ini yang kita telah laksanakan dan juga Yang Berhormat Segambut ada sebutkan tadi, hendak tanya status penggubalan Rang Undang-undang Gangguan Seksual. Draf Rang Undang-undang Gangguan Seksual telah disediakan oleh kementerian dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan Pasukan Projek Khas yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Pada ketika ini kementerian sedang membuat tindakan penyelarasan dan sesi libat urus dengan kementerian dan agensi lain yang berkesan daripada penggubalan ini. Sementara menunggu rang undang-undang ini dibentangkan, kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai akta dan peraturan lain yang sedia ada.

Bagi kes dalam sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menguatkuasakan Akta Kerja 1955, Akta 265 dengan mensyaratkan majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja. Bagi kes dalam sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA sedang membangunkan modul intervensi gangguan seksual di tempat kerja untuk kegunaan pegawai psikologi atau kaunselor organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

Bagi kes gangguan seksual terhadap kanak-kanak pula ia ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak. Selain daripada itu, Yang Berhormat Segambut begitu prihatin yang tanya bagaimana dengan perlindungan kanak-kanak-kanak? Kita tahu di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini, kita tidak mempunyai warga kerja yang ramai. Dalam 7,000 orang warga kerja yang kita ada dengan keadaan yang sekarang dan kita melihat inilah keperluan yang ada.

Oleh sebab itu pihak kementerian menyambut baik pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila mengumumkan 50,000 peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan di bawah MySTep di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah merupakan salah satu agensi yang akan diberikan keutamaan.

Kementerian telah pun menghantar surat kepada pihak yang berkaitan untuk memohon agar penambahan warga kerja JKM ini akan dapat dibuat dengan secepat yang mungkin. Buat masa ini juga, pihak kementerian sedang membuat semakan semula ke atas Dasar Kanak-kanak yang turut mengambil kira elemen perlindungan pendidikan kesihatan seksual reproduktif dan perlindungan kanak-kanak di alam siber.

Ini supaya Dasar Kanak-kanak ini juga yang komprehensif ini selaras dengan prinsip konvensyen kanak-kanak atau mana-mana konvensyen yang berkaitan. Selain daripada itu kementerian juga, kita ada seramai 2,100 orang kanak-kanak di bawah institusi kita. Kita melihat ini bahawa kanak-kanak ini juga perlu diberikan ruang dan peluang untuk mendapatkan pendidikan yang sama dan juga membuat persediaan kepada mereka.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Segambut, baru-baru ini kita sudah buat jalinan kerjasama dengan MARA kerana kita lihat anak-anak ini kita jaga daripada kecil dan bila mereka keluar pada umur 18 tahun selepas itu mereka ke mana? Adakah kita ini hendak menyelesaikan masalah mereka atau kita melambatkan masalah itu berlaku.

Oleh kerana itu, dalam pertemuan ini telah pun diberikan surat tawaran kepada mereka supaya mereka ini dapat diberikan kemahiran sewaktu berada di dalam institusi kita. Kita tidak hendak kanak-kanak ini apabila berumur 18 tahun, apabila mereka keluar, sudah tunggu. Minta maaf, ada yang tunggu yang akhirnya mereka tidak tahu hendak pergi ke mana, ada yang tinggal berseorangan.

Jadi, kolaborasi ini bersama dengan pihak-pihak jabatan dan kementerian-kementerian lain, kita hendak latih anak-anak ini yang mana yang cemerlang dalam pendidikan kita hendak berikan mereka ini pendidikan yang lebih tinggi. Kalau mereka tidak cemerlang dalam pendidikan, anak-anak ini kita berikan kemahiran melalui institusi-institusi yang ada.

*Alhamdulillah*, pada dua minggu lepas seramai enam orang telah ditawarkan, dalam bulan Januari ini saya dimaklumkan seramai 50 orang anak-anak daripada institusi ini juga akan diberi peluang untuk menempatkan diri di institusi untuk memberi kemahiran mereka, supaya kita membuat persediaan kepada kanak-kanak ini. Bila mereka keluar, mereka sudah ada peluang pekerjaan. Bila mereka keluar mereka menghadapi keadaan yang sebenar.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Tuan Pengurus, saya hendak mencelah. Ada masa untuk mencelah tidak kerana...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya ada banyak yang saya hendak jawab. Lagi satu...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Sebenarnya isu kanak-kanak tadi, yang MARA tadi. Saya tidak bangkit isu itu langsung, saya bangkitkan isu penjagaan SOP COVID-19 dalam rumah kanak-kanak, bukan pendidikan untuk mereka.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Betul. Saya hendak beritahu juga tadi sebut juga pasal pelindung kanak-kanak. Kita sudah minta tambahan untuk pelindung kanak-kanak ini, bukan sahaja pelindung kanak-kanak tetapi kita minta juga untuk pegawai akhlak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini sebab kita tak nak, kita tahu bahawa

isu kanak-kanak ini kita harus beri fokus kerana JKM sekarang ini, selain daripada tugas hakikinya mereka ada dengan keadaan COVID-19 yang sebenarnya kerja dan beban mereka semakin bertambah.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Yang Berhormat Menteri, saya tahu. Saya faham masalah ini. Saya telah bangkitkan isu yang sama pada sidang yang lepas. Akan tetapi, status yang kita dapat sama untuk Rang Undang-undang Gangguan Seksual, status yang kita dapat semua sama. Daripada sidang lepas sampai sidang sekarang, standard answer.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat Segambut, saya memberi keyakinan bahawa saya sendiri yang akan berusaha untuk memastikan bahawa apa yang kita mohon ini akan menjadi kenyataan sebab ini surat pun di bawah, kita perlu hantar surat kepada JPA, kepada pihak agensi yang berkaitan. Saya sendiri pun selalu kita *follow-up* untuk memastikan bahawa *by* tahun 2021, perkara ini dapat direalisasikan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Satu sahaja penjelasan lagi, yang tadi mengenai video promosi. Yang Berhormat Menteri jawab sekarang ini adalah kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Menteri faham kenapa kita buat promosi dengan *Google*. Ini kerana, *target group* kita kanak-kanak enam tahun, mereka tidak pergi pun *website* Komunikasi Multimedia. Mereka tidak pergi *check* Yang Berhormat Menteri Dato' Saifuddin kerana mereka tidak tonton propaganda kerajaan. Itu sebab kita buat promosi video "Baby Shark" dengan *Google* supaya kita sampai kepada golongan sasar kita.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Jadi, jawapan tidak tepat. Kenapa kita *cancel* promosi dengan *Google*, kita pergi dengan kementerian.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tiada arahan yang diberikan untuk *cancel*. Tiada arahan diberikan *cancel*.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Akan tetapi, telah diberhentikan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Jadi, saya tidak ada arahan yang dikeluarkan untuk diberhentikan.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Akan tetapi telah diberhentikan. Itu hakikat.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Jadi, ini yang kita akan semak dan kita akan ada lebih banyak lagi promosi kesedaran sebenarnya. Benda ini supaya program-program apa yang kita buat ini, dia perlukan kesedaran daripada masyarakat. Kita boleh macam saya cakap tadi, kita ada banyak undang-undang, kita ada banyak akta tetapi kita perlu juga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan juga rakyat terutama daripada ahli keluarga yang terdekat. Selain daripada itu, banyak juga tadi yang disebutkan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya kira tidak lebih daripada tiga soalan yang ditanyakan. Adakah pejabat Menteri ini dinaik taraf sampai melibatkan ada peruntukan sebanyak RM63 juta. Jadi, saya hendak maklumkan yang RM63 juta ini bukan hendak baik pulih Pejabat Menteri atau Pejabat Timbalan Menteri. Kalau datang di pejabat saya almari, *drawer* yang ada tu yang selalu terbuka, saya selit dengan tisu tidak tukar-tukar.

Jadi kalau tengok daripada, kalau kita tengok RM63 juta ini adalah pembayaran kepada sewa pajakan sebanyak RM43 juta kepada *Putrajaya Holdings* dan kita ada bayaran utiliti dan penyelenggaraan. Tak ada terbabit dengan hal-hal lain.

#### ■1430

Kita boleh bagikan detil dan kita pun sudah minta kepada Kementerian Kewangan supaya menukar butiran tersebut. Pajakan ini selama 25 tahun. Ia bukannya untuk baik pulih, tambah baik kementerian, tak ada. Jadi, kita hendak minta kepada Kementerian Kewangan supaya menukar butiran ini supaya tidak timbul lagi salah faham pada tahun-tahun yang akan datang. Selagi tak habis tempoh 25 tahun, dia akan ada butiran tersebut. Jadi, ini yang saya hendak minta.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan. Boleh saya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya lihat di sini butiran dan dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pada zaman Pakatan Harapan, tidak ada peruntukan untuk pembayaran ini. Jadi, saya tidak tahu apa penjelasan yang Yang Berhormat Menteri berikan bahawa ini adalah pajakan selama 25 tahun. Masalahnya siapa yang tak bayar sekarang dan kenapa ada sebanyak RM63 juta yang perlu dibayar? Yang Berhormat Menteri kata untuk laci lah apa lah. Saya rasa itu tidak ada kaitan dengan soalan yang kami tanya.

**Seorang ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Dia jelas dikatakan naik taraf bangunan KPWKM. Naik taraf. Ada peluang untuk buat pembetulan kalau ada, *and you have not done it*. Jadi, saya ingin dapat penjelasan sejumlah RM63 juta ini bukan *amount* yang kecil. Jadi, *I think it would, cannot be accepted your answer* yang kata pajakan ini lah dan utiliti. *Utilities will go under a different* butiran, Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya harap *this is the people's money*. Ini adalah duit rakyat. Ini adalah belanjawan untuk COVID-19, untuk rakyat. Jadi, RM63 juta ini kalau dikatakan untuk bayar utiliti, diletakkan bawah butiran yang lain dan pajakan selama 25 tahun dan sebagainya, saya rasa jawapan yang tidak boleh diterima oleh kami semua ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey, kalau saya boleh untuk RM63,885,800. Untuk sewaan RM46,730,800. Penyelenggaraan RM9,605,000. Untuk utiliti RM7,550,000 dan jumlahnya adalah sebanyak RM63,885,800. Okey? Selain daripada itu. *[Tepuk]*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Don't understand this one.* Yang Berhormat Menteri, sedikit mengenai Akta Gangguan Seksual.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Cukup lah, cukup. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat di sebelah sana yang buat bising, maksudnya tidak setuju ya kalau Akta Gangguan Seksual ini dilewatkannya lagi?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya rasa masa pun terhad. Jadi, ini isu penting. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tadi, saya sudah jawab sekali tadi.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Where is the stumbling block?* Sekarang ini dokumen itu—ini kerana, sudah berbulan-bulan. Masa zaman Pakatan Harapan bersama dengan banyak agensi termasuklah Jabatan Peguam Negara dengan PDRM dan sebagainya termasuk Bar Council dengan NGO awam, WHO...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun :** Betul. Kita sudah hantar pada Jabatan Peguam Negara. Dia ada sedikit penambahbaikan. Kalau tidak ada pertukaran kerajaan, saya rasa tidak jadi begini. Jadi, kita hendak—

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, Yang Berhormat setuju sebab ada pertukaran kerajaan, maka rakyat menjadi mangsa.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang ini saya nak bagi tahu..

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Kawan, saya rasa Yang Berhormat Menteri hendak menjawab. *Mic, mic.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tanya sendiri siapa...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri,

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya bercakap dalam Dewan ini, akan tetap diteruskan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Bila?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Akan tetap dibuat dan kita akan teruskan untuk Rang Undang-undang Gangguan Seksual.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, saya bertanya bilakah akta ini akan dibentangkan. Kenapa hampir satu tahun masih lagi duduk dalam Pejabat Jabatan Peguam Negara? Tak kan mereka *kat* sana tidak tahu buat kerja?

**Seorang ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kita hendak tambah baik.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu tahun untuk penambah baik tanpa konsultasi. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Menteri dah jawab.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu *push* untuk benda ini. Jangan hanya terima daripada.. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Kawan, tolong, tolong, Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Menteri, tiga minit Yang Berhormat Menteri.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Please push for it*, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih atas ingatan yang diberikan kepada saya. Terima kasih dan saya akan teruskan *push* untuk undang-undang ini dibentangkan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sudah bulan Disember. Satu tahun kami menunggu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Jangan berhenti untuk ingatkan saya.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *But you had – this is your duty. This is your job...*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** *Alright*, kita akan jawab dengan jawapan bertulis.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sebagai pembangkang, we remind you but it is your job to push that agency.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah tamat Yang Berhormat.

**Seorang ahli:** *She is pushing.*

**Seorang ahli:** *All women want this, not-*

*[Dewan riuh]*

**Seorang ahli:** Belum satu tahun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Push* pergi mana ni *push, push* ini?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey, saya hendak jawab juga soalan daripada Yang Berhormat Segambut. Fasal sukarelawan YKN. Saya hendak bagi tahu di dalam Dewan ini. Kita faham dalam keadaan sekarang. Saya rasa Yang Berhormat Segambut pun tahu keadaan sekarang ini ramai orang susah, Yang Berhormat

Segambut. Ada ramai lagi rakyat yang terjejas. Dengan kapasiti yang kita ada ini, kita tidak mampu untuk menjaga semua dan kita perlukan bantuan daripada semua pihak, daripada NGO, daripada sukarelawan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sokong, sokong.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk makluman Dewan ini, hanya seramai 30 orang sukarelawan yang dilantik seluruh Malaysia. Ia bukan mengikut Parlimen tetapi seorang sukarelawan ini menjaga pelbagai, merentasi daerah dan sebagainya. Sukarelawan ini kita buka kepada sesiapa.

Kalau ada sesiapa yang berminat hendak jadi sukarelawan pun kita terima. Oleh sebab itu, dalam sukarelawan ini– perbezaannya sekarang ini Yang Berhormat Segambut, bila kita turun untuk menyampaikan bantuan, kita minta YKN yang sampaikan. Ini kerana, YKN akan datang dan turun membuat siasatan. Kita bukan bagi kepada parti politik, kita bukan bagi kepada NGO.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Jadi, saya hendak tanya soalan saya tadi, Yang Berhormat Menteri. Betul kah seramai 30 sukarelawan ini kebanyakannya mereka adalah warga Srikandi BERSATU.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kita buka kepada semua.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Kalau buka kepada semua, sepatutnya poster memaklumkan supaya sukarelawan UMNO, sukarelawan PEJUANG, sukarelawan Warisan boleh *apply*. Kenapa hanya Srikandi BERSATU.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Sebab Yang Berhormat Segambut, saya ada hanya seramai 30 orang sahaja. *Insya-Allah* kalau banyak lagi keperluannya...

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Bermakna *priority* diberikan kepada Srikandi BERSATU. Bawah *payroll* Yayasan Kebajikan Negara. Betul atau tak?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Bila kita memilih, kita tidak ada sebut latar belakang politik. Bila kita memberi sumbangan pun, kalau dilihat kita tidak tanya parti daripada mana.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Soalan saya senang sahaja. Adakah mereka merupakan ahli Srikandi BERSATU. *Under the payroll of YKN*.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Itu bukan satu syarat untuk menjadi sukarelawan Yayasan Kebajikan Negara.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Adakah mereka merupakan ahli Srikandi BERSATU di bawah *payroll* Yayasan Kebajikan Negara? Itu sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah Yang Berhormat Segambut.

**Puan Hannah Yeoh [Segambut]:** Saya tanya Yang Berhormat! [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi:** Sudah. Yang Berhormat Menteri dah jawab. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri sila menggulung. Saya hendak kemukakan masalah Yang Berhormat Menteri. Sudah sejam setengah lebih sudah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hendak kompelin apa? Srikandi UMNO pun tak ada.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sebutkan juga, tentang bantuan khidmat di rumah (*home help services*). Ini juga menjadi perhatian kerajaan dalam Belanjawan 2021. Walau bagaimanapun, program *home help services* ini yang kita beri fokus kepada penjagaan sosial kepada kumpulan sasar warga emas dan juga orang kurang upaya dalam kalangan golongan rentan (*vulnerable*) dan terpinggir. Sama ada yang tinggal bersendirian ataupun berkeluarga dalam komuniti. Jadi, usaha kementerian untuk menarik lebih ramai sukarelawan adalah dengan mempromosikan penglibatan sukarelawan program *home help services* boleh memohon untuk menjadi sukarelawan melalui laman sesawang JKM dalam pelbagai platform media, elektronik dan sebagainya.

Di samping itu, program promosi juga adalah dengan kita adakan bersama pertubuhan sukarela kebajikan yang berkolaborasi dengan JKM di dalam melaksanakan program *home help services*. Kenaikan kadar elauan sukarelawan juga menarik lebih ramai sukarelawan berdaftar dengan JKM. Selain daripada penekanan kepada penjagaan warga emas dan OKU, sukarelawan *home help services* ini juga boleh membantu jabatan melaporkan dan merujuk kes berkaitan kanak-kanak yang terabai lantaran ada ibu bapa ataupun ahli keluarga mereka yang bekerja.

Tuan Pengerusi, sepanjang tempoh pembentangan belanjawan tadi, Pusat Sokongan Sosial Setempat juga merupakan inisiatif terbaru kementerian untuk mendekati masyarakat dengan menyediakan akses di peringkat lapangan.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya sedikit. Kawan lama, Simpang Renggam. Saya sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri, tadi sistem sokongan di rumah untuk anak-anak OKU. Kita tahu apabila sekolah ditutup, ramai dalam kalangan anak-anak atau murid berkeperluan khas mereka berada di rumah. Kita tahu pembelajaran dalam talian tidak seefisien pembelajaran mereka bersemuka dengan guru dan sebagainya. Apakah langkah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk membantu ibu bapa murid-murid berkeperluan khas ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, tinggal dua minit lagi ya.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey, tentang anak-anak yang berkeperluan khas ini, kita tahu bila waktu sekolah ini mereka yang bersekolah ini tinggal di rumah. Di PDK kita ada di bawah kementerian, kita ada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Ini sama ada penyelia ataupun petugas telah kita minta supaya diadakan

kumpulan sokongan bersama dengan ibu bapa kerana selama ini anak-anak ini dijaga di sekolah ataupun anak-anak ini dijaga di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.

#### ■1440

Jadi, *group WhatsApp* kita wujudkan juga supaya sistem sokongan ini dapat diteruskan walaupun mereka ini berada di rumah. Khidmat bantuan nasihat juga diberikan.

Selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh tentang—tadi daripada Yang Berhormat Sik juga ada sebut tentang gejala sosial yang semakin meruncing di kalangan masyarakat. Saya pun risau. Saya pun dalam keadaan begini ya.

Pusat sokongan sosial setempat juga merupakan inisiatif terbaru kementerian untuk mendekati masyarakat dengan menyediakan akses di peringkat lapangan untuk orang awam mendapatkan maklumat dan perkhidmatan apabila berhadapan dengan masalah sosial. Pusat ini akan menyantuni pelbagai lapisan masyarakat dan tidak terhad kepada kumpulan sasar wanita.

Antara perkhidmatan yang akan disediakan oleh pusat ini termasuklah khidmat nasihat, kaunseling, intervensi serta perlindungan sementara sebelum mangsa ataupun pengadu dirujuk kepada kementerian atau organisasi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan selanjutnya.

Justeru, bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan juga mempunyai impak yang positif dalam membantu menangani masalah sosial, kementerian akan menitik beratkan aspek tindakan susulan ke atas kes-kes yang diterima melalui pusat ini termasuklah memastikan pengadu dan mangsa yang dirujuk akan mengikuti program-program yang bersesuaian.

Jadi, mengambil kira usaha untuk menangani masalah sosial juga perlu digalas oleh pelbagai pihak, maka kementerian melalui pusat ini akan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan selari dengan konsep *whole of government and whole of society*.

Kementerian juga akan mengumpulkan pelbagai maklumat dan data yang akan membantu memberikan gambaran sebenar masalah sosial di lapangan yang boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan polisi dan juga pelaksanaan aktiviti yang lebih efektif dan juga berkesan. Selain daripada itu, kita ada juga di bawah LPPKN program Kafe@TEEN yang telah diadakan untuk mengadakan program-program bersama dengan remaja.

Tadi, antara banyak juga dibangkitkan tentang isu-isu bagaimana hendak membangunkan ataupun hendak mengeluarkan masyarakat ini daripada kepompong kemiskinan. Di bawah kementerian, kita ada juga program-program 2 Years *Exit Programme* untuk membantu kumpulan sasaran kita ini untuk membantu menambahkan pendapatan dan segi pembangunan ekonomi. Kita faham dalam kajian

kita buat, ada banyak masalah, ada banyak isu, tetapi antara puncanya adalah isu ekonomi.

Kerana itu, kementerian bukan sahaja ada Program 2 Years *Exit Programme* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita juga berkolaborasi dengan agensi dan juga kementerian-kementerian lain. Di mana di bawah kementerian-kementerian lain terdapat banyak program peningkatan ekonomi, di mana kita minta supaya daripada kementerian-kementerian lain, kumpulan sasarnya adalah terdiri daripada kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ini kerana di bawah kementerian, kita ada seramai 500,000 orang penerima bantuan bulanan setiap bulan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita ada lagi kumpulan sasar ibu tunggal yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Maka di sinilah saya harap akan mendapat kerjasama daripada semua kementerian agar program-program pembangunan ekonomi ini akan dapat diberi manfaat kepada kumpulan sasaran kami.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Oleh itu...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Mengenai pembayaran gaji untuk pegawai-pegawai PKD.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey. Saya tidak tahu daripada mana Yang Berhormat Batu Kawan dapat maklumat. Bila kita minta peruntukan ini daripada Kementerian Kewangan yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan, kita sebut tahun 2021. Jadi saya kira tahun 2021 ini bermula daripada Januari sehingga Disember 2021.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Betul. Itu yang saya harapkan juga. Akan tetapi, pegawai-pegawai PKD di kawasan saya dimaklumkan...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kalau hendak ikut yang bercakap ini, macam-macam orang cakap tanpa mendapat maklumat yang sebenar.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri menuduh pegawai-pegawai tidak jujur?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Bukan. Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** ...Sekarang ini saya menjawab. Saya menjawab.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sama ada Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan gaji mereka akan dinaikkan dibayar pada bulan Januari...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kita minta belanjawan ini— saya yakin Yang Berhormat sangat prihatin. Saya minta agar belanjawan ini diluluskan. Kalau dapat, Belanjawan 2021 ini diluluskan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, ini bukan jawapan...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** ...Makanya ia akan memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira golongan umur dan juga latar belakang.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tetapi soalan kami tidak dijawab, macam mana hendak sokong belanjawan?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah jawab tadi. Daripada Januari sampai Disember.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Gaji tersebut dikatakan akan dibayar pada bulan April 2021.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah sebut, Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** April.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah jawab tadi, Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri bagi jaminan gaji akan dibayar bulan Januari?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah jawab tadi. Saya sudah jawab. Okey.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya mahu Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tuan Pengerusi...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Beri jaminan gaji akan dibayar pada bulan Januari, bukan seperti yang mereka...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Apa yang ugut? Gaji perlu dibayar. Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah umumkan, gaji kena bayar bulan Januari. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri berikan jaminan bahawa Yang Berhormat Menteri akan follow-up...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah sebut, Yang Berhormat. Banyak kali sudah saya sebut.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** So, confirm ya? Saya harap akan dilaksanakan. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]*

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Saya sudah sebut.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, masa sudah tamat Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Sini, Kulai.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Sini, Kulai hendak tanya sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Berapa minit lagi hendak?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tuan Pengerusi...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang lain soalan, saya akan jawab secara bertulis.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat dengar siapa yang bercakap. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri jangan larilah. Saya hanya tanya satu. Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bantuan bulanan yang dinaikkan kepada RM1,000 sebulan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** RM1,000, betul.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila akan dilaksanakan? Itu sahaja. Itu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa PH dahulu tidak berani buat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak tanyalah Yang Berhormat Menteri, bila polisi itu akan dilaksanakan? Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri beri jawapan di sini? Takkanlah satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa PH dahulu buat apa?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Tetapi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dia tidak tahu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** PH tidak buat apa...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, saya pun bangkitkan dalam ucapan saya...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Tetapi masa kami, mahu macam-macam cakap. Padahal kami telah bagi lebih daripada yang diberi oleh pihak PH.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila akan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya terpaksa menanyakan Yang Berhormat Menteri, sudah habis menjawab? Baik.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Mana ada habis jawab. Belum jawab lagi.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Bilakah peruntukan akan diberikan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab secara bertulis.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Pengerusi, dia belum jawab lagi. Bagaimana boleh cakap bahawa habis jawab? *[Dewan riuh]*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan pada 3 Disember 2020 akan dinaikkan RM1,000.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tuan Pengerusi...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya bangkitkan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Menteri jawab secara bertulis, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Tuan Pengerusi, saya akan jawab secara bertulis.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila akan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,458,914,000 untuk Kepala B.48 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Kepala B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.48 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Kepala P.48 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.* Tuan Pengerusi, *point of order* yang baru. Semalam saya sudah hantar usul di bawah 18(1) bagi merujuk penjualan aset milik Tabung Haji Plantation Sdn. Bhd. Saya belum mendapat apa-apa jawapan daripada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, saya minta bagi— sebab, saya terima surat daripada— ada satu surat yang saya tengok daripada EPU menyatakan telah dijual. Tadi Yang Berhormat Menteri jawab tidak dijual. Jadi, saya ingin bertanya, apakah boleh saya rujuk Yang Berhormat Menteri yang telah mengeluarkan kenyataan yang berbeza daripada apa yang ditulis oleh pihak pegawai? Surat ini ada dua. Jadi, saya minta beri jawapan 18(1). Esok saya akan rujuk Yang Berhormat Menteri kerana jawab tidak betul seperti yang telah ditulis oleh pegawai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Kita...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tanya Menteri mana saya hendak rujuk?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ia akan diputuskan esok. Yang Berhormat Arau, kita akan putuskan esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya Kementerian Alam Sekitar dan Air.

**Kepala B.33 [Jadual]-  
Kepala P.33 [Anggaran Pembangunan 2021]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P. 33 di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air.

**USUL**

**MEMINDA JADUAL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9) –  
MENGURANGKAN RM1,900,500 DARIPADA PERUNTUKAN KEPLA B.33**

**2.49 ptg.**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul saya ialah seperti berikut—

“Bahawa sebanyak RM1,900,500 hendaklah dikurangkan daripada jumlah sebanyak RM551,794,400 yang telah diperuntukkan bagi Maksud B.33 di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 2021 iaitu dengan memotong secara keseluruhannya peruntukan sebanyak RM1,900,500 dari Butiran 060300 untuk program atau aktiviti Expo Dubai 2021 di bawah Maksud B.33 Kementerian Alam Sekitar dan Air di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021. Sekian, terima kasih.

**■1450**

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, usul sebagai mana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya tadi bagi Maksud Bekalan B.33 Kementerian Alam Sekitar dan Air terbuka untuk dibahas.

Saya menjemput satu perbahasan daripada sebelah pihak, tiga minit seorang. Silakan. Ada Ahli-ahli yang ingin berbahas?

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya minta kepada...

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Parit Buntar ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sebelah sini dahulu. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Siapa hendak?

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman, Kemaman.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kemaman. Tiga minit, silakan. Kemudian Yang Berhormat Padang Serai.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Parit Buntar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Kemaman.

**2.51 ptg.**

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi menyatakan pendirian saya untuk menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Petaling Jaya *[Tepuk]* mengenai pemotongan peruntukan dalam butiran yang dikemukakan tadi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan negara ahli kepada *Paris Agreement* di bawah *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim. Penglibatan Malaysia dalam *Paris Agreement* ini mengikat obligasi negara untuk menyediakan dan melaksanakan pelan tindakan perubahan iklim yang meliputi langkah mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Oleh itu, bagi memenuhi sasaran pengurangan pelepasan gas rumah hijau atau *greenhouse gas* (GHG), semua negara perlu memberikan komitmen penuh terhadap langkah mengurangkan pelepasan GHG dan tindakan adaptasi perubahan iklim mengikut acuan dasar dan agenda pembangunan masing-masing. Tambahan lagi, dasar dan langkah yang dirangka ini wajar diselaraskan dengan agenda pembangunan mampan seperti *Sustainable Development Goals* (SDG) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Pengerusi, penglibatan Malaysia terutamanya Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sebagai kementerian yang menerajui agenda perubahan iklim negara di Expo Dubai ini akan membolehkan Malaysia menunjukkan kepada masyarakat global bahawa komitmen negara adalah pada tahap yang tertinggi. Kesungguhan ini akan memberikan keyakinan kepada masyarakat dunia untuk memacu industri-industri yang berada di negara kita Malaysia ini ke arah operasi untuk mengaplikasikan teknologi hijau.

Selain itu, Pavilion negara juga kelak akan menjadi wadah kepada industri tempatan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka ke pasaran antarabangsa. Dengan penyertaan KASA ini, saya yakin Malaysia akan memperoleh peluang kerjasama perdagangan, pelaburan, padanan perniagaan, keusahawanan, sains dan teknologi serta perkongsian amalan pembangunan yang mampan serta mengambil peluang untuk mendapatkan bantuan-bantuan kewangan daripada agensi-agensi pertubuhan antarabangsa.

Maka akhirnya saya berpandangan, peruntukan ini perlu dikekalkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Alam Sekitar dan Air bagi memenuhi komitmen penuh negara dalam pelbagai obligasi antarabangsa seperti yang saya telah jelaskan sebentar tadi. Oleh itu saya mohon, tidak menyokong dan menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Petaling Jaya ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Tuan Pengerusi, boleh saya bahas sedikit?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri Yang Berhormat Padang Serai dahulu.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, sepatutnya benarkan pencadang untuk berbahas dahulu.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Saya beri kepada Yang Berhormat Petaling Jaya untuk bahas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, sepatutnya Tuan Pengerusi benarkan pencadang usul untuk bahaskan dahulu. Itu merupakan konvensyen. Takkan itu pun Tuan Pengerusi tidak tahu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, kena benarkan pencadang untuk bahas. Benarkan beliau untuk melontarkan semua perkara yang bermain di minda beliau sebagai cadangan.

**Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya beri ruang kepada Yang Berhormat Petaling Jaya untuk membahaskan. Sila.

**Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]:** Ya, kemukakan alasan dia dahulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jangan singkatkan masa beliau. Berikan masa yang secukupnya untuk beliau memberi buah fikiran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Saya minta Yang Berhormat Petaling Jaya. Saya beri masa lima minit untuk berbahas.

#### 4.55 ptg.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cadangkan usul ini kerana saya rasa dana untuk Expo Dubai perlu dipotong keseluruhan kerana saya difahamkan di bawah MESTECC tahun yang lalu, sudah ada sebanyak RM60 juta telah diuntukkan untuk membina *Malaysian Pavillion* dan ini adalah berkaitan dengan Expo Dubai. Oleh sebab itu saya rasa Kementerian Alam Sekitar tidak perlu dana ini dan boleh disalurkan kepada kementerian-kementerian lain yang perlu dana ini.

Satu lagi ialah sekarang, lain-lain negara juga yang mengadakan ekspo melalui *online*. Saya rasa kita boleh cari *new normal* untuk mengadakan Expo Dubai ini. Oleh sebab itu saya cadangkan peruntukan semula jumlah keseluruhan sebanyak RM1,900,500 daripada Butiran 060300 disalurkan kepada Kementerian Kesihatan di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan supaya lebih dana boleh disalurkan kepada kementerian ini dan juga untuk membantu penyakit-penyakit lain yang kritikal juga.

Saya harap usul ini dapat disokong kerana pada masa yang mana kita menghadapi krisis ini. Saya rasa untuk Belanjawan 2021, saya rasa dana lebih bagus kalau diberi prioriti kepada kesihatan dan juga ekonomi negara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai untuk berbahas. Tiga minit.

#### 2.58 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat menyokong kepada Yang Berhormat Petaling Jaya memandangkan keadaan COVID-19 pada masa ini dan juga kita hadkan pergerakan kita ke merata-rata tempat. Di samping itu juga saya berharap, kita selamatkan duit tersebut untuk kegunaan COVID-19. Di samping itu juga, kita harus berfikir keadaan ekonomi negara tidak begitu stabil maka kita perlu menjimatkan duit tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya telah beri peluang kepada kedua-dua belah pihak untuk berbahas. Sekarang saya menjemput Menteri Alam Sekitar dan Air untuk menjawab.

**2.58 ptg.**

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih lah. Saya ingatkan alasan kuat sangat hendak tolak bajet ini. Kalau alasan itu saya hendak sebut bahawa beginilah. Pertama sekali, Expo Dubai ini ekspo di peringkat antarabangsa yang telah dimulai pada tahun 1928 dan berterusan, bererti dia adalah penyambungan.

Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan bahawa Expo Dubai ataupun Ekspo Dunia Dubai ini yang bertemakan *Energizing Sustainability* pada kali ini merupakan satu bidang tugas utama di peringkat kementerian dan adalah amat penting untuk KASA terus terlibat secara langsung dalam penganjuran ekspo pada kali ini. Expo 2020 Dubai merupakan ekspo dunia pertama yang diadakan di rantau Asia Barat, Afrika dan Asia Selatan dengan jumlah penduduk hampir 3.2 bilion dan KDNK melebihi USD6.5 trilion. Ekspo ini bakal menjadi pintu masuk kepada pasaran baharu negara membangun dan perdagangan Asia Selatan bagi keluaran negara.

Untuk makluman, Dubai merupakan hab perdagangan antarabangsa di rantau Asia Barat.

**■1500**

Pada tahun 2017, UAE merupakan rakan dagang Malaysia yang utama, destinasi eksport terbesar dan sumber import kedua terbesar selepas Arab Saudi di rantau Asia Barat. Jumlah dagangan dua hala meningkat 12.6 peratus kepada USD5.84 bilion ataupun bersamaan RM25.18 bilion daripada USD5.38 bilion ataupun RM22.36 bilion pada tahun yang sama iaitu pada tahun 2016.

Penyertaan Malaysia di Expo Dubai memberi tumpuan kepada perdagangan dan pelaburan sebagai hala tuju utama, di mana potensi perdagangan dan pelaburan sebanyak RM10 bilion disasarkan. Justeru itu, Pavilion Malaysia menyasarkan seramai 1 juta orang pengunjung dengan penyertaan lebih daripada 200 buah syarikat memperoleh 1,000 *business lead* dan 5,000 orang delegasi bagi program-program promosi perdagangan dan memuktamadkan 20 memorandum persefahaman (MoU) di ekspo tersebut.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Menteri, Menteri, Menteri?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Tiada, saya faham. Kita sangat – di sini kita semua faham apa maksud ekspo ini di Qatar dan sebagainya. Tidak apa, kita faham, kita tahu sudah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Okey, baik.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Apa yang diminta oleh kita di sini, peruntukan yang lebih itu sebanyak RM1.9 *million* itu untuk apa? Di dalam ekspo ini kita sudah ada peruntukan hampir RM60 juta. Sekarang, you minta lagi sebanyak RM1.9 *million*. Jumlah RM1.9 juta itu, apa yang kita minta itu untuk apa sekarang? Atas RM60 *million* yang sudah pun dibelanjakan dan diperuntukkan. Itu sahaja.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Okey, terima kasih. Saya jelaskan bahawa sebanyak RM60 juta yang diperuntukkan itu ialah peruntukan bagi pembinaan Pavilion yang ada, bukan melibatkan penyertaan.

Untuk makluman, ekspo ini sepatutnya diadakan sekarang pada bulan Oktober sehingga hujung tahun. Akan tetapi, terpaksa dianjak pada tahun hadapan dan ekspo ini berlangsung selama lima bulan. Ia bukan sahaja Pavilion yang perlu kita peruntukkan, kita juga perlu peruntukkan tentang pengurusan, pembinaan, pemantauan, pembinaan Pavilion, termasuk juga pengurusan kakitangan yang akan ulang-alik dan melibatkan pelbagai pihak.

Peruntukan itu merupakan satu peruntukan yang memang sangat signifikan dengan isu yang berlaku dengan keperluan yang berlaku. Oleh sebab itu, Expo Dubai diadakan pada bulan Oktober tahun hadapan untuk makluman, sehingga bulan Mac. Bukan sebulan ya, Oktober sehingga bulan Mac. Ini bermakna, persiapan perlu diadakan oleh setiap kementerian. Peruntukan sebanyak RM1.9 juta adalah untuk program, pameran dan seminar-seminar di peringkat antarabangsa dan ianya tidak termasuk dalam bajet sebanyak RM60 juta yang diperuntukkan di peringkat awal. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) bagi Maksud Bekalan B.33, Kementerian Alam Sekitar dan Air oleh Yang Berhormat Petaling Jaya.

Bahawa, sebanyak RM1,900,500 hendaklah dikurangkan daripada jumlah sebanyak RM551,794,400 yang telah diperuntukkan bagi Maksud B.33, di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air dalam Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 2021, D.R 16/2020 iaitu dengan memotong secara keseluruhannya peruntukan sebanyak RM1,900,500 dari Butiran 060300 untuk program aktiviti Expo

Dubai 2021 di bawah Maksud Bekalan 33, Kementerian Alam Sekitar dan Air di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, Kertas Perintah 26, Tahun 2020 hendaklah disetujukan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Tuan Pengerusi, saya mohon oleh sebab kita biasa terima setuju, usul ini kita minta tidak disetujukan dahulu, sebelum disetujukan sebab usul dari pihak pembangkang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Oleh sebab itu saya sebut, kena dengar dengan jelas apa yang saya cakapkan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Keputusannya, tidak disetujukan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.33 dan Kepala P.33 di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya ada senarai nama pembahas. Saya jemput Yang Berhormat Kuantan. Dipersilakan Yang Berhormat Kuantan, lima minit.

### **3.05 ptg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memulakan perbahasan saya di peringkat Jawatankuasa ini untuk Maksud Bekalan 33, Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Butiran 010100 – Khidmat Pengurusan. Pentadbiran di peringkat kementerian ya, saya ingin mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, kenapa jumlah peruntukan ini meningkat dengan begitu mendadak sekali sedangkan jumlah perjawatan sama seramai 196 perjawatan tetapi jumlah angkanya daripada RM2.67 juta kepada RM39.9 juta? Itu yang pertama.

Kedua, Butiran 010200 – Pengurusan Alam Sekitar. Di sini kita lihat bahawa peningkatan jumlah peruntukan yang diberikan hanya ditambah lebih kurang RM500,000 sedangkan di sini adalah mempunyai satu fungsi yang amat penting berkenaan dengan dasar, program, strategi, adaptasi dan mitigasi perubahan iklim. Akan tetapi tidak dilihat ada peruntukan yang sewajarnya untuk program ini.

Kita tahu bahawa kita merupakan salah seorang penandatangan *Paris Agreement*. Tentu sekali kita perlu buat banyak program untuk memastikan kesedaran awam itu timbul dan ada *awareness*, untuk meningkatkan *awareness* di kalangan orang awam berkenaan dengan komitmen Malaysia sebagai salah satu penandatangan *Paris Agreement* ini. Jadi, saya tidak nampak ada peruntukan di situ.

Mohon penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri, macam mana kita hendak laksanakan program sekiranya tidak ada penambahan peruntukan? Selain itu juga, kita tidak lihat sesuatu berkenaan dengan *National Climate Change Model*, tidak ada apa-apa berkenaan dengan *National Climate Change Model* yang telah diketengahkan dalam bajet baru-baru ini.

Saya ingin terus kepada Butiran 020100, di mana kita dapat bahawa ada penurunan emolumen sedangkan perjawatannya sama, juga penurunan perkhidmatan bekalan. Di masa pencemaran alam sekitar berleluasa dan Yang Berhormat Menteri mengumumkan untuk mewujudkan pasukan membanteras jenayah alam sekitar. Pada 14 September 2020, Yang Berhormat Menteri mengumumkan berkenaan dengan pasukan elit cegah jenayah alam sekitar ditubuhkan.

Kita akui bahawa jenayah alam sekitar ini merupakan jenayah yang keempat di peringkat antarabangsa, selepas dadah, penggubahan wang haram dan pemerdagangan manusia. Jenayah alam sekitar ialah jenayah yang keempat di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat Menteri, mengumumkan pada tarikh tersebut untuk berbincang dengan Kementerian Kewangan dan juga JPA untuk mendapatkan peruntukan tambahan tetapi kita lihat di sini tidak ada.

Jadi, apa yang berlaku? Bagaimana kita hendak cegah jenayah alam sekitar dalam keadaan tidak ada peruntukan yang dapat. Maksudnya, adakah Yang Berhormat Menteri cakap itu sekadar cakap sahaja tetapi tidak ada tindakan seterusnya? Macam mana kita hendak bentuk pasukan elit yang dikatakan tadi?

Seterusnya Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Kuala Sungai Kuantan sebelum ini, saya harap termasuklah dalam butiran ini untuk mengorek muara sungai Kuantan kerana Sungai Kuantan ini kita ada lebih 200 buah bot laut dalam, bot gred ‘C’, yang keluar masuk setiap hari dan tersangkut di muara Sungai Kuantan ini. Saya ingin bertanya berkenaan dengan perkara ini. Itu sahaja Tuan Pengurus, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bintulu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Langat.

### 3.09 ptg.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengurus kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan kementerian ini.

### ■1510

Tuan Pengurus, saya hendak refer kepada Butiran 14500, Butiran 15200, Butiran 15300, Butiran 16700 sekali gus. Oh! Yang Berhormat Menteri ada?

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya hendak memohon Yang Berhormat Menteri ambil prihatin atas apa yang saya sentuh dalam isu ini.

Mengenai isu menaik taraf infrastruktur dan saliran bandar dan lain-lain. Kita sudah minta ini sudah lama termasuklah mengorek kuala-kuala sungai termasuklah mengorek Sungai Sebiew. Banyak kali saya dalam Dewan ini menyoal isu mengenai ini.

Baru-baru ini, Bintulu dilanda banjir. Satu bandar boleh kata lebih daripada separuh sudah tenggelam. Ini pasal satu sungai punya. Sama Kuala Kemenia, Sungai Kemenia. Masalahnya banyak sudah *sedimentation*, tidak ada peluang mendalamkan sungai ini. So, hari ini saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan dalam tahun 2021 mendapatkan peruntukan untuk mendalamkan sungai di Bintulu ini?

Dalam masalah ini, saya hendak soal jangan membazirkan untuk membuat *pumping station* ataupun membina pam. Contohnya di Sibu, kita mesti turun padang dan lihat. Kalau macam Sungai Rajang pun sama juga macam Sungai Sebiew. Ia sudah *sedimentation* banyak. Sudah tohor orang kata *remain work*. Kalau kita cuma *concentrate on pumping station* dan membina pam, lama-lama itu—baru-baru ini pun Sibu kena banjir juga, bandar kena banjir. Itu air mahu pam pergi mana?

So, saya mintalah pegawai-pegawai daripada kementerian mesti mahu turun padang dan lihat masalah betul-betul daripada mana. So, saya difahamkan ada peruntukan lebih RM300 juta, saya minta Menteri tangguhkan dahulu menggunakan peruntukan ini, silalah turun padang dan lihat Sungai Rajang dan Sungai Igan dahulu barulah buat satu formula yang terbaik ataupun *solution* yang terbaik cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang Berhormat Menteri, mengenai isu memperbaiki ataupun membersihkan sungai-sungai. Bintulu pun banyak sungai tetapi kita selalu minta, sekali sekala saja diberikan. Macam Sungai Kenaan, Sungai Kelapa, Sungai Sujang, Kampung Nyalau dan lain-lain di luar kawasan pun tidak ada peruntukan untuk persediaan membersihkan sungai-sungai ataupun mendalamkan sungai-sungai. Saya nampak butiran ini, peruntukannya pun cukup hebat. Ada berbilion. Ada ratus juta. Bolehkah tidak Yang Berhormat Menteri membuat sedikit *adjustment* untuk kawasan Bintulu ini?

Jadi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Langat.

### 3.14 ptg.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030000 dan juga Butiran 06400 sehingga Butiran 31000 dan juga Butiran 95000.

Tuan Pengerusi, kita tahu berkenaan dengan air sekarang di dalam negara kita macam mana situasi air di semua negeri. Peruntukan yang saya nampak di depan saya, saya boleh katakan tidak mencukupi untuk membaiki keadaan sekarang dengan industri air di dalam negara kita. Kalau kita bandingkan dengan tahun 2019, peruntukan keseluruhan untuk bekalan air ialah RM273 juta lebih dan pada tahun 2021, anggarannya ialah RM130,450,00. Penurunan sebanyak lebih daripada RM100 juta.

Saya bawa isu ini sebab kita telah nampak di dalam beberapa bulan ini, keadaan sistem industri air ini khususnya di dalam negeri Selangor, saya hendak mulakan dengan negeri Selangor dahulu yang kita hadapi masalah pencemaran dan juga masalah pencatuan air disebabkan ada orang-orang yang berkenaan yang tidak bertanggungjawab.

Oleh sebab itu, saya fikirkan bahawa air mentah ataupun air terawat, air bersih adalah suatu sumber yang penting dan disebabkan oleh kepesatan pembangunan dan penambahan keperluan, maka sumber air bersih semakin menjadi terhad dan ini boleh menjadi air terawat dan juga air mentah.

Saya ingin mencadangkan di sini kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian supaya rangkaian air bersih daripada punca ke loji rawatan ataupun sehingga kepada pengguna kena diklasifikasikan di dalam Akta Keselamatan Negara. Ini penting pada masa sekarang sebab kita nampak bahawa negeri masing-masing tidak ada keperluan untuk membuat sesuatu apabila kita ada masalah besar seperti ini.

Negeri seperti negeri Selangor yang menyumbangkan sehingga 25 peratus KDNK kepada negara, kalau ini berlaku— dalam satu tahun berlaku empat kali ke lima kali, malangnya lima jam pagi tadi, empat buah loji rawatan air terbesar di Selangor diberhentikan lebih lima jam disebabkan pencemaran. Rantau Panjang SSP 1, 2 dan 3 diberhentikan. Sekarang sudah pun mula, air kembali balik tetapi saya terima panggilan daripada pengguna meminta saya apa yang kita boleh buat.

So, saya harap Menteri dan kementerian akan mengambil isu ini dengan serius. Kita kena lihat sumber air ini sebagai satu *security issue* di dalam negara kita.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai kita di kementerian, saya harap perbelanjaan yang kita akan lakukan di dalam tahun ini sebelum RMKe-12 akan diumumkan, saya tidak tahu bila tetapi sebelum RMKe-12 diumumkan, saya harap perbelanjaan ini kita kena lihat kepada kawasan-kawasan tertentu di mana sekarang kita nampak sedang ada masalah dengan air di dalam negeri masing-masing.

Contohnya Kelantan, sebuah negeri yang ada masalah. Pahang sekarang ada masalah. Selangor ada masalah. Johor ada masalah. Negeri Sembilan ada masalah. Melaka ada masalah. Pulau Pinang, kalau kita tidak buat sesuatu sekarang dalam

tempoh terdekat, dalam tempoh 10 tahun dari sekarang akan ada masalah besar dengan air terawat ataupun air mentah di negeri Pulau Pinang.

So, saya minta kementerian untuk mengkaji dan membuat sesuatu yang terbaik untuk industri ini sebab O&M di dalam industri ini iaitu *operation and maintenance* sekarang sangat tinggi. Sekarang rakyat Malaysia tak naklah adakan risiko di mana mereka akan mulakan satu industri, selepas itu tidak ada air. Dan ini ada keterlibatan dengan pelaburan kepada negara kita.

■1520

Bila ini terjadi, ini akan dihebah-hebahkan di luar. Pelabur-pelabur yang akan datang, dia nampak ini ada masalah dengan air di dalam negara kita dan dia tidak akan melabur lagi. So, saya minta *you have to have a systemic approach towards the water industry* di dalam negara kita pada masa kini. Ini penting.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Lima minit lagi.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Eh! Tak boleh lima minit. Minta rumuskan.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Ya, just, thank you. So, saya minta Yang Berhormat Menteri ya untuk satu ialah isu *security*. Sama juga dengan alam sekitar tentang plastik di dalam negara kita. Kalau menjadi dua-dua perkara ini, iaitu air dan plastik yang sekarang menjadi satu isu besar pencemaran air dan juga di dalam kawasan-kawasan tertentu. Ini dua-dua mesti menjadi satu isu. Kita kena tangani sebagai isu *security* dalam negara kita untuk masa depan yang akan datang.

Saya juga hendak sentuh kepada NRW Nasional ini yang saya tengok kita akan belanja sampai RM290 juta. NRW ini satu keperluan untuk kita di semua tempat dan saya harap kita akan teruskan. So, Yang Berhormat Menteri saya harap industri-keperluan industri ini ialah dana. Peruntukan ini tidak cukup. Selalu kita adakan geran dan juga pinjaman kepada negeri masing-masing. Akan tetapi, berdasarkan pengalaman yang saya tahu, hutang terkumpul ini setiap tahun meningkat dan akhir sekali kita diminta oleh negeri-negeri untuk dihapuskan. Ini berlaku dan sedang berlaku di semua tempat di negeri-negeri masing-masing.

So, bila kita bagi dia sebagai pinjaman, dia tidak bayar balik dan lepas lima tahun ataupun sepuluh tahun, dia minta kita hapuskan pinjaman itu. Saya cadangkan memang *out-of-the-box thinking* ini ya. Bila kita bagi pinjaman kepada negeri untuk mengatasi masalah industri air di dalam negeri itu, kalau dia tidak bayar balik, kita minta saham di dalam syarikat-syarikat air dia. Kita ikat mereka, kalau dia tidak bayar balik. Lepas itu kita pun ada tanggungjawab di dalam syarikat itu sebagai Kerajaan Pusat dan kita boleh

tengok macam mana keadaan *management* sistem syarikat-syarikat air ini di dalam negeri.

So, saya harap ya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Sebab sudah cukup masa walaupun saya ada banyak yang saya hendak bangkitkan, tetapi saya harap ini boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan bawa balik kepada kementerian untuk dibincangkan. Tengok macam mana kita boleh ambil cadangan ini untuk sistem yang terbaik.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, untuk industri ini maju ke hadapan dan untuk masa depan yang akan datang, kalaularah kementerian dan Kabinet tidak menaikkan tarif air di dalam negara ini dalam masa terdekat, industri ini kita akan ada masalah untuk *manage financial management* dia untuk masa depan yang akan datang. So, saya harap, saya sudah mula untuk bawa, menaikkan tarif air tetapi pada waktu itu susah.

Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan. Bukan saja untuk air tetapi untuk pembetungan juga dan IWK mesti dinaikkan tarifnya untuk kita ada satu *balance* yang cukup untuk kita *manage financially* bagi masa depan yang akan datang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *I rest my case.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kemaman.

### 3.24 ptg.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menarik perhatian kepada Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Saya ingin memohon perhatian kementerian supaya memberi perhatian terhadap hakisan pantai yang berlaku di Kemaman yang mana yang terbaru ini berlaku di Pantai Kijal di Daerah Kemaman.

Hempasan ombak yang tinggi didorong oleh fenomena air pasang yang besar dan angin kencang telah menyebabkan hakisan yang teruk di bahagian pantai tersebut. Apa yang lebih membimbangkan ketika ini adalah implikasi hakisan pantai yang berlaku menyebabkan pokok tumbang dan memberi kesan kepada kampung-kampung yang berdekatan serta dalam masa yang sama ia mengacau kelestarian pantai tersebut.

Oleh itu, saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian terhadap isu yang telah dibangkitkan ini. Seterusnya Butiran 020100 – Alam Sekitar. Saya menyokong penuh langkah kementerian untuk menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam

Sekitar yang akan tulang belakang kepada penguatkuasaan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Peningkatan kes-kes pencemaran di sumber sungai sememangnya menjadikan penubuhan unit ini suatu tepat pada masanya serta perlu mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Saya memandang pengenalan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar merupakan langkah yang positif dan proaktif daripada pihak kementerian bagi menangani kes-kes pencemaran yang berlaku ketika ini khususnya bahagian sumber sungai ke loji rawatan air.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mengenai penglibatan adaptasi teknologi bagi mengadvokasi langkah penubuhan unit cegah jenayah alam sekitar. Adaptasi teknologi ini melibatkan kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS), penggunaan inovasi dron serta pembangunan data raya yang perlu dibangunkan seiring dengan langkah penubuhan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar ini. Aspek-aspek teknologi ini sudah tentu akan membantu penguatkuasaan bagi memastikan aspek pencegahan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Persoalan saya, sejauh manakah aspek ini akan turut diberi perhatian oleh pihak kementerian? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bakri, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

### **3.27 ptg.**

**Puan Yeo Bee Yin [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bakri ingin merujuk kepada Butiran 020100 – Alam Sekitar. Saya ingin tahu, apakah perkembangan dalam inisiatif untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 ataupun mewujudkan akta yang baharu. Sebelum ini kami telah mulakan proses mengkaji semula AKAS dengan sasaran untuk membentang satu akta baharu ataupun pindaan yang komprehensif untuk mencegah dan menangani pencemaran pada tahun ini. Pada sidang Parlimen yang lepas, Yang Berhormat Menteri telah pun membuat komitmen untuk meneruskan inisiatif tersebut dan membuat komitmen juga untuk membawa pembentangan tahun ini.

Akan tetapi, sekarang nampaknya sudah lambat. Yang Berhormat Bakri ingin tahu, sejauh manakah perkembangannya. Adakah kementerian akan menganjurkan sesi libat urus bersama dengan NGO dan juga wakil rakyat untuk memberi input kepada kementerian apabila kita menggubal ataupun membuat pindaan AKAS 1974.

Apakah tarikh sasaran baharu untuk pembentangan dan akta baharu ini. Dalam butiran yang sama juga, Yang Berhormat Bakri juga ingin tahu, sejauh manakah

kementerian bersiap sedia untuk pelaksanaan pindaan *Basel Convention on Transboundary Movement of Hazardous Waste* yang telah diluluskan dalam *the 14th Conference of Parties* pada Mei 2019 di Geneva, Switzerland.

Sejak kita mula menghantar kontena-kontena plastik haram ke negara-negara asal, Malaysia telah menjadi suara negara-negara membangun untuk menentang pencemaran plastik akibat pengimportan plastik tercemar dari negara-negara maju. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendirian kita adalah kita hantar balik kontena tanpa menggunakan satu sen daripada kerajaan.

Caranya adalah dengan menggunakan klaus-klaus yang termaktub dalam *Basel Convention*. Pindaan baharu yang dibuat itu akan menjadikan pengawalan kemasukan sisa plastik lebih *straight forward* dengan izin dan komprehensif yang mana negara pengimport sisa plastik tercemar perlu mendapatkan *prior inform consent* daripada negara yang menerimanya sebelum sebarang pergerakan sisa merentasi sempadan dilakukan.

Pindaan ini akan berkuat kuasa 1 Januari 2021. Yang Berhormat Bakri ingin tahu apakah kesiapsiagaan kerajaan terhadap pelaksanaan pindaan tersebut. Adakah SOP-SOP yang telah kita lancarkan sebelum ini perlu diubah dan apakah detil yang kita ada untuk pelaksanaan pindaan ini. Seterusnya, Yang Berhormat Bakri juga ingin bangkitkan Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar.

Ini adalah satu perbelanjaan tahunan untuk perjanjian konsesi *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) yang telah pun ditandatangani pada 2017.

#### ■1530

Pada sidang yang lalu, saya telah pun menggesa kerajaan untuk meneruskan proses usaha perundingan semula perjanjian konsesi ini yang telah pun kami mulakan sebelum ini. Akan tetapi saya perhatikan dalam bajet ini butiran yang sama jumlah anggaran harga projek tidak diturun tetapi meningkat RM44 juta dari RM908 juta ke RM952 juta dan jumlah perbelanjaan tahunan meningkat dari RM69 juta ke RM83 juta untuk bajet tahun 2020 dan tahun 2021.

Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kenapa ada kenaikan dan bukan penurunan jika kita rundingan semula perjanjian konsesi ini. Kerajaan perlu memastikan bahawa perbelanjaan EQMP adalah *value for money*. Otherwise RM83 juta itu boleh digunakan untuk memperkasa Jabatan Alam Sekitar dengan memberi lebih jentera dan juga alatan-alatan terus kepada Jabatan Alam Sekitar.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang EQMP tersebut. Seterusnya, Bakri juga ingin merujuk kepada Butiran 040100 – Bertugas ke Luar Negara, yang telah pun mendapat peruntukan sebanyak RM500 ribu. *United Nations Climate Change 26 Conference of Parties* (COP 26) yang sebenarnya diadakan

tahun ini di Glasgow telah pun ditunda pada 1 hingga 12 November 2021, hujung tahun depan.

Adakah kerajaan akan menghantar delegasi ke COP 26 jika COVID-19 sudah stabil. Berkenaan dengan COP 26 apa yang sangat penting adalah berkenaan dengan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC). Adakah kerajaan akan mengkaji semula *National Determined Commitment* kerana ini adalah masa di mana negara-negara yang *sign Paris Agreement* untuk mengkaji semula NDC mereka.

Sebagai contoh Presiden Xi Jinping dari negara China telah pun membuat komitmen baharu untuk menjadikan negara China karbon neutral menjelang tahun 2060. China adalah salah satu penyertaan yang paling penting dalam kumpulan *negotiation*, rundingan *like minded developing countries* (LMDC) di mana Malaysia juga mengambil bahagian kerana kita hendak menggunakan kuasa kolektif untuk membuat perundingan, *leverage on group*.

Untuk membuat perundingan dengan negara-negara maju...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan Yang Berhormat, rumuskan habis.

**Puan Yeo Bee Yin [Bakri]:** Ya satu minit lagi. Dengan komitmen baharu daripada negara China, apakah pandangan kementerian berkenaan dengan impak terhadap rundingan LMDC dengan negara-negara maju berdasarkan prinsip *command but differentiated responsibility*.

Dalam topik yang sama butiran yang berbeza, Butiran 040300 – MGTC. Ada sedikit pembetulan, MGTC telah pun tukar nama kalau Yang Berhormat Menteri ada ambil notis. Sudah tukar nama kepada *Malaysia Green Technology and Climate Change Centre* tetapi dalam buku bajet ini masih lagi nama lama kerana mereka ada satu fungsi teras dan bahan iaitu sebagai badan yang menyelaras aktiviti-aktiviti perubahan iklim untuk kerajaan.

Berkenaan dengan fungsi baharu MGTC, Bakri ingin juga tahu apakah perkembangan pertumbuhan *Climate Change Centre* yang bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti mitigasi serta adaptasi perubahan iklim melibatkan pelbagai pihak di kerajaan dan swasta untuk meningkatkan kesiapsagaan Malaysia menghadapi perubahan iklim. Bagaimanakah pula dengan Majlis Koordinasi Kebangsaan Adaptasi dan Mitigasi Perubahan Iklim? Adakah ia masih berfungsi lagi dan apakah peranan yang dimainkan oleh Majlis dan juga *Climate Change Centre* ini?

Itu sahaja yang Bakri hendak bangkitkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kinabatangan, lima minit.

**3.34 ptg.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 020000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Butiran 030300 – Pengairan dan Saliran, seterusnya Butiran 07200 – Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, masalah hari ini kita hadapi iaitu hujan. Hujan ini di sana sini walaupun kita tidak mahu lebih-lebih lagi hari ini Yang Berhormat Menteri musim tengkujuh tetapi iklim dunia ini sudah berubah iaitu walaupun bukan musim tengkujuh, musim hujan tetapi hujan turun tidak berhenti-henti.

Saya ingin berbicara dalam konteks Sabah Tuan Pengerusi iaitu di Sabah ini ada beberapa daerah Yang Berhormat Menteri, yang sentiasa dilanda banjir kilat. Apabila turun hujan dari pagi sampai dua petang maka daerah itu, kampung itu akan tenggelam, kereta besar pun naik ke atas timbul. Ini mendatangkan mudarat dan musibah.

Jadi, saya mahu minta Yang Berhormat Menteri kementerian yang bijaksana ini, bagaimana cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat negeri Sabah ini. Bandar Kota Kinabalu sudah tentu terancam, Sepanggar terancam, Tuaran, Kota Belud, Beaufort, Sipitang, Tawau, Lahad Datu dan macam-macam termasuk Sandakan.

Jadi, ini berlarutan bertahun-tahun. Kita tidak tahu bila ada jalan penyelesaian sedangkan kita dimaklumkan di dalam Al-Quran, setiap permasalahan pasti akan ada penyelesaian. Setiap kesengsaraan, Dia kata pasti akan ada kesenangan. Jadi rakyat Sabah ingin bertanya, bila kesenangan itu agak-agak dapat diterjemahkan. Saya yakin Yang Berhormat Menteri yang bijaksana ini begitu prihatin tidak mahu melihat rakyat walaupun kita berada jauh di Sabah tetapi kita masih warganegara Malaysia dan kita berhadapan dengan masalah-masalah yang dihadapi ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengupas, boleh memberikan kami keyakinan di Sabah bahawa masalah ini akan dapat diselesaikan. Kedua Tuan Pengerusi, soal pencemaran alam sekitar. Sungai Kinabatangan ini panjangnya lebih kurang 560 lebih kilometer. Sudah banyak kali saya cakap, saya sentuh, saya hendak kan perhatian tetapi sungai ini malangnya daripada sebuah sungai yang bersih, yang airnya cantik sekarang sudah menjadi orang kata air milo suam.

Iaitu sudah menjadi kabut banyak juga faktor-faktor menyumbang iaitu ekoran daripada pembukaan ladang-ladang sawit, kilang-kilang sawit lebih kurang dekat 50 buah kilang kelapa sawit di sepanjang Kinabatangan ini dan sudah tentu akan menjurus ke arah pencemaran yang sengaja ataupun tidak sengaja. Justeru itu, apa perancangan kementerian ini untuk menjaga air ini.

Hal ini sebab air ini adalah waris daripada Allah dan kita disuruh menjaga, kita disuruh untuk mengawal air ini jangan tercemar sebab manusia ini boleh hidup tanpa makan selama tujuh hari tetapi manusia tidak akan bertahan lama apabila...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh sekejap, sikit sahaja.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, boleh. Gila tidak boleh.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bukan Sungai Kinabatangan sahaja Sungai Padas pun sama juga bermasalah juga dan minta juga dilihat sama.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Betul itu. Di Sungai Padas pun begitu dan kawasan ini pun sebetulnya apabila hujan tidak berhenti satu hari pun banjir juga. Jadi ini masalah-masalah ini perlu diambil perhatian. Kalau Yang Berhormat Menteri berkelapangan, kita akan jemput Yang Berhormat Menteri untuk turun melawat kawasan-kawasan yang ditimpa musibah ini.

Bantu kami, tolong kami. Kami ini memerlukan pertolongan daripada Kerajaan Persekutuan dan bapa Menteri. Sekian, saya menyokong terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit Buntar diikuti oleh Yang Berhormat Sabak Bernam.

### 3.39 ptg.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada Butiran 01000 yang melibatkan dasar pengurusan alam sekitar, Butiran 010200. Ada lebih kurang lima poin yang saya akan bangkitkan untuk diberi penjelasan di Dewan yang mulia ini.

### ■1540

Pertama ialah Dasar Teknologi Hijau. Kita tahu Dasar Teknologi Hijau ini secara relatifnya masih baharu di Malaysia. Apa yang saya perlu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah sejauh manakah pencapaian dasar ini berpandukan kepada beberapa tujuan yang dibuat dalam Dasar Teknologi Hijau ini dengan matlamatnya iaitu untuk kurangkan peningkatan penggunaan tenaga tetapi pada waktu yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi?

Seterusnya, Pertumbuhan Ekonomi Teknologi Hijau, Inovasi dan Dasar Pembangunan Mapan. Ini adalah merupakan pokok atau teras kepada pencapaian yang saya ingin minta penjelasan iaitu sejauh mana kita sudah capai semua matlamat tersebut?

Kedua, kita tahu bahawa salah satu daripada teras yang utama dalam perubahan iklim adalah untuk kita melaksanakan satu dasar ataupun program yang kita

namakan sebagai nyah-karbon (*decarbonization*). Saya ingin bertanya, dalam keadaan kita sangat bergantung kepada *fossil-centric economy*, sejauh manakah kita dapat mengatasi supaya tahap kebergantungan tenaga fosil itu dikurangkan? Ini kerana Malaysia adalah yang kedua terbesar dari sudut per kapita penggunaan fosil di rantau ini. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Ketiga ialah kita ada satu hala tuju yang kita namakan sebagai pembangunan berkarbon rendah ataupun *low carbon economy* yang mana ia juga sangat relevan dengan suasana *post COVID-19* yang akan kita lalui nanti. Kita tahu dalam hala tuju pembangunan berkarbon rendah itu melibatkan sektor, contohnya pengangkutan. Sejauh manakah tercapainya 40 peratus yang disasarkan sehingga tahun 2030? Begitu juga dengan pendaftaran kereta baharu yang disasarkan 100 peratus adalah hibrid ataupun menggunakan elektrik, sektor bangunan, sektor tenaga dan sektor air dan pengurusan sisa. Mohon penjelasan sejauh manakah hala tuju pembangunan yang dikatakan rendah karbon itu telah tercapai.

Seterusnya, yang keempat, saya ingin minta penjelasan kepada usaha-usaha untuk kita mengurangkan jejak karbon ataupun *carbon footprint*. Saya difahamkan pelaksanaan kaedah untuk kita membuat kiraan itu dipandukan juga kepada GDP negara. Dalam keadaan ekonomi hari ini di mana kita tahu penguncutan berlaku, apakah ini memberi kesan kepada usaha yang dinamakan sebagai *greenhouse gas* itu? Sejauh manakah ia terkesan dalam keadaan ekonomi— sebab kita membuat perkiraan itu mengikut GDP dan bukan mutlak penghapusan atau pengurangan, tetapi mengikut GDP.

Akhirnya, ini persoalan yang lebih melibatkan penyelarasan antara Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Asli dan Jabatan Perhutanan kerana ia melibatkan pendekatan mitigasi, *mitigation process* yang melibatkan pemuliharaan pengurusan hutan serta apa yang dinamakan bagi kita meningkatkan pemendapan karbon ataupun *carbon sink* yang mana daripada sudut sumbang *carbon sink* ini kepada *greenhouse gas* (GHG) ini, ia menyumbang 90 peratus kepada keberkesanan.

Walaupun saya tahu ini bukan di bidang kementerian tetapi oleh sebab ia duduk di dalam satu keperluan *greenhouse gas* (GHG) ini, maka saya ingin bertanya sejauh manakah isu penyelarasan ini dibuat dengan berjaya dengan pihak perladangan yang melibatkan soal kelapa sawit dan sebagainya? Ini kerana, kita tahu di dalam kelapa sawit ada dinamakan sebagai amalan *No Deforestation, No Peat, No Exploitation* (NDPE). Ketiga-tiga itu melibatkan Kementerian Sumber Manusia daripada segi *exploitation*, melibatkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi daripada segi industri sawit dan juga Kementerian Tenaga dan Sumber Asli iaitu *no deforestation*.

Jadi, saya hendak tahu, bagaimana konsep yang besar GHG ini dapat diselaraskan? Supaya kita tidak mahu isu alam sekitar dan isu perubahan iklim ini tidak diinstitusikan sebagai satu keperluan menyeluruh dan bukan sekadar satu segmen dalam kementerian.

Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Menteri akan menjawab sekitar jam 3.50 petang, tetapi saya ada lagi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam. Ada lagi yang berminat? Baik. Kemudian diikuti oleh— saya ambil satu lagi *last*. Yang Berhormat Simpang Renggam, kemudian Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam dahulu.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Batu. Batu pun ada. Batu pun ada tulis.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Sik mohon juga.

### 3.45 ptg.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang, walaupun jaguh-jaguh di depan itu ada.

Pertama, saya ingin hendak menyentuh Butiran 030000 – Pengurusan Air dan Pembetungan, khususnya Butiran 030200 – Perkhidmatan Pembetungan yang mendapat peruntukan sebanyak RM24,488,900. Saya ingin menyentuh berhubung dengan dua projek kritikal JPS di Parlimen Sabak Bernam untuk menaikkan taraf pintu air Benteng Kepah dengan anggaran peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menggantikan pintu air yang telah uzur.

Pintu air ini adalah untuk membuang air lebih daripada Sungai Apong, Kampung Teluk Rhu dan Kampung Parit Baru terus ke laut bagi mengelakkan kejadian banjir apabila berlaku kejadian hujan yang lebat. Beberapa kali apabila hujan lebat, bermakna kawasan di Sungai Tawar itu akan banjir. Saya mengharapkan untuk menaikkan Benteng Sungai Lang dengan anggaran peruntukan sebanyak RM6 juta bagi memperkuatkan Benteng Pantai daripada kejadian fenomena air pasang besar yang boleh menyebabkan banjir besar berlaku.

Saya ingin mendapat penjelasan iaitu apakah status kedua-dua projek kritikal ini dan berharap kerajaan akan segera melaksanakan kerana kita amat bimbang dan khuatir jika projek ini lambat dilaksanakan dan berlaku fenomena air pasang besar akan berlaku banjir besar yang bukan sahaja merosakkan tanaman tetapi juga rumah kediaman serta mengancam nyawa.

Kedua, berhubung dengan Butiran 030000 – Pengurusan Air dan Pembetungan khususnya Butiran 030300 – Pengairan dan Saliran yang mendapat peruntukan

sebanyak RM160,970,500 tahun 2021 berbanding RM108,055,000 tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 35 peratus pada Bajet 2021.

Saya ingin menyentuh berhubung bekalan air ke sawah-sawah padi yang merupakan tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor. Selain Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga mendapat peruntukan untuk membaik palung di sawah-sawah padi.

Kawasan Parlimen Sabak Bernam mempunyai keluasan 3,235,079 hektar sawah padi. Kebanyakan palung-palung yang sedia ada didapati banyak yang telah rosak dan bocor kerana kebanyakannya telah berusia 30 tahun. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Alam Sekitar dan Air jumlah peruntukan yang disediakan bagi pembaikan palung untuk sawah-sawah di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Saya merayu kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) supaya prihatin terhadap nasib pesawah-pesawah di seluruh negara termasuklah di Parlimen Sabak Bernam supaya menyegerakan pembaikan palung-palung ini bagi memastikan pendapatan pesawah tidak terjejas.

Akhir sekali berhubung dengan Butiran 03000 – Pengurusan Air dan Pembetungan. Saya ingin menyentuh secara khusus Butiran 030400 – Bekalan Air Ibu Pejabat mengenai masalah gangguan bekalan air di negeri Selangor yang sering berlaku. Setakat ini sudah 14 kali pada tahun ini sahaja.

#### ■1550

Baru-baru ini sekali lagi berlaku gangguan bekalan air pada 4 September yang membabitkan hampir 1.2 juta akaun di tujuh buah wilayah Lembah Klang. Saya ingin mendapat penjelasan. Apakah punca gangguan bekalan air yang sering berlaku di negeri Selangor ini? Nyatakan langkah dan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di negeri Selangor ini supaya tidak terus berulang.

Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai hujan yang tinggi, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji untuk menggunakan *water reclamation system* dan *tuber rail* dengan izin bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Selangor termasuklah di Lembah Klang. Setakat manakah kemampuan loji rawatan air boleh mengatasi masalah pencemaran air di loji rawatan air ini dengan lebih cepat dan berkesan? Apakah indikator pencemaran sungai menggunakan TON ataupun bau, bukan indeks kualiti air mengikut Jabatan Alam Sekitar?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Sebenarnya masa 45 minit dah cukup.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Satu lagi.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi dah janji tadi.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, boleh bagi sebab tiada belah bahagi hari ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Kita tunggu sejam di sini.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi dah janji tadi, Simpang Renggam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Butiran boleh kurangkan tiga minit Yang Berhormat Simpang Renggam?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tiga, tiga. Boleh-boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Simpang Renggam tiga minit, kemudian Yang Berhormat Tanjung Karang tiga minit. Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Pengerusi, saya...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang lain minta mencelah, *please*. Yang Berhormat Padang Serai. Sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

### **3.52 ptg.**

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Butiran 06400 dan 15200 berkaitan Rancangan Bekalan Air Johor dan Rawatan Air Sungai. Sebelum tahun 2019, selama lebih sedekad, kawasan Simpang Renggam menghadapi dua musibah besar. Pertama, sampah yang dilupuskan di tapak pelupusan sampah di Ladang CEP Simpang Renggam. Ini telah menyebabkan bau busuk daripada kawasan pelupusan sampah ini dan menyebabkan pencemaran udara, bau dan mengganggu keselesaan hidup warga penduduk Renggam.

Manakala limpahan larut lesap (*leachate*) daripada sampah tersebut telah memasuki Sungai Benut yang membekalkan air bersih kepada penduduk Simpang Renggam dan Pontian Utara. Kesannya, selama lebih sedekad apabila hujan lebat, air larut lesap masuk ke dalam Sungai Benut dan menyebabkan pencemaran air dan pembekalan air bersih terpaksa dihentikan oleh Loji Rawatan Air Simpang Renggam kerana kandungan ammonia yang amat tinggi.

Maka penduduk akan mengalami masalah bekalan air. Lazimnya apabila hujan lebat, rakyat Simpang Renggam akan mengalami masalah ketiadaan air. Ini telah berlaku lebih sedekad lamanya, sebelum tahun 2019. *Alhamdulillah* setelah Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, melalui Titah Tuanku Sultan Johor dan juga dengan bantuan dari KPKT, pada tahun 2019, kawasan pelupusan sampah tersebut telah

berjaya ditutup dengan selamat. Maka, semenjak penghujung 2019 di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, masalah sampah dan tiada air ketika hujan dan pencemaran sungai telah dapat diselesaikan.

Jika penduduk mengalami masalah air sekalipun di waktu ini, ianya disebabkan oleh sama ada paip pecah, masalah tekanan ataupun masalah teknikal daripada pihak Syarikat Air Johor (SAJ) dan bukan lagi disebabkan oleh tapak pelupusan sampah dan air larut limpah atau pun *leachate* dengan izin daripada tapak pelupusan sampah CEP Simpang Renggam lagi.

Isu lebih sedekad telah dapat Kerajaan Pakatan Harapan selesaikan kurang dari dua tahun di Simpang Renggam. Walau bagaimanapun, mutakhir ini melalui laporan dari Syarikat Air Johor (SAJ) dan juga aduan para penduduk Simpang Renggam, masih terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah menyebabkan pencemaran di sungai yang membekalkan air bersih kepada penduduk Simpang Renggam. Walaupun dalam skala yang tidak sebesar dahulu, namun pencemaran masih lagi berlaku.

Menurut laporan dan aduan tersebut, terdapat tiga faktor pencemaran air Sungai Benut yang telah mengakibatkan peningkatan kadar ammonia dalam air sungai iaitu:

- (i) pelepasan sisa-sisa rawatan Indah Water Konsortium (IWK) ke dalam Sungai Benut; dan
- (ii) terdapat kilang-kilang pelupusan barang-barang elektronik dan kitar semula barang elektronik yang telah membuang sisa kimia ke dalam sungai ataupun melakukan proses pelupusan yang tidak mengikuti SOP yang telah menyebabkan pengaliran masuk sisa kimia ke dalam sungai, sekali gus mencemarkan bekalan air tersebut.

Kegiatan pihak ini membakar bahan elektronik untuk tujuan pelupusan juga telah menyebabkan pencemaran udara serta menjelaskan kualiti kehidupan warga Simpang Renggam terutamanya di kawasan Machap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta rumuskan Yang Berhormat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Okey. Hal ini telah dibantah dan dilaporkan berkali-kali oleh penduduk dan telah mendapat liputan media. Malangnya, tiada tindakan tegas yang diambil dan ini amat dikesalkan.

Punca ketiga pencemaran juga menurut aduan para penduduk ialah ladang ternakan ayam yang beroperasi melata tetapi tidak mengikuti SOP pelupusan najis ayam ternakan mereka di kawasan Simpang Renggam. Menurut aduan rakyat, baja tahi ayam dari ladang-ladang tersebut telah digunakan di ladang-ladang sawit sepanjang

aliran Sungai Benut. Menurut para penduduk juga, hal ini telah menyebabkan bilangan alat semakin bertambah dan menimbulkan rasa tidak selesa para penduduk.

Hasil pemerhatian pelbagai pihak, keadaan ini adalah berpuncanya daripada ladang ternakan ayam yang tidak menguruskan najis ayam ternakan mereka secara sepatutnya. Hal ini pernah mendapat perhatian media tetapi tiada tindakan tegas daripada pihak berkuasa terutamanya daripada Jabatan Alam Sekitar. Saya menyeru pihak kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri yang pernah berjanji dengan saya untuk datang ke Simpang Renggam dan membantu kami para penduduk bagi melihat sendiri punca-punca pencemaran ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa dah tamat dah Yang Berhormat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Warga Simpang Renggam amat mengharapkan tindakan tegas oleh pihak kementerian bersama pihak-pihak lain yang terlibat. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya menjemput Yang Berhormat Tanjung Karang.

### **3.57 ptg.**

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi tiga minit. Saya cuba tamatkan, tak macam Yang Berhormat Simpang Renggam, lebih daripada masa yang diberi.

Saya terus pergi ke Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Saya hendak merayu kepada pihak kementerian supaya turun ke padang melihat sendiri bagaimana pantai terutamanya Pantai Sungai Kajang. Bila air pasang, air akan melanda dan masuk kampung, seperti biasa tentulah akan merosakkan tanaman dan hasil-hasil pertanian. Yang istimewanya Pantai Sungai Kajang ini Tuan Pengerusi, penduduk kampung buat gotong-royong hendak menjadikan Pantai Sungai Kajang ini sebagai pantai daya tarikan pelancong tetapi malangnya apabila pantai itu berlaku air pasang, maka benteng pantai itu tidak mampu untuk menahan air tersebut.

Saya telah pun menulis surat secara rasmi kepada Ketua Pengarah JPS pada 9 Oktober. Salinan suratnya ada pada saya ini. Jadi saya harap akan dapat tindakan segera dan peruntukan yang diperlukan tidaklah banyak sangat, lebih RM1.7 juta daripada peruntukan yang diberi saya tengok RM57.2 juta.

Kedua, 9600 – Bahagian Bekalan Air. Saya hendak sambung sedikit daripada sahabat saya, Yang Berhormat Sabak Bernam tadi yang bangkit- Selangor. Ini malu, negeri maju tetapi dah terkenal negeri Selangor airnya berlebih-lebih tetapi air tidak ada. Jadi kalau siapa yang tengok muka tak mandi, itu maknanya orang Selangorlah.

Mungkin sebab air selalu tidak ada, kasihan. Kalau tengok dalam bandar lagi kita kasihan tengok. Yang Berhormat Gombak pun samalah, mandi lain kali Yang Berhormat Gombak, air dia okey. *[Ketawa]*

Maksud saya ialah ini- tolong. Saya hendak dapat kepastian dalam Dewan ini, hendak salahkan siapa ini pencemaran sungai? Hendak salahkan kerajaan negeri ataupun kementerian? Atau adakah *taskforce* buat kerjasama bersama-sama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Bagi saya, mudah sahaja benda ini, pergilah turun padang tengok. Kalau buat kilang-kilang haram sepertimana Yang Berhormat Simpang Renggam cakap tadi itu, betul.

Mengapa tidak ambil tindakan? Kalau tengok status tanah pun dah tahu dah kalau kilang itu dibuat di atas tanah pertanian, sudah tentulah tidak boleh. Kalau buat atas tanah komersial sekalipun, tetapi tidak memenuhi syarat-syarat PBT, tentulah tidak boleh. Mana boleh bagi amaran, mesti diambil tindakan segera. Jadi saya hendak dapat penjelasan, nak salahkan Kerajaan *Federal* ataupun kerajaan negeri, khususnya negeri Selangor bila pencemaran air ini tidak berhenti-henti berlaku. Terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh saya satu soalan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, sila Yang Berhormat Ipoh Barat, kemudian Yang Berhormat Arau *last*. Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

## ■1600

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kita ada masalah besar di Ipoh, di mana kerap kali hujan ada banjir di Hock On Garden, di Kampung Taili, di Lim Garden dan sebagainya, dan Taman Suria. Saya difahamkan dalam perbincangan yang kita adakan dengan JPS, nampaknya tidak ada kewangan yang cukup untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Oleh sebab tersebut, banyak di mana rakyat sangat susah di sana dan ini adalah kerana sungai tidak dikorek beberapa lama, tidak ada ban-ban diwujudkan yang cukup dan tidak ada *flood gate* yang cukup. Saya juga difahamkan jika diagihkan sebanyak RM5 juta sahaja, semua masalah banjir di sana dapat diatasi. Saya pohon agar inisiatif ini dibuat supaya jangan ia berlanjutan.

Saya difahamkan tahun ini sahaja, banjir setiap bulan. Jika kerajaan berniat untuk menolong masyarakat, saya harap tumpuan dibuat untuk mengatasi masalah-masalah banjir di Ipoh khususnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Terakhir, saya jemput Yang Berhormat Arau.

#### 4.01 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Terima kasih. Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Kita tahu bahawa tanah ialah hak negeri, hak berkuasa negeri. Hutan hak negeri. Air hak negeri dan banyak perkara yang berlaku, Kerajaan Persekutuan tidak boleh campur tangan. Banyak perlanggaran syarat-syarat pembukaan hutan sama ada cara sah ataupun tidak sah, yang melanggar peraturan. Akan tetapi kerajaan mempunyai satu pendekatan, senjata yang terakhir iaitu Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi, sahabat saya, boleh melihat ini supaya tindakan diambil. Oleh kerana kerajaan negeri juga tidak mampu untuk mengambil tindakan kepada perkara yang berlaku. Contohnya, penerokaan tanah haram ataupun penerokaan haram di Cameron Highlands dan juga di Lojing. Mereka telah melanggar syarat cerun iaitu tiap-tiap kawasan pertanian ia mesti ada kadar cerunnya. Saya kurang pasti berapa, mungkin bekas Menteri tahu iaitu ia ada kadar cerun, saya ingat 30 peratus. Kalau ia melebihi 30 peratus, ia telah melanggar Jabatan Alam Sekitar, tindakan kena ambil.

Kerajaan negeri sendiri minta tolong Kerajaan Pusat supaya ambil tindakan kepada orang yang melanggar syarat ini. Akan tetapi ia bukan melanggar syarat, membuka hutan itu sendiri telah melanggar syarat, mencuri buka hutan. Akan tetapi dalam masa yang sama, melanggar syarat kerana kawasan yang diteroka itu cerunnya di tahap yang teruk. Ia bukan sahaja mengancam alam sekitar tetapi ia boleh mengancam nyawa di masa akan datang, akan timbulkan tanah runtuh dan sebagainya.

Jadi, Jabatan Alam Sekitar ini saya setuju diperkuatkan, dipermantapkan dengan menggerakkan tindakan secara besar-besaran kepada penerokaan tanah yang melanggar hak cerun untuk kawasan pertanian itu, melanggar hak cerun yang telah dibenarkan. Kemudian kerajaan negeri sendiri boleh ambil tindakan kerana mereka membuka kawasan tanah hutan ataupun tanah negeri yang tidak dibenarkan.

Penerokaan ini berlaku dua jenis. Satu yang dibuat oleh orang tempatan dan yang keduanya oleh orang luar. Contohnya, seorang pekerja asing, mereka mengerjakan tanah tanam sayur di Cameron Highlands. Mereka bukan sahaja- tanah itu tanah yang telah diteroka secara haram tetapi mereka sendiri meneroka tanah itu, contohnya kalau taukenya ada lima ekar, dia akan teroka satu ekar untuk dia sendiri.

Nampaknya usaha penerokaan haram itu bukan sahaja dibuat oleh orang tempatan tetapi juga dibuat oleh orang luar. Keduanya, ditaja oleh tauke-tauke luar. Tauke luar sendiri yang menaja supaya kita mencuri kawasan yang begitu penting. Dalam Malaysia ini antara tempat yang Allah Taala bagi *aircond free* ini, percuma ini adalah di Cameron Highlands, di Lojing. Jadi, ini merupakan bukan aset kerajaan negeri sahaja, aset negara. Lebih untung kita menjaga kawasan ini untuk orang datang

melancong, daripada kita membiarkan orang menanam sayur dengan tidak ikut peraturan.

Saya beritahu bahawa tempat pelancongan yang berkenaan sekarang ini merupakan kawasan yang agak tercemar. Kita melihat kawasan itu sudah menjadi kawasan lalat, di kedai makan penuh dengan lalat dan sebagainya. Jadi, usaha pelancongan dengan pertanian ini tidak boleh di sekali-kali kerana pertanian akan melibatkan penggunaan taik ayam, baja dan sebagainya yang melibatkan kehadiran lalat dan dalam masa yang sama kita menggalakkan pelancongan.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, masa sudah tamat. Minta rumuskan, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebenarnya bagi perhatian kepada- Tuan Penggerusi, bagi perhatian kepada usaha pelancongan, pelanconganlah. Dalam masa yang sama, elakkan mereka meneroka tanah-tanah haram. Oleh kerana lebih mahal untungnya kerajaan dapat dengan menggalakkan pelancongan daripada kita membiarkan penerokaan haram yang dibuat oleh orang tempatan dengan orang luar. Saya menyokong kementerian ini dengan hebatnya. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk 15 minit. Sila.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tuan Penggerusi, Yang Berhormat Arau sudah makan sedikit, kena bagi dekat sebelah sini sedikit. Yang Berhormat Arau sudah makan masa lebih, sekarang bagi kita.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan cemburu.

#### 4.06 ptg.

**Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca doa aluan]* Pertama sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada para pembahas yang keseluruhannya lebih kurang 14 orang, termasuk tiga yang membahas di peringkat usul. Sebahagian di antara yang dibangkitkan itu, saya yakin dengan masa yang diberi, saya tidak sempat menjawab keseluruhannya.

Bagaimanapun saya akan beri fokus kepada beberapa perkara secara asas dan saya akan lihat kepada satu-persatu perkara-perkara yang dibangkitkan secara khusus. Untuk makluman sekalian, bahawa Yang Berhormat Kuantan telah pun membangkitkan isu belanjawan peruntukan yang naik mendadak. Saya hendak jelaskan bahawa bagi Belanjawan 2020, KASA tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus bagi aktiviti pengurusan. Penguntukan kepada KASA hanya diterima semasa penguntukan semula peruntukan tahun 2020 pada Mei 2020 dengan pembentukan sebuah kementerian baru.

Untuk itu, peningkatan peruntukan daripada RM2.67 juta kepada RM39.91 juta lagi bagi menampung kepelbagaian keperluan kementerian yang diperuntukkan semula dan pembentukan kementerian baru yang melibatkan perbelanjaan emolumen, sewaan, perolehan aset dan pengoperasian kementerian. Yang Berhormat Kuantan juga menimbulkan isu tentang Unit Jenayah Alam Sekitar kerana tidak ada satu peruntukan yang dikhususkan.

Untuk makluman, bahawa kita telah pun mula operasi mulai 1 Oktober 2020 secara pentadbiran. Bermaksud bahawa ia masih kita menggunakan apa yang sedia ada pada waktu ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman hingga setakat ini, kita bersama dengan pihak-pihak yang terlibat, termasuklah Jabatan Alam Sekitar, PDRM, SPAN dan Jabatan Biokeselamatan. Hingga setakat ini, kita telah pun memulakan operasi.

Untuk makluman, daripada 1 Oktober Unit Jenayah Alam Sekitar ini telah pun beroperasi sebanyak lima kali bersama dengan PDRM. Ternyata hasilnya sangat positif dan kementerian memberi perhatian yang sangat serius isu penubuhan Unit Jenayah Alam Sekitar. Kita yakin perkara ini akan kita mohon dalam peruntukan nanti sebagai memperkasakan cadangan yang telah pun dibuat oleh pihak kementerian. Kemudian saya hendak bangkitkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, menimbulkan isu air.

Saya hendak jelaskan begini, isu yang berlaku pencemaran air di Selangor ini banyak Yang Berhormat telah bangkitkan. Pertama sekali, ia melibatkan isu pencemaran bau. Kita di peringkat air, satu ton itu telah kita tutup loji. Oleh sebab ia kalau kita minum pun, kesan bau, kalau masuk pun ada bau. Maka, apa yang kita buat sekarang ini ialah setelah kita meneliti, apakah punca penyelesaian kepada langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kementerian.

Pertama, perlunya kita ada sumber alternatif bila sungai utama berlaku pencemaran. Lantaran itu kita telah pun memperkasakan beberapa Program Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) sebagai satu alternatif sekiranya sumber utama itu tercemar. Maka, loji boleh mengambil air dari sumber yang kedua, daripada TAPS supaya bekalan air kepada pengguna tidak putus. Ini dalam kerangka besar kita. Untuk makluman, TAPS ini telah pun kita mula dalam RMKe-11.

Untuk makluman, 11 TAPS telah pun dibina iaitu TAPS Jernih, TAPS Melaka, TAPS Sungai Johor dan TAPS Linggi yang telah diperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion. KASA memperluaskan penggunaan air boleh guna juga dibangkitkan oleh beberapa pihak tadi, *reclamation water* ini. Air boleh guna atau air tebus guna ini kita gunakan kembali. Kita telah memperkasakan beberapa program supaya kilang-kilang industri ini dapat menggunakan balik supaya kita boleh menjimatkan penggunaan air mentah yang dibekalkan kepada pengguna.

Di samping itu, kita meletakkan sasaran bagi air tebus guna ini kepada 1,500 juta liter sehari yang dapat dimanfaatkan oleh pihak industri.

**■1610**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri berkait dengan cara untuk alirkan air supaya tidak ada gangguan air untuk orang ramai. Akan tetapi, soalan di sini bukan apa yang berlaku selepas sungai itu dicemarkan. Soalan itu macam mana kita boleh memberhentikan pencemaran sebelum pencemaran itu berlaku?

So, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat yang juga dilontarkan oleh Yang Berhormat yang lain iaitu adakah kerajaan ada pelan untuk mengatasi pencemaran sebelum ia masuk kepada sungai? Itu yang pokok. Selepas pencemaran itu, *after thought*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih. Sebenarnya apa yang kita lihat sekarang ini kita ada tingkatkan penguatkuasaan dari segi operasi bersama dengan unit-unit alam sekitar tadi memastikan bahawa pencemaran tidak berlaku. Walau bagaimanapun, penglibatan beberapa pihak termasuk kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan sebagainya bagi mengawasi kilang-kilang di sepanjang sungai. Di samping itu, kita juga meningkatkan keupayaan dari segi peralatan supaya pencemaran itu tidak berlaku.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menjamin bahawa 100 peratus tidak akan berlaku pencemaran sepanjang sungai kerana keluasan sungai tersebut dan realiti yang sedang berlaku sekarang ini. Apa yang kita buat di kementerian ialah kalau sekiranya ditakdirkan berlaku juga pencemaran dan pengguna tidak terputus bekalan, apa alternatif? Di samping kita mencegah supaya jangan berlaku pencemaran.

Untuk makluman, daripada apa yang berlaku ini, pencemaran hanya berlaku pada Selangor pada dua sungai berbanding dengan beribu lagi kita punya loji rawatan air di seluruh negara. Dengan kata lain bahawa insiden begini kita cuba atasi di peringkat awal supaya tidak berlaku pencegahan. Oleh sebab itu, kita memantau semua kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan terjadual dan pelupusan bahan tersebut dapat disempurnakan di samping kita meningkatkan beberapa tindakan-tindakan pengawalan kepada sumber-sumber tersebut.

Jadi, selain daripada itu, saya telah sebut tadi ialah soal apa alternatif yang mesti kita laksanakan supaya yang penting, bekalan pada pengguna tidak terputus sewaktu mana sungai kita tercemar.

Yang Berhormat Kuala Langat juga membangkitkan isu bekalan air seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia, daripada sebanyak RM670.475 juta peruntukan diluluskan untuk projek bekalan air pada tahun 2021, sejumlah RM399.65 juta adalah secara langsung dan sejumlah RM275.1 juta adalah secara pinjaman.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf loji air seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM270,108,100, kerja-kerja pemasangan dan penggantian paip agihan ke seluruh negara sebanyak RM38,200,500 dan kerja-kerja pembinaan Takungan Air Pinggiran (TAPS) yang saya sebutkan tadi adalah sebanyak RM14,000,100 dan kerja-kerja pembinaan empangan seluruh negara diperuntukkan sebanyak RM63 juta.

Projek Penyaluran Air Mentah juga dibangkitkan tadi ialah—untuk makluman, isu yang dibangkitkan ialah penyaluran air mentah daripada Pulau Pinang. Kita sedang mengadakan perundingan dan pertemuan telah pun diadakan dengan pihak Kerajaan Perak untuk menyelesaikan isu bekalan air yang diminta oleh Pulau Pinang daripada sumber daripada negeri Perak. Saya yakin penyelesaian dapat kita laksanakan. Untuk makluman juga, Perak bersedia dengan memenuhi segala keperluan dia lebih awal sebelum dia jual ke Pulau Pinang.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Itu yang ada satu masalah. Bukan seorang hendak jual air mentah, seorang hendak beli air terawat. Tak apa.

Saya hendak bangkitkan satu perkara yang dibincangkan di sini. Bukan sahaja Kementerian Air ini jaga isu air, Kementerian Luar Bandar pun menjaga isu air. Kementerian Luar Bandar dia punya peruntukan ialah sebanyak RM622,500,000. Kalau kita tidak ada kawalan di Kementerian Air dan kalau ada masalah, ini akan dibangkitkan dan yang jawab itu ialah Kementerian Air juga sebab saya ada sedikit pengalaman dengan isu macam ini.

Yang Berhormat Beaufort ada di sini? Yang Berhormat Beaufort ada. Kalau Yang Berhormat Menteri tanya Yang Berhormat Beaufort, dia akan ceritalah isu air di Beaufort ini.

Juga, saya tengok projek sistem bekalan air untuk FELDA bukan di dalam peruntukan Kementerian Air tetapi di dalam Jabatan Perdana Menteri. Itu pun RM51 juta.

Saya minta Yang Berhormat Menteri bincang di dalam Kabinet, kalau ada isu air ini, bawa kepada satu Menteri cukup. Lain Menteri tak payah *handle* lah sebab you punya *planning* itu, selepas itu lebih senang untuk pegawai-pegawai kita di dalam

Kementerian Air untuk ambil tindakan dan juga macam mana cepatnya kita boleh selesai isu ini.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Okey, terima kasih. Untuk makluman, sebenarnya saya pun telah bangkitkan isu ini kerana banyak agensi yang melibatkan pengurusan air luar bandar bawah kementerian lain dan sebagainya. Saya setuju bahawa penyelarasan di peringkat ini perlu dilaksanakan supaya isu-isu bekalan air termasuk juga, untuk makluman, termasuk juga di bawah Kementerian Kesihatan juga menyediakan bekalan air di luar bandar dan ini saya yakin dengan perbincangan, kita akan atasi perkara-perkara tersebut supaya ada penyelarasan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat.

Yang Berhormat Kuala Langat juga ada menimbulkan pencemaran plastik. Kita mempunyai hala tuju yang jelas bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna. *Roadmap* ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030, kita masih kuatkuasakan. Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Kerajaan Tempatan bermesyuarat pada bulan November telah pun sebulat suara bersetuju semua kerajaan negeri menjelang tahun 2022 mengambil tindakan bagi mengurangkan plastik sekali guna terutama bagi plastik yang dibekalkan di kilang industri.

Saya akui bahawa punca pencemaran plastik ini sangat serius terutama di kawasan-kawasan bila berlaku banjir kilat dan di antara puncanya ialah plastik-plastik yang tidak diurus dengan baik. Kita masih konsisten dengan polisi yang dibuat oleh pihak kerajaan sebelum ini dan bagi saya, mana-mana polisi baik, kita akan teruskan dan kita akan perkukuhkan.

Pertama, Yang Berhormat Kuala Langat juga menimbulkan beberapa isu peruntukan bekalan air yang tidak mencukupi. Untuk makluman, peruntukan sebenar bertambah daripada sebanyak RM638 juta pada tahun 2020 kepada sebanyak RM674.75 juta pada tahun 2021.

Kedua ialah adakah bekalan air bersih dimasukkan di bawah Akta Keselamatan Negara? Perkara ini juga dalam perundingan supaya isu yang dimaksudkan diletakkan di bawah Akta Keselamatan.

Ketiga, dibangkitkan ialah soal tumpuan bajet kepada negeri-negeri bermasalah. Untuk makluman, bajet bekalan air memang menumpukan kepada negeri-negeri yang bermasalah seperti naik taraf loji sebanyak RM207 juta, penggantian paip sebanyak RM38 juta, TAPS sebanyak RM14 juta, empangan sebanyak RM63 juta dan NRW negara sebanyak RM268.9 juta.

Manakala cadangan untuk convert ataupun saham dimasukkan ke dalam operator air, perkara ini perlukan rundingan panjang dengan pihak-pihak kerajaan negeri atau operator air negeri.

Ada yang dibangkitkan soal tarif air yang perlu dinaikkan. Untuk makluman, pihak kementerian kita pun mengambil berat isu ini. Akan tetapi, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, zaman Yang Berhormat pun tidak sesuai dan sekarang dengan keadaan rakyat yang susah, bebanan ekonomi yang serius, kita perlu mengambil masa sedikit supaya bebanan tidak letak kepada rakyat pada waktu-waktu ini.

Yang Berhormat Bakri menimbulkan tentang pembelajaran EQMP. Rundingan masih diteruskan dalam perjanjian EQMP yang melibatkan UKAS, JAS, KASA dan Jabatan Peguam Negara. Peruntukan tahun 2021 bagi EQMP adalah sebanyak RM60 juta dan tiada peruntukan tambahan.

Tentang hakisan pantai dibangkitkan— Yang Berhormat Bakri menimbulkan banyak persoalan. Sebahagian itu saya akan jawab. Sebenarnya oleh sebab ada kekangan masa, saya akan beri secara bertulis. Sedikit sahaja.

**Puan Yeo Bee Yin [Bakri]:** Tuan Pengerusi, boleh minta Yang Berhormat Menteri untuk bagi secara bertulis tentang Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar? Sebab biasanya dalam butiran ini adalah untuk EQMP tetapi sekarang pecahan— kalau boleh secara bertulis beri kita apakah pecahan di dalam Butiran 07200 ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Bakri.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Okey, kalau untuk saya jawab secara ringkas. Penyaluran pembiayaan EQMP ini seperti berikut ya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM199 juta bagi pelaksanaan projek bermula Julai 2017. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas...

**Puan Yeo Bee Yin [Bakri]:** Tak payah panjang. Boleh jawab secara bertulis.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya akan jawab bertulis ya. Terima kasih.

Yang Berhormat Kemaman menimbulkan hakisan pantai. Pihak kementerian akan membuat siasatan dan akan memantau dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman juga, bahawa kita telah memohon dalam peruntukan RMKe-12 RP kedua tentang hakisan pantai di Kemaman.

Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu banjir. Saya ringkaskan. Untuk menangani isu banjir, Bajet 2021 telah diperuntukkan sebanyak RM569.3 juta bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir. Pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir ini melibatkan tiga projek meliputi seluruh negara. Kalau saya boleh ringkaskan, bahawa negeri-negeri yang mendapatkan peruntukan bagi RTB ialah Sabah 17 projek sebanyak RM109 juta, Kedah sembilan projek sebanyak RM53.7 juta, Pahang lima projek sebanyak RM49 juta dan Kelantan empat projek sebanyak RM49 juta. Negeri-negeri lain saya akan *list* kan secara bertulis. Perak...

■1620

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Negeri Perak?**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Negeri Perak ada lapan projek sebanyak RM20,110,000 diperuntukkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya harap di Ipoh adalah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya. Sudah ada dalam peruntukkan. Yang Berhormat Kinabatangan, untuk makluman bagi mengatasi masalah banjir di negeri Sabah, kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam sebagai rujukan perancangan infrastruktur di kawasan tersebut. Penglibatan pihak berkuasa tempatan juga adalah amat penting dan saya suka menambahkan sedikit bahawa isu-isu banjir ini dia melibatkan pelbagai agensi dan pelbagai pihak selain daripada PBT, pihak kerajaan negeri dan sebagainya.

Pihak kementerian melalui JPS juga mengambil perhatian yang serius dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM746 juta bagi pelaksanaan projek-projek rancangan tebatan banjir (RTB) di negeri Sabah yang dilaksanakan oleh pihak JPS sebagai agensi pelaksana. Sebanyak lapan projek dalam peringkat pelaksanaan di tapak, manakala tujuh projek di peringkat awalan bagi merangkumi kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Sepanggar dan kawasan-kawasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, masa...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya masa sudah tidak ada. Akan tetapi ada beberapa soalan lagi yang saya tidak sempat. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang membangkitkan isu ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh buat jawapan bertulis.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, pendek sahaja.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya akan jawab secara bertulislah sebab sebahagiannya...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ipoh.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Pendek sahaja.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Yang Berhormat Simpang Renggam ini, sebenarnya isu dia sudah dibangkitkan dan saya pun sudah jawab secara lisan dalam sesi yang lepas. Isu pencemaran yang berlaku ialah di bawah KPKT dan perkara itu telah diselesaikan. Isu yang melibatkan veterinar sebagaimana yang dibangkitkan ialah melibatkan agensi lain, bukan di bawah Kementerian KASA. Jadi, oleh kerana itu...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Yang pelupusan? Pelupusan bahan kimia. Bahan elektronik.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Pelupusan bahan kimia...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Oleh kilang-kilang *recycle* bahan kimia.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya, yang ini memang kita kementerian, kita telah melantik beberapa agensi bagi *recycle* balik bahan-bahan tersebut. Walau bagaimanapun, mereka mesti mematuhi peraturan-peraturan yang ada. Saya ambil perhatian pada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk kita lihat secara lebih dekat apa yang dibangkitkan.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mohon Yang Berhormat Menteri juga...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Kita menjemput Yang Berhormat Menteri datang ke Simpang Renggam.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Terima kasih, *insya-Allah*. Banyak-banyak soalan yang dibangkitkan dan saya...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Untuk Ipoh juga ya, untuk Ipoh Perak, jawab secara bertulis.

**Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Jawab secara bertulis tentang soalan...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Ya. Saya akan jawab secara bertulis. *Insya-Allah*, semua yang dibangkitkan saya akan jawab termasuk daripada Yang Berhormat Parit Buntar.

**Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tolong letak atas meja, minggu depan boleh dapat?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya beri komitmen, sebenarnya jawapan dah *ready* tetapi oleh kerana masa yang tidak mengizinkan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Minta sikit sahaja.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya ucap terima kasih pada perkara yang telah dibangkitkan panjang lebar oleh pembahas.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh sikit Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man:** Saya harap peruntukan ini kita dapat luluskan secara sebulat suara. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM551,794,400 untuk Kepala B.33 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Kepala B.33 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.33 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Kepala P.33 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 9 Disember 2020.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.24 petang]*